



Membersihkan Salah Faham

*Terhadap Dakwah Syaikh
Muhammad bin Abdul Wahhab*

(Buku 1)

Abdul Aziz bin Muhammad
bin Ali al-Abd. al-Lathif

Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah *Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab*

Oleh

Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-Lathif

Judul Asal:

دعاوى المناوئين لدعوة الشيخ محمد بن عبد الوهاب

Pengarang:

عبد العزيز بن محمد بن علي العبد اللطيف

Judul Edisi Terjemahan:


Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin
Abdul Wahhab (Buku 1)

Penterjemah:

Mohammad Amin Yaacob

Penyunting:

Hafiz Firdaus Abdullah
(www.al-firdaus.com)



Cetakan Pertama: 2006

© Mohammad Amin Yaacob & Hafiz Firdaus Abdullah

KREDIT -

Disunting dari laman web - <http://hafizfirdaus.com/>

Ebook asal boleh dicapai di sini: <http://tinyurl.com/yyz7po8u>

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Penerbit: Perniagaan Jahabersa15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas, 81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-2351603

<http://www.jahabersa.com.my>

jahabers@tm.net.my

jahabers@starhub.net.sg



Edisi ebook oleh i-Paksi Training Centre

Kandungan

Kata Aluan Penyunting	iii
Kata Pengantar	v
Kepentingan Kajian Serta Sebab Ia Menjadi Pilihan Penulis	vi
Proposal Kajian Dan Metodologinya Mengikut Bab-Bab	x
Himpunan Bahan-Bahan Penulisan Ilmiah	xiv
Dakwah Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin Abd Al-Wahhab Serta Kesan-Kesannya	1
Perutusan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Kepada Penduduk Al-Qasim	2
Keterangan Syeikh 'Abd. Al-Latif Bin 'Abd. Al-Rahman Bin Hassan	7
Kajian Ringkas Terhadap Para Pengarang Yang Menentang Usaha Dakwah Al-Syeikh Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Diikuti Pendirian Para Ulama' Al-Salafiyyah Terhadap Penentangan Tersebut	16
Pendirian Para Ulama' Al-Salafiyyah Terhadap Penentangan Yang Dilakukan Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Serta Dakwah Al-Salafiyyahnya	45
Dakwaan Palsu Terhadap Dakwah Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Diikuti Dengan Jawapan Para Ilmuwan Islam Terhadapnya	
Bahagian Pertama: Tuduhan Palsu Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Bahawa Beliau Mengaku Menjadi Nabi Serta Merendah-Rendahkan Kedudukan Rasulullah.	62
Kenyataan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Terhadap Golongan Ahl Al-Riddah	65
Bahagian Kedua: Tuduhan Palsu Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Bahawa Beliau Merendah-Rendahkan Kedudukan Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam.	75

Kata Aluan Penyunting

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Kebelakangan ini istilah Wahabi sering diperkatakan. Namun sejauh pengamatan saya, ramai yang memperkatakannya tanpa mengetahui fakta yang sebenar di sebaliknya. Hasilnya, banyak salah faham dan buruk sangka timbul di kalangan masyarakat tentang apakah Wahabi, sejarah kelahirannya serta pegangannya.

Suasana ini menyebabkan saya merasa perlu diusahakan sebuah buku bagi memperbetulkan salah faham terhadap apa yang disebut-sebutkan sebagai Wahabi. Selain itu terdapat dua faktor lain yang menyebabkan saya merasa perlu dilakukan usaha ini, iaitu:

1. Banyak fitnah telah dilontarkan kepada pengasas gerakan Wahabi, iaitu al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. Wahhab. Maka menjadi tanggungjawab seorang muslim untuk membela seorang muslim lain yang telah dizalimi.
2. Dakwah Wahabi adalah sesuatu yang didasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan pemahaman dan pengamalan generasi awal. Oleh kerana telah wujud salah faham terhadap dakwah Wahabi, sebahagian umat Islam telah menolak dakwah tersebut secara mentah. Mereka tidak menyedari bahawa dengan penolakan tersebut, mereka sebenarnya menolak al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru amatlah penting untuk dibersihkan faktor penolakan tersebut, iaitu salah faham terhadap dakwah Wahabi.

Di antara beberapa buku yang ada di pasaran dalam subjek membela dakwah Wahabi, saya memilih sebuah buku yang berjudul *دعوى المناوئين لدعوة الشيخ محمد بن عبد الوهاب* karya Abdul Aziz bin Muhammad bin Ali al-Abd. al-Lathif. Buku ini jelas memiliki nilai ilmiah yang tinggi hasil daripada kajian yang amat luas lagi mendalam.

Seterusnya saya meminta rakan saya, Mohd. Amin Yaacob untuk menterjemahkannya ke bahasa Malaysia. Memandangkan buku yang asal adalah amat tebal dan dicetak dengan font yang kecil, kami memilih untuk menterjemah, menyunting dan menerbitkan buku tersebut dalam bentuk bersiri.

Saya berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar buku ini mencapai tujuan ia diusahakan. Pada waktu yang sama, dialu-alukan apa-apa cadangan dan pembaikan terhadap edisi terjemahan ini. Segala kesempurnaan hanyalah milik Allah.

Hafiz Firdaus Abdullah

17 April 2006

Al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab rahimahullah berkata:

“Segala puji bagi Allah, aku tidak menyeru kepada mazhab sufi, mazhab fekah, golongan ilmu Kalam ataupun kepada para imam yang terkenal seperti Ibn al-Qayyim, al-Dhahabi, Ibn Kathir dan lain-lain lagi. Namun aku menyeru kepada Allah yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya dan kepada Sunnah Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam yang diwasiatkan ke atas golongan awal umat baginda serta golongan terkemudian daripadanya. Aku tidak akan menolak kebenaran sekiranya ia datang kepadaku, bahkan aku bersaksi dengan Allah, malaikat serta sekalian mahkluk-Nya, sekiranya datang kepadaku satu perkataan yang benar aku akan menerima dengan sepenuhnya. Aku akan melemparkan apa yang tidak benar yang datang dari umat ini melainkan apa yang dibawa oleh Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam di mana baginda tidak berkata sesuatu melainkan kebenaran semata-mata...”¹

¹ Muallifat al-Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab, bahagian kelima, kitab al-Rasa’il al-Syaksiyyah, hlm. 252

Kata Pengantar

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan Kami berlindung kepada Allah dari keburukan diri kami dan dari keburukan perbuatan kami. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada Tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar taqwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.” (Ali-‘Imran: 102)

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturahmi. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.” (al-Nisa’: 1)

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, niscaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu. Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah mendapat kemenangan yang besar.” (al-Ahzab: 70-71)²

Amma Ba’du:

Kandungan perbincangan di bahagian Kata Pengantar adalah seperti berikut:

1. Kepentingan kajian serta sebab ia menjadi pilihan penulis.
2. Proposal kajian dan metodologinya mengikut bab-bab.
3. Himpunan bahan-bahan penulisan ilmiyyah.

² Ini merupakan khutbah yang dikenali sebagai “Khutbah al-Hajah”. Sila lihat risalah al-Syeikh Nasir al-Din al-Albani yang bertajuk Khutbah al-Hajah.

Kepentingan Kajian Serta Sebab Ia Menjadi Pilihan Penulis.

Dari segi kepentingan kajian ini, sepanjang tempoh penelitian dan pemerhatian penulis menerusi indeks bahan bacaan di perpustakaan negara-negara Arab dan penerbitan-penerbitan ilmiah yang umum dalam proses membuat pemilihan tajuk yang sesuai untuk tesis di peringkat Sarjana (Master), yang akan dikemukakan kepada "Jabatan Aqidah Serta Pemikiran Semasa", penulis mendapati banyak buku-buku dan rencana-rencana yang ditulis menentang perjuangan mulia atau dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab rahimahullah³.

Sebenarnya, apa yang ditulis dalam bahan-bahan tersebut hanyalah berupa pendustaan serta kekeliruan (syubhat) terhadap dakwah 'al-Salafiyyah' yang diperbaharui (Tajdid) oleh al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab rahimahullah. Menurut pengetahuan penulis lagi, sebahagian besar dari bahan tersebut tersebar di kebanyakan negara umat Islam. Ia mendapat sambutan baik di kalangan pelbagai golongan umat Islam khususnya pada zaman ini, di mana kegiatan-kegiatan yang menghalang serta menentang jalan Allah Subhanahu Wa Ta'ala bergiat aktif. Golongan yang terlibat dalam melakukan kerja-kerja sedemikian terdiri daripada para ahli bid'ah, golongan sufi yang terpengaruh dengan hawa nafsu, golongan melampau di kalangan Syi'ah - al-Rafidhoh, al-Ash'ariyah dan juga golongan lain yang seangkatan dengan mereka. Mereka ini menentang setiap seruan yang menyeru ke atas 'Akidah al-Salaf al Soleh' dengan cara mengisytiharkan diri mereka sebagai penentang (terhadap gerakan yang mulia ini – penterjemah).

Apabila penulis membentangkan tajuk ini kepada beberapa orang intelek atau ilmuwan Islam, maka penulis mendapat galakan serta motivasi yang tinggi untuk memilih serta meneruskan penulisannya. Penulis sedar sejak awal lagi tentang keluasan skop tajuk ini serta kekurangan dan kelemahan yang ada pada diri penulis.

Kepentingan tajuk ini boleh diperincikan seperti berikut:

Pertama:

Hakikatnya terdapat banyak bahan-bahan bacaan sama ada berbentuk buku mahupun risalah dimana pengarangnya melakukan penentangan terhadap seruan dakwah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab al-Salafiyyah. Apa yang diketahui ia hanyalah mengandungi unsur rekaan yang dihubungkan ke atas dakwah Salafi. Segala unsur rekaan yang dimuatkan bermotifkan penentangan terhadap dakwah al-

³ Para ilmuwan Islam menyusun banyak buku-buku bagi menjelaskan perjuangan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab (1110-1206H), antaranya seperti berikut: Raudhah al-Ifkar oleh Ibn Ghannam, 'Unwan al-Mujid oleh Ibn Bashir, Muhammad 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum oleh Mas'ud al-Nadwi, al-Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab Hayatuhu wa Fikrahu oleh 'Abd. Allah al-Uthaymin, 'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab oleh Saleh 'Abud, Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab oleh Ahmad bin Hajar Ali al-Bauthomi dan lain-lain

Salafiyah. Para penentang dengan penuh berani serta dengan garangnya menolak usaha dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab beserta dengan para pendokongnya. Ini terbukti menerusi segala bahan percetakan serta manuskrip yang terhasil yang boleh diumpamakan laksana buih yang tidak memberi apa-apa faedah.

Tambahan pula, pada zaman yang meluasnya kejahilan dan bermaharajalelanya ikutan (taqlid) secara membuta-tuli dan tersebarnya berbagai bentuk syirik yang menyebabkan bentuk-bentuk penulisan di atas mendapat penerimaan meluas di kalangan umat Islam. Begitu juga, tuduhan-tuduhan yang tersasar dari kebenaran dan kekeliruan-kekeliruan tentang dakwah al-Salafiyah serta tokoh pembaharu (Mujaddid)nya dan para pendokongnya terdapat dalam buku-buku dan dalam pelbagai bidang ilmu sebagaimana berikut:

1. Ibn 'Abidin di dalam Hasyiah⁴nya.
2. Al-Sowi di dalam Hasyiahnya terhadap kitab Tafsir al-Jalalayn,⁵
3. Rihlah al-Hijaziyyah karangan Muhammad Labib al-Batnuni⁶,
4. Mir'aat al-Jazirah al-'Arabiyyah karangan Ayub Sobri Basha⁷,
5. Tarikh Daulah al-Usmaniyyah karangan Muhammad Farid Bek⁸,
6. Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah karangan Muhammad Abu Zahrah⁹,
7. Al-Fikr al-Islamiyy fi Tatawwurihi karangan Muhammad al-Bahi¹⁰ serta selainnya.

⁴ Tuduhan Ibn 'Abidin ke atas golongan Wahabi dengan menganggap mereka sebagai Khawarij. Sila lihat Hasyiahnya terhadap kitab al-Durr al-Mukhtar, cetakan kedua, Maktabah al-Halabi, Mesir, Jil. 4, hlm. 262

⁵ Kutukan serta cercaan al-Sowi ke atas golongan Wahabi dengan menganggap mereka sebagai Khawarij. Sila lihat Hasyiahnya terhadap kitab Tafsir al-Jalalayn, cetakan Dar Ihya' al-Turath, Beirut, Lubnan, Jil. 3, hlm. 307-308.

⁶ Di dalam al-Rihlahnya al-Batnuni mensifatkan al-Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab sebagai individu yang menyebarkan akidah baru di kalangan umat Islam serta bersikap ekstrim terhadapnya. Sila lihat al-Rihlah al-Hijaziyyah, cetakan ketiga, Maktabah al-Ma'arif, al-Toif, hlm. 87.

⁷ Sila lihat kesalahan yang dilakukan pengarang Mir'aat al-Jazirah al-'Arabiyyah yang diulas oleh Dr. Ahmad Mutawali al-Marasi, cetakan pertama, Dar al-Riyadh, Riyadh, 1403H, hlm. 140-141.

⁸ Pengarang Tarikh Daulah al-Usmaniyyah memuatkan kenyataan-kenyataan yang banyak mengandungi kesalahan. Sila lihat kitabnya yang ditahqiq oleh Ihsan Haqqi, Dar al-Nafis Beirut, 1401H, hlm. 404-406.

⁹ Abu Zahrah telah membuat dakwaan yang banyak mengandungi pembohongan terhadap dakwah al-Salafiyah. Sila lihat karyanya yang bertajuk Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah, Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 208-211. Kenyataan bohong beliau itu disadurkan pula oleh Muhammad Tahir al-Nayfar di dalam penulisannya yang bertajuk Ahammu Firaq al-Islamiyyah, cetakan Syarikat al-Tunisiyyah, Tunis, 1974, hlm. 101-104.

¹⁰ Dr. Muhammad al-Bahi menulis di dalam bukunya al-Fikr al-Islamiyy fi Tatawwurihi suatu tajuk berkenaan al-Syeikh Muhammad bin Abd. al-Wahhab, cetakan pertama, Dar al-Fikr, 1971, hlm. 75-90. Di dalamnya mengandungi kesalahan-kesalahan terhadap golongan Wahabiyyah dengan mensifatkan sesuatu yang tidak ada pada mereka – semoga Allah mengampuninya. Dalam hal ini Dr. Muhammad Khalil Harras mengarang pula kitab al-Harakah al-Wahabiyyah. Ia bagi membongkar segala kebenaran serta membuang segala kesalahan serta kefahaman yang tidak betul Dr. Muhammad al-Bahi terhadap golongan Wahabiyyah.

Bahkan sebahagian ensiklopedia-ensiklopedia Arab mengandungi juga beberapa maklumat yang salah tentang dakwah al-Salafiyah.¹¹

Kedua:

Walaupun terdapat banyak tulisan-tulisan yang menentang dakwah al-Salafiyah tersebar pada zaman ini, malangnya tidak terdapat buku-buku dan tulisan-tulisan daripada pendokong-pendokong dakwah ini yang menyanggah tulisan-tulisan tersebut. Apa yang ada hanyalah tulisan-tulisan yang sudah dicetak lama dahulu yang sukar diperolehi pada masa ini. Contohnya adalah seperti berikut:

1. Kitab Ta'sis al-Taqdis fi al-Radd 'ala Daud Ibn Jurjis¹² karangan al-Syeikh Abd. Allah bin Abd. al-Rahman Abu Buthain rahimahullah.¹³
2. Kitab Minhaj al-Ta'sis wa al-Taqdis fi al-Radd 'ala Dawud bin Jurjis¹⁴ karangan al-Syeikh Abd. al-Latif bin. Abd. al-Rahman bin Hassan rahimahullah.¹⁵
3. Kitab-kitab yang dikarang oleh al-Syeikh Sulayman bin Sahman rahimahullah¹⁶ – yang dicetak sejak lama dahulu tetapi tidak diulang cetak semula walaupun ada keperluan atau permintaan kepadanya.¹⁷

Pada masa yang sama, golongan yang menentang dakwah para pemimpin al-Salafiyah mengarang buku-buku yang diselaputi oleh segala jenis tuduhan palsu serta kekeliruan (syubhat). Ia telahpun dicetak berulang kali dan disebar sehingga meluasnya kerosakan serta seribu-satu macam penyakit yang serius.

Seterusnya sebahagian orang telah mengemukakan pandangan berikut:

¹¹ Sila lihat Muhammad Farid Wajdi, Dai'rah Ma'arif al-Qarni al-'Isyri di bawah tajuk "Wahabiyyah", cetakan ketiga, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1971, Jil. 10, hlm. 869-870; Muhammad Syafiq Gharbal, al-Mausu'ah al-'Arabiyyah al-Maisirah, Dar Nahdhah, Lubnan, Beirut, 1401H, hlm. 1968 di bawah tajuk "Wahabiyyah".

¹² Cetakan Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir, 1344H.

¹³ al-Syeikh Abd. Allah bin Abd. al-Rahman Abu Buthain dilahirkan di Rhaudah Sadir pada tahun 1194H dan meninggal dunia di Syaqra' pada tahun 1282H. Beliau bertanggungjawab sebagai hakim di beberapa buah daerah serta terkenal sebagai pengarang kepada banyak kitab. Beliau mendapat pujian daripada ramai tokoh ulama' sezaman dengannya sehingga digelar sebagai "Mufti daerah Najd". Sila lihat kitab 'Ulama' Najd Khilal Sittah Qurun oleh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman al-Bassam. Cetakan pertama, Dar al-Yamamah al-Riyadh, 1394H, hlm. 235.

¹⁴ Kitab ini dicetak menerusi dua percetakan iaitu menerusi cetakan Bombay, India pada 1309H dan cetakan Kaherah, oleh Matba'ah Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyah pada tahun 1366H.

¹⁵ al-Syeikh Abd. al-Latif dilahirkan di daerah al-Dar'iyah pada tahun 1225H. Beliau mendapat pendidikan di sana kemudian meneruskan pembelajaran di Mesir dengan ramai tokoh-tokoh ulama'nya sewaktu kejatuhan daerah al-Dar'iyah. Setelah menamatkan pembelajaran, beliau kembali ke Riyadh lalu mengajar dengan mempunyai ramai anak murid. Selain itu beliau juga mengarang banyak kitab-kitab serta risalah dan tidak ketinggalan menulis puisi-puisi Arab. Meninggal dunia pada tahun 1293H. Sila lihat kitab Mashahir Ulama' Najd, hlm. 93; Kitab Ulama' Najd, Jil.1, hlm. 63.

¹⁶ Syeikh Sulayman bin Sahman dilahirkan pada tahun 1266H. Beliau kemudiannya berpindah ke Riyadh serta belajar di sana. Terkenal dengan banyak mengarang kitab-kitab serta soal-jawab agama. Beliau juga seorang yang sangat pakar dalam seluk-beluk puisi Arab. Meninggal dunia di Riyadh pada tahun 1349H. Sila lihat kitab Mashahir Ulama' Najd, hlm. 290; Kitab Ulama' Najd, Jil.1, hlm. 279.

¹⁷ Di antara karya tokoh-tokoh perjuangan al-Salafiyah yang telah diulang-cetak semula ialah al-Tawdhih 'an Tauhid al-Khallaq dan Kitab al-Qawl al-Fasl al-Nafis. Namun kitab-kitab ini memerlukan kepada kajian yang teliti serta penyuntingan semula untuk mendedahkan dan menjelaskan kesesuaian, kepentingan serta ketinggian nilainya.

Sesungguhnya buku-buku karangan sebahagian pemimpin dakwah terdahulu di dalam menolak apa yang menyalahinya hanya berkesan pada tempoh yang tertentu sahaja dan kini ianya tidak begitu sesuai disebabkan berlakunya perubahan zaman atau suasana. Tambahan pula jawapan-jawapan yang dikemukakan mereka hanyalah terhadap individu-individu tertentu yang disebutkan namanya terdahulu yang telah berlalu zamannya. Maka kita tidak lagi berhajat kepada buku-buku tersebut pada masa kini.

Maka jawapan kami:

Ketika mana pengarang kitab-kitab tersebut menjawab segala bangkangan yang diluahkan oleh para penentang, mereka tidak bermaksud melainkan untuk menolak segala tuduhan palsu serta kekeliruan (syubhat) yang memberi kesan penolakan terhadap dakwah al-Salafiyyah. Jawapan-jawapan yang dikarang oleh para pemimpin dakwah al-Salafiyyah dan pendokongnya merupakan tulisan-tulisan yang sesuai untuk menjawab kekeliruan (syubhat) dan bangkangan tersebut walaupun berbeza dari segi masa dan tempat kerana kandungan kekeliruan (syubhat) dan bangkangan adalah tetap sama.

Untuk pemerhatian kita bersama, huraian secara mendalam akan dilakukan mengikut bab-bab tertentu bagi menjelaskan segala dakwaan para penentang dalam penolakan mereka terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al- Wahhab pada zamannya dan juga pada zaman kita. Di mana motif sebenar tindakan mereka itu adalah penolakan terhadap perjuangan al-Salafiyyah. Dakwaan-dakwaan yang ditujukan terhadap dakwah al-Salafiyyah sekarang ini tidaklah melebihi apa yang ditimbulkan oleh golongan penentang sebelum mereka iaitu di zaman al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab, sepertimana juga mereka yang menentang terdahulu daripada al-Syeikh telah menceduk dakwaan serta kekeliruan (syubhat) mereka dari golongan yang menentang dakwah al-Salafiyyah pada zaman mujaddid lampau seperti Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah serta anak muridnya Ibn al-Qayyim rahimahumullah serta sebelum zaman mereka berdua. Ini akan berterusan berlaku dari masa ke semasa.

Perbahasan yang serba sederhana ini akan cuba menjelaskan kepada generasi al-Muwahhidun (golongan al-Salafiyyah semasa-penterjemah) sebahagian dari "jawapan-jawapan yang bersinar cahayanya" berdasarkan apa yang ditulis oleh golongan Salaf yang tidak jauh masanya dari zaman kita. Ia juga akan membongkar usaha-usaha gigih yang dilakukan oleh generasi terdahulu dalam membantu perkembangan dakwah al-Salafiyyah. Tindakan yang dilakukan ini berkait rapat dengan usaha gigih sebelumnya menerusi para ulama' Salaf terkemuka seperti Ahmad bin Hanbal, al-Bukhari, Ibn Qutaybah, 'Usman bin Sa'id al-Darimi, Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim rahimahumullah jami'an. Menerusi

pendekatan ini, ia akan membantu umat Islam bergerak maju ke hadapan ke arah pendekatan (manhaj) Salaf serta berpegang teguh dengannya.

Ketiga:

Menjadi harapan besar golongan yang berpegang kepada akidah Salaf untuk mengemukakan bantahan serta menjelaskan kekeliruan (syubhat) tersebut dengan penjelasan yang tepat serta jelas. Jawapan-jawapan yang dikemukakan bagi menjelaskan segala penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab kebanyakannya berasaskan kepada jawapan-jawapan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah sendiri. Ini berdasarkan kenyataan bahawa dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab tanpa sebarang keraguan adalah berasaskan sepenuhnya kepada akidah al-Salaf al-Soleh.

Penulis dengan penuh rasa kegembiraan ingin bersama-sama seluruh umat Islam memperjuangkan serta menabur bakti ke arah memperjuangkan akidah "Firqah al-Najiyah" (kumpulan yang selamat - penterjemah) serta mempertahankannya dengan kadar yang termampu.¹⁸

Proposal Kajian Dan Metodologinya Mengikut Bab-Bab.

Pembentukan proposal kajian di bahagian Kata Pengantar serta pengenalan dibahagikan kepada tiga bab serta penutup. Kandungan bahagian Kata Pengantar adalah seperti berikut:

1. Kepentingan kajian serta sebab ianya menjadi pilihan penulis.
2. Proposal kajian dan metodologinya mengikut bab-bab.
3. Himpunan bahan-bahan penulisan ilmiyyah.

Kandungan di bahagian pengenalan adalah seperti berikut:

Pertama: Dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab serta kesan-kesannya.

¹⁸ Terdapat beberapa orang penulis yang cuba menjawab dakwaan-dakwaan para penentang dakwah al-Salafiyah. Di antaranya al-Syeikh Muhammad al-Rifa'ie, Dr. Abd. al-Rahman 'Umayrah, 'Abd. al-Karim Khatib serta Muhammad Yusuf. Namun kajian-kajian yang mereka lakukan adalah ringkas sedangkan jawapan-jawapan yang dikemukakan perlu kepada sumber serta fakta yang lebih kukuh. Sikap ini perlu diambil kerana membincangkan keseluruhan dakwaan-dakwaan terhadap perjuangan al-Syeikh Muhammad bin. Abd. al-Wahhab memerlukan kepada kupasan yang luas serta mendalam. Tidak cukup hanya membahaskannya secara ringkas serta sambil lalu sahaja. Berdasarkan kenyataan ini, menjadi harapan penulis berusaha melengkapkan kekurangan-kekurangan tersebut. Semoga Allah mengurniakan Taufik-Nya.

Kedua: Kajian ringkas terhadap para pengarang yang menentang usaha dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab. Disertakan bersama, pendirian para ulama' al-Salafiyah terhadap penentangan tersebut.

Tajuk Bab Pertama adalah "Dakwaan Palsu terhadap dakwah al-Syeikh Imam Muhammad bin. Abd. Wahhab diikuti dengan jawapan para ilmuwan Islam terhadapnya." Ia mengandungi tiga bahagian:

- Bahagian pertama: Tuduhan palsu terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab bahawa beliau mengaku menjadi Nabi serta merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam (diikuti dengan jawapannya).
- Bahagian kedua: Dakwaan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab seorang yang berfahaman Musyabbihah dan Mujassamah (diikuti dengan jawapannya).
- Bahagian ketiga: Tuduhan palsu bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab menafikan karamah para wali Allah (diikuti dengan jawapannya).

Bab Kedua pula bertajuk "Motif timbulnya kekeliruan di sekitar dakwah al-Syeikh Imam Muhammad bin. Abd. Wahhab serta dengan penjelasan sebenar terhadapnya." Ianya mengandungi tiga bahagian:

Bahagian Pertama: Persoalan kafir-mengkafir (Takfir) serta peperangan (al-Qital).

Seterusnya ia terbahagi kepada:

- Perbahasan pertama: Pembohongan serta tuduhan palsu para penentang terhadap al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab di dalam persoalan kafir-mengkafir (Takfir) beserta jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.
- Perbahasan kedua: Tuduhan palsu terhadap golongan Wahabi dengan melabelkan mereka sebagai Khawarij. Seterusnya persoalan penduduk Najd Yamamah yang diumpamakan sebagai tanduk syaitan. Perbahasan diikuti dengan jawapan dan bantahan ilmuwan Islam terhadapnya.
- Perbahasan ketiga: Kekeliruan kononnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab berselisih pendapat dengan Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim.

- Perbahasan keempat: Kekeliruan kononnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab mengatakan bahawa perbuatan syirik tidak akan terjadi ke atas umat Islam.
- Perbahasan kelima: Kekeliruan tentang penurunan ayat-ayat al-Qur'an ke atas golongan Musyrikin yang dikaitkan dengan umat Islam.
- Perbahasan keenam: Kekeliruan kononnya al-Syeikh Imam Muhammad bin. Abd. Wahhab menentang Daulah al-Khilafah.

Bahagian Kedua: Persoalan pengharaman Tawassul.

Bahagian Ketiga: Persoalan tegahan meminta pertolongan (Syafaat) dengan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.

Tajuk Bab Ketiga adalah "Penentangan di dalam urusan Dakwah beserta Perbincangan mengenainya." Ia mengandungi tiga bahagian:

- Bahagian pertama: Persoalan meruntuhkan binaan kubur beserta larangan bermusafir (Syadda Rihal) untuk menziarahi kubur.
- Bahagian kedua: Pembahagian Tauhid kepada Tauhid Rububiyah dan Tauhid Uluhiyyah.
- Bahagian ketiga: Penolakan amalan memohon kepada orang yang telah mati.

Sebagai penutup kepada kajian maka dinyatakan kesimpulan dari perbincangan di atas. Metodologi yang dipilih untuk kajian berdasarkan bab-bab adalah seperti berikut:

1. Menyatakan dakwaan-dakwaan atau bingkangan berdasarkan apa yang ditulis oleh para penentang di dalam karya-karya mereka. Kadangkala penulis merujuk kepada hasil penulisan para pemimpin dakwah al-Salafiyah terhadap mereka bagi menolak segala tuduhan yang dilemparkan. Tindakan ini dilakukan apabila penulis tidak mendapatinya pada hasil karya sebahagian dari para penentang tersebut.
2. Kenyataan yang dikemukakan para penentang dinyatakan mengikut susunan zaman serta tarikh kematian mereka. Namun tindakan ini kadangkala tidak dapat dilakukan sepenuhnya mengikut susunan disebabkan penulis tidak mempunyai buku-buku biografi sebahagian daripada mereka.

3. Secara umumnya skop kajian tesis ini dihadkan kepada menyatakan dakwaan penentangan berdasarkan hasil penulisan golongan agama serta kumpulan-kumpulan Islam dalam bahasa Arab. Penulis tidak menyatakan dakwaan serta serangan yang dilakukan para Orientalis (Mustashriqin) terhadap dakwah al-Salafiyah. Pada pandangan penulis, jawapan-jawapan para ulama' Islam terhadap golongan Orientalis merupakan jawapan yang amat kukuh serta sangat penting bagi menolak segala kekeliruan yang ditimbulkan mereka menyamai apa yang terdapat pada kajian ini. Ini terutama berhubung dengan sejarah hidup serta perjuangan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab¹⁹. Namun pandangan para Orientalis ditulis menggunakan bahasa Inggeris dan Urdu, atau kedua-duanya sekali yang memerlukan kepada penterjemahan semula ke dalam bahasa Arab. Penulis tidak mempunyai ruang waktu yang cukup untuk melakukan demikian.
4. Segala dakwaan-dakwaan akan dinyatakan beserta dengan jawapan-jawapan para pemimpin dakwah al-Salafiyah serta para pendokongnya. Jawapan-jawapan yang dikemukakan mengikut susunan zaman serta tarikh kematian mereka. Jawapan-jawapan para pendokong dakwah al-Salafiyah dari luar negara (luar negara penulis-penterjemah) dinyatakan sekali antaranya seperti berikut:
- Jawapan al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Hazimi al-Yamani rahimahullah.²⁰
 - Jawapan al-Sahsawani al-Hindi rahimahullah.²¹
 - Jawapan Mahmud al-Alusi al-Iraqi rahimahullah.²²

Tindakan ini dilakukan supaya jelas kepada kita bahawa perjuangan serta kesan dakwah al-Salafiyah tersebar meluas ke seluruh pelusuk dunia.

¹⁹ Bagi menyokong kenyataan ini, sila lihat apa yang termaktub di dalam kitab Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum wa Muftari 'alayh karangan Mas'ud al-Nadwi yang diulas oleh 'Abd 'Alim al-Bastawi, cetakan Matba'ah Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud, 1404H, hlm. 163-185; 195-209; kitab Buhuth wa Ta'liqat fi Tarikh al-Su'udiyah karangan al-Uthaymin, hlm. 115-126. Lihat juga buku karangan seorang orientalis bernama Edward John bertajuk Misr fi al-Qarni al-Tasi' 'Asyar. Buku yang mengandungi kesilapan fakta sejarah ini telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Muhammad Mas'ud, cetakan pertama, Kaherah. 1340H, hlm. 436-444.

²⁰ Muhammad bin Nasir al-Hazimi tinggal di bandar Domad dan belajar dengan para ulama' di sana. Beliau mahir dengan segala macam ilmu terutama dalam bidang Hadith. Meninggal pada tahun 1283H. Sila lihat kitab Nayl al-Wathar min Tarajim 'Ulama' Yaman fi al-Qarn al-Thani 'Asyar karangan Muhammad bin Muhammad bin Yahya bin Zabarah cetakan Matba'ah al-Salafiyah, Kaherah, 1350H, Jil. 2, hlm. 322.

²¹ Beliau ialah Muhammad Bashir bin Muhammad al-Sahsawani, seorang yang alim dalam ilmu Fekah dan Hadith serta banyak menulis kitab-kitab agama. Dilahirkan di daerah Lucknow, India, pada tahun 1250H. Meninggal pada tahun 1326H di Delhi. Sila lihat pengenalan kepada kitab Siyanah al-Insan dan al-A'lam karangan Khairy al-Din al-Zarkali, cetakan kedua, Dar 'Ilm, Beirut, Lubnan, 1984M, Jil. 5, hlm. 36.

²² Beliau ialah Mahmud Syukri al-Alusi, seorang yang alim dalam ilmu syari'at serta kesusasteraan Arab. Dilahirkan di kota Baghdad pada tahun 1273H dan meninggal juga di sana pada tahun 1342H. Pengarang kepada 52 buah kitab-kitab agama. Sila lihat kitab A'lam al-Iraq karangan Muhammad Bahjah al-Asiri, salah seorang anak murid beliau, hlm. 36-231 serta pengenalan kepada kitab al-Misq al-Azfar karangan Al-Alusi serta kitab al-A'lam, Jil. 7, hlm. 172-173.

5. Penulis hadkan jawapan-jawapan dakwaan penentangan berdasarkan hasil penulisan para pemimpin serta pendokong dakwah al-Salafiyyah. Kenyataan-kenyataan dari para ulama' terkemuka al-Salaf terdahulu dimuatkan bersama bagi menyokong jawapan-jawapan yang dikemukakan. Tanpa adanya keraguan sedikitpun, keseluruhan jawapan para pemimpin serta pendokong dakwah al-Salafiyyah yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa skop dakwah al-Salafiyyah bukan sahaja bersumberkan kepada ajaran-ajaran para ulama' terkemuka Salaf al-Soleh terdahulu bahkan merangkumi keseluruhan isi ajaran mereka.
6. Penulis meletakkan pada setiap permulaan bab-bab kajian kecaman-kecaman yang dilemparkan para penentang bagi memastikan kejelasannya serta cuba menyelami apa yang tersurat dan tersirat di dalam setiap kecaman yang dilemparkan itu.

Himpunan Bahan-Bahan Penulisan Ilmiyyah.

Setelah secara rasminya lengkap mencatat perbincangan ini, penulis mengumpulkan segala sumber rujukan dengan perhatian khusus diberikan kepada hasil karya golongan penentang dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin. Abd. al-Wahhab dan juga hasil karya para pemimpin serta pendokongnya yang mengandungi penolakan serta jawapan terhadap penentangan tersebut. Sebagai langkah permulaan penulis mengumpulkan hasil karya terpenting golongan penentang serta pembela dakwah al-Salafiyyah berdasarkan kepada manuskrip serta bahan-bahan bercetak yang diperolehi dari Universiti al-Malik Sa'ud. Manakala koleksi akhbar, artikel serta Jurnal yang terikat kemas diperolehi dari Perpustakaan al-Markaziyyah Universiti yang sama.

Menerusi Jabatan Manuskrip Universiti Imam Muhammad bin Sa'ud, penulis memperolehi satu salinan manuskrip kitab Faslul Khitab karangan al-Qabbani. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan para pengarang yang menentang dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin Abd. al-Wahhab sebagaimana tercatat di dalam jurnal-jurnal yang terkemuka.

Segala puji di atas rahmat Allah, penulis berjaya memperolehi naskah salinan sebahagian dari sumber-sumber penting golongan penentang dari perpustakaan al-Sau'diyyah. Allah juga telah memberikan kemudahan kepada penulis untuk mendapatkan salinan sebahagian dari hasil-karya tersebut dari pejabat percetakan Dar al-Ifta.

Daripada Universiti al-Malik 'Abd. al-'Aziz, penulis memperolehi sebuah "manuskrip lama" serta sebuah risalah lain yang menolak dakwah al-Salafiyah.²³ Menerusi Perpustakaan Institut "al-Idarah", penulis memperolehi gambar-gambar suratkhbar Universiti Ummul Qura.

Al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-'Aziz bin Sahman, Qadhi terkemuka mahkamah Riyadh, menghadiahkan kepada penulis sebahagian karya berbentuk manuskrip hasil penulisan bapa saudaranya al-Syeikh Sulayman bin Sahman rahimahullah yang belum dicetak. Ianya diberi nama al-Hujjaj al-Wadhihah al-Islamiyyah²⁴. Semoga Allah mengurniakan kebaikan ke atas diri beliau.

Betapa mulianya hati sebahagian tuan-tuan Guru serta para Ustaz kerana sudi membantu penulis sama ada dengan meminjamkan atau menghadiahkan sebahagian dari kitab-kitab penting untuk tujuan pengkajian. Semoga Allah menganugerahkan ganjaran serta keberkatan-Nya kepada mereka.

Penulis berjaya memperolehi beberapa bahan bacaan yang menolak golongan Wahabi beserta dengan penjelasan (syarah)nya yang tidak diketahui (majhul) siapa pengarangnya. Ianya diperolehi dari Perpustakaan Aramco, Dahrn. Menerusi Perpustakaan al-Solihyyah di kota 'Unayrah penulis memperolehi kitab al-Nufkah 'ala Nufkah.²⁵

Penulis mengutus surat kepada al-Ustaz al-Syahmi Sobhi al-Badri al-Samara'ie, Iraq memohon kepadanya himpunan kitab-kitab menentang dakwah al-Salafiyah hasil penulisan para ulama' Syi'ah di sana. Sebagai balasannya, beliau menghantar kepada penulis himpunan kitab-kitab yang dipohon. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepadanya.

Penulis juga membuat permohonan kepada Institut Manuskrip Negara Kuwait sebahagian naskah salinan manuskrip tulisan tangan hasil karya golongan yang menentang dakwah al-Salafiyah. Sebagai jawapannya mereka menghantar kepada penulis himpunan manuskrip tersebut.²⁶

Menerusi Universiti al-Salafiyah Banares, India, penulis membuat permohonan mendapatkan sebahagian kitab-kitab menentang dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad

²³ Manuskrip lama bertajuk Izhaq al-Bathil fi Radd Syubhat al-Farq al-Wahabiyyah karangan Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdani.

²⁴ Pada bulan Zulkaedah tahun 1406H, penulis diberitahu oleh al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-'Aziz bin Sahman bahawa kitab ini merupakan hasil karangan al-Syeikh Sulaiman bin. Sahman, bapa saudaranya.

²⁵ Penulis tidak menjumpai kitab ini di kebanyakan kedai-kedai buku umum di kota Riyadh.

²⁶ Ianya seperti berikut: Risalah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah karangan 'Abd. Allah bin Husein bil-Faqih al-'Alawi; Risalah fi al-Radd 'ala al-Khawarij; al-Minhaj al-Ilahiyyah fi Thomas al-Dolalah al-Wahabiyyah karangan Isma'il al-Tamimi al-Tunisi dan Masa'il wa Ajwibah wa Radud 'ala al-Khawarij karangan Muhammad bin Sulayman al-Kurdi.

bin 'Abd. al-Wahhab. Sebagai balasannya, mereka menghantar tiga salinan naskah namun di dalam bahasa Urdu.

Penulis mengutus surat kepada Husein bin Helmi Isyiq, pemilik kedai buku serta percetakan 'al-Haqiqah' Istanbul, Turki. Beliau merupakan musuh terkenal dakwah al-Salafiyah semasa. Permohonan dibuat bagi mendapatkan edaran percuma hasil karya golongan yang menentang al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta dakwahnya. Himpunan hasil karya telah dihantar kepada penulis di mana salah sebuah daripadanya digunakan sepenuhnya dalam perbincangan ini.²⁷

Penulis membuat permohonan kepada perpustakaan negara Jerman yang berpusat di Berlin sebahagian dari manuskrip penting golongan penentang dakwah al-Salafiyah dan sebagai jawapan balas mereka menghantar tiga naskah salinan manuskrip tulisan tangan kepada penulis.²⁸

Sehubungan dengan ini, perpustakaan Universiti Tubanjan (نجنیوت), Jerman telah menghantar sebuah manuskrip yang sukar diperolehi karangan para penentang dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab hasil daripada permohonan penulis kepada mereka.²⁹

Penulis menulis surat permohonan kepada beberapa perpustakaan di Britain dan negara Eropah selainnya namun sebahagiannya tidak dapat menunaikan permintaan penulis disebabkan tiadanya bahan-bahan tersebut di dalam simpanan mereka. Penulis memohon kepada salah seorang guru di Kaherah, Mesir,³⁰ bagi mendapatkan manuskrip-manuskrip berdasarkan senarai indeks yang ada pada percetakan Negara Dar al-Kutub al-Misriyyah (yang dikenali sebagai Khazanah Timur), namun diberitahu bahawa naskah-naskah tersebut tidak wujud lagi. Begitu juga apabila permohonan dibuat kepada sebahagian dari badan-badan ilmiah yang dirasakan dapat membantu kajian, namun ada yang tidak memberikan sebarang jawapan.

Di antara halangan yang di hadapi ketika mengumpul bahan-bahan ilmiah adalah seperti berikut:

1. Kelewatan memperolehi sebahagian bahan asas rujukan kajian. Adakalanya penulis mengambil masa sehingga tujuh bulan menerusi perantaraan surat-menyurat bagi

²⁷ Kitab al-Iman wa al-Islam karangan Khalid al-Naqsyabandi al-Baghdadi. Husein Isyiq menulis kata-kata pengenalan kepada kitab ini dengan berjela-jela panjangnya.

²⁸ Ianya seperti berikut: al-Musykah al-Mudi'ah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah karangan Ibn al-Suwaydi; Risalah Ibn Afaliq li 'Usman bin Ma'mar dan Jawab Ibn 'Afaliq 'ala Radd Ibn Ma'mar.

²⁹ Kitab Tahkum al-Muqallidin fi Mad'ie Tajdid al-Din karangan Muhammad bin 'Afaliq.

³⁰ Beliau ialah yang mulia Ustadz Dr. Ahmad Fahd al-Syawabakah.

memperolehi sebahagian manuskrip-manuskrip yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan negara Barat.

2. Oleh kerana terdapat pelbagai jenis bingkangan, penentangan serta kekeliruan yang ditimbulkan golongan yang menentang dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, penulis menyempitkan skop dengan hanya memberi perhatian kepada persoalan yang melibatkan akidah sahaja.

3. Wujudnya pertindihan perhubungan di antara satu bab dengan bab kajian lain. Ia berlaku disebabkan sebahagian persoalan yang timbul di sesuatu bab tertentu mempunyai kaitannya dengan bab-bab berikutnya. Sebagai jalan penyelesaian, penulis menyebut perkara yang sama berulang-kali secara ringkas sahaja ataupun dengan disertakan huraian di tempat-tempat yang sepatutnya.

Sebagai mengakhiri bahagian Kata Pengantar, penulis menyatakan pujian terhadap Allah yang Maha Mulia kerana memudahkan serta mengurniakan pertolongan-Nya sehingga kajian ini berjaya disiapkan. Harapan ditujukan kepada Allah Subhanahu Wa Ta ala agar menjadikan usaha ini sebagai pintu bagi memperolehi ilmu yang bermanfaat serta menuntut keredhaan-Nya.

Penulis

'Abd. 'Aziz bin Muhammad bin 'Ali al-'Abd. al-Latif Riyadh, Saudi Arabia
Rabi' al-Awwal, 1409H.

Dakwah Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd Al-Wahhab Rahimahullah Serta Kesan-Kesannya

Secara realiti, apa yang ditulis oleh al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab sama ada berbentuk kitab mahupun risalah perutusannya ke pelbagai negara dan tempat mengukuhkan lagi keyakinan kita bahawa al-Syeikh al-Imam tidak sekali-kali menyeru umat Islam melainkan kepada akidah al-Salaf al-Soleh dalam perkara yang berkaitan dengan kepercayaan atau i'tiqad. Namun keseluruhan hasil karya, perjalanan hidup serta tindak tanduk al-Syeikh al-Imam tidak hanya menjurus dalam persoalan akidah sahaja bahkan merangkumi juga aspek-aspek lain. Ini disebabkan kecenderungannya yang amat mendalam untuk kembali sepenuhnya kepada kehidupan al-Salaf al-Soleh.

Kenyataan ini makin terserlah menerusi hasil karya para pengikut serta pendokong dakwah al-Salafiyah selepasnya terhadap diri beliau. Kriteria khusus yang mereka paparkan terhadap al-Syeikh al-Imam Mujaddid Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab ialah keteguhan serta kepatuhan sepenuhnya beliau kepada pendekatan (manhaj) Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Kesan dari pernyataan ini dapat dilihat dalam kehidupan orang-orang yang mengikuti ajarannya dimana mereka, sebagaimana juga al-Syeikh al-Imam, sepenuhnya berpegang teguh kepada akidah Firqah al-Najiyah sama ada dari sudut percakapan mahupun perilaku mereka.

Menerusi penyaksian ramai ulama' serta ilmuwan terkemuka dari pelbagai negara, tempat serta pada zaman yang berbeza, bahkan kalangan golongan berlainan kepercayaan agama, tidak syak lagi bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab menyeru kepada ketulenan serta kemurnian ajaran Islam dengan menjauhi sama sekali pencemaran falsafah serta kekotoran akibat perbuatan syirik.

Di sini kami paparkan sebahagian hasil penulisan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah yang tidak memerlukan penjelasan yang panjang lebar bagi menyatakan betapa jelas hakikat dakwah beliau.³¹

³¹ Lihat contoh seperti berikut: Mahmud Mahdi al-Istanbuli, al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab fi Mir'ah 'Ulama' al-Syarq wa al-Maghrib, 1400H; Amin Sa'id, Sirah al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, cetakan pertama, Syarikat al-Tauzi' al-'Arabiyyah, Beirut, 191-215; Ahmad Bin Hajar 'Ali Bauthomi, al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Matba'ah al-Hukumah, Makkah al-Mukarramah, hlm. 77-120.

Perutusan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Kepada Penduduk Al-Qasim

Di dalam perutusannya kepada penduduk al-Qasim yang mengemukakan pertanyaan tentang pegangan akidahnya, al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah menjawab:

Aku bersaksikan Allah serta para malaikat yang hadir di sisiku. Aku juga bersaksikan kamu bahawa aku berpegang teguh dengan akidah al-Firqah al-Najiyah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti berikut:

Aku beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, Kitab-Kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya, kehidupan sesudah mati dan kepada Qadar segala yang baik dan buruk. Aku beriman kepada Allah dengan apa yang Dia sifatkan Diri-Nya di dalam Kitab-Nya menerusi lisan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam tanpa tahrif dan ta'til. Aku beriman bahawasanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

"Tidak ada sesuatu yang menyerupainya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat."
(al-Syura 42:11)

Aku tidak menafikan apa yang Allah sifatkan tentang diri-Nya, Aku tidak mengubah Kalamnya dari kedudukan maknanya yang sebenar serta tidak pula menjatuhkan diriku ke dalam kesesatan berhubung dengan segala Asma' dan Sifat Allah. Aku tidak menyerupakan sifat Allah dengan makhluk-Nya kerana Dia tidak menyerupai makhluk-Nya serta tidak ada makhluk yang boleh menyerupai serta dibandingkan dengan-Nya.

Maha Suci Allah yang Maha Mengetahui tentang diri-Nya serta sekalian makhluk-Nya. Maha Benar segala firman-Nya dan Maha Sempurna segala perkhabaran-Nya. Allah Memahasucikan diri-Nya mengatasi segala yang disifati makhluk-Nya (terhadap diri-Nya – penterjemah) di kalangan ahli takyif dan tamthil serta penafian ahli tahrif dan ta'til. Dalam hal ini Allah berfirman:

"Maha suci Tuhanmu yang mempunyai keperkasaan dari apa yang mereka katakan. Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul." (al-Saffat: 180-181)

Sesungguhnya al-Firqah al-Najiyah merupakan golongan pertengahan di antara al-Qadariyah dan al-Jabariyah berhubung pegangan mereka terhadap perbuatan Allah. Mereka juga merupakan golongan pertengahan di antara al-Murji'ah dan al-Wa'idiyah (al-Khawarij dan al-Muktazilah) berhubung dengan amaran (wa'id) Allah. Mereka juga merupakan golongan pertengahan di antara al-Haruriyyah, al-Mu'tazilah, al-Murji'ah dan

al-Jahmiyyah berhubung perkara keimanan dan urusan keagamaan. al-Firqah al-Najiyah juga merupakan golongan pertengahan di antara al-Rafidhoh dan al-Khawarij berhubung kedudukan para sahabat Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.

Aku berpegang bahawa al-Qur'an itu Kalam serta Wahyu Allah yang tidak diciptakan (bukan makhluk) di mana ia datang daripada-Nya dan akan kembali kepada-Nya. Menerusi al-Qur'an, Allah Berkata-kata secara hakikat serta mewahyukannya kepada hamba-Nya serta Rasul-Nya yang terpercaya (amin) Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Aku beriman bahawa Allah melakukan apa yang Dia kehendaki. Tidak ada yang terjadi melainkan dengan keizinan-Nya serta tidak ada sesuatu yang terkeluar dari kekuasaan-Nya. Begitu juga tidak ada sesuatu yang berlaku pada alam ini yang terkeluar atau berbeza dari ketetapan (Taqdir)-Nya. Dan tidak ada sesiapa yang dapat mengelakkan dirinya dari apa yang ditetapkan baginya ataupun melampaui apa yang telah dituliskan untuknya berdasarkan apa yang termaktub di al-Luh al-Mastur.

Aku beriman dengan apa yang yang diberitahu oleh Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam berhubung apa yang akan terjadi sesudah mati. Aku beriman dengan siksa dan nikmat kubur serta kembalinya ruh ke dalam jasadnya. Seterusnya seluruh manusia akan bangun berhadapan dengan Tuhan sekalian alam. Mereka akan dihidupkan kembali dalam keadaan tanpa sepatu, bertelanjang, tidak bersunat dengan matahari berada dekat dengan mereka. Timbangan akan dibawa dimana segala amalan para hamba Allah akan disukat dengan timbangan tersebut. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

"Barangsiapa yang berat timbangan (kebaikan)nya, maka mereka itulah orang-orang yang dapat keberuntungan. Dan barangsiapa yang ringan timbangannya, maka mereka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, mereka kekal di dalam neraka Jahanam." (al-Mu'minun: 102-103)

Al-Dawaween (rekod amalan –penterjemah) akan dihamparkan. Ada di antara hamba Allah yang akan menerimanya menerusi tangan kanan dan ada yang menerima menerusi tangan kirinya.

Aku beriman dengan Haudh (telaga –penterjemah) Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam di hari kebangkitan nanti. Airnya lebih putih dari susu, lebih manis dari madu manakala bekas-bekasnya amat berkilauan cahayanya laksana bintang-bintang di langit. Sesiapa yang minum walau seteguk sahaja daripadanya tidak akan merasa dahaga buat selama-lamanya. Aku beriman bahawa al-Sirat (jambatan –penterjemah) akan dibentangkan di atas neraka jahanam di mana manusia akan melintasinya bergantung kepada amalan mereka.

Aku beriman dengan syafaat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Baginda merupakan orang pertama yang akan memberi syafaat dan orang pertama yang diizinkan untuk memberi syafaat. Hanya golongan bid'ah dan sesat yang menolak serta menafikan syafaat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Namun kebenaran melakukan syafaat hanya setelah mendapat keizinan Allah sebagaimana firmanNya:

"Dan mereka tiada memberi syafaat melainkan kepada orang yang diredhai Allah." (al-Anbiya': 28)

"Tiada yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izin-Nya." (al-Baqarah: 255)

"Dan berapa banyaknya malaikat di langit, syafaat mereka sedikitpun tidak berguna kecuali sesudah Allah mengizinkan bagi orang yang dikehendaki dan diredhai(Nya)." (al-Najm:26)

Hakikatnya, Allah hanya menerima serta mengizinkan syafaat ke atas mereka yang mentauhidkannya. Adapun golongan musyrikin mereka tidak memperolehi syafaat sebagaimana firmanNya:

"Maka tidak berguna lagi bagi mereka syafaat dari orang-orang yang memberi syafaat." (al-Muddatstsir: 48)

Aku beriman bahawa syurga dan neraka merupakan dua makhluk Allah, di mana keduanya telah diciptakan dan tidak akan binasa. Aku mempercayai bahawa orang-orang beriman akan melihat Tuhannya pada hari kiamat dengan penglihatan mereka sebagaimana mereka melihat keadaan bulan mengambang tanpa menempuh apa-apa kesulitan.

Aku beriman bahawa Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam merupakan khatam al-Nabiyyin serta al-Mursalin. Di mana tidak sah iman seseorang hamba melainkan apabila dia beriman dengan kerasulan serta kenabian baginda. Aku beriman bahawa sebaik-baik di kalangan umat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam ialah Abu Bakar al-Siddiq, diikuti oleh Umar al-Faruq, diikuti oleh Uthman Dhu al-Nurain, diikuti oleh 'Ali al-Murtadho, diikuti dengan sepuluh sahabat yang mendapat jaminan syurga, diikuti dengan ahl-Badr, diikuti dengan mereka yang melakukan Bai'ah al-Shajarah sewaktu berlangsungnya bai'ah al-Ridhwan, diikuti akhirnya oleh sekalian para sahabat radiyallahu 'anhum.

Aku adalah penyokong (wali) ke atas para sahabat radiyallahu 'anhum. Aku menyatakan kelebihan yang ada pada mereka serta memohon keampunan terhadap mereka. Aku menegah diriku dari memperkatakan sesuatu yang tidak baik terhadap mereka serta mendiamkan diriku dari memperkatakan tentang perselisihan yang terjadi di kalangan

mereka. Aku berpegang teguh kelebihan yang ada pada mereka sebagaimana firman Allah Ta'ala:

"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: Ya Tuhan kami, beri ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman; Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang." (al-Hasyr: 10)

Aku meridhai para Ummahatul Mukminin (para isteri Rasulullah) yang bersih dari segala noda. Aku meyakini karamah yang ada pada para wali Allah namun mereka tidak memiliki apa yang merupakan hak mutlak Allah. Aku tidak mengatakan bahawa seseorang Muslim itu merupakan ahli syurga atau ahli neraka melainkan apa yang diberitahu oleh Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Aku hanya berharap kepada kebaikan dan takut melakukan kejahatan.

Aku tidak mengkafirkan seseorang Muslim disebabkan dosa yang mereka lakukan serta tidak sekali-kali mengeluarkan mereka dari lingkungan agama Islam. Aku berpandangan bahawa jihad itu berkuatkuasa di bawah kepimpinan Imam (khalifah) samada dia itu seorang yang baik mahupun fasik. Dalam hal ini, adalah harus menunaikan solat di belakang imam yang fasik itu. Jihad akan selalu dilakukan serta sah dilakukan sejak dari saat Allah mengutuskan Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam sehingga terbunuhnya Dajjal di tangan salah seorang dari umat ini. Jihad tidak boleh dihentikan disebabkan ketidakadilan para penjahat ataupun keadilan oleh orang yang berlaku adil.

Aku meyakini bahawa mendengar serta mentaati pemerintah kaum Muslimin adalah wajib sama ada mereka itu pemerintah yang adil mahupun fasik selagi mana mereka tidak menganjurkan perkara maksiat terhadap Allah. Dan sesiapa yang dilantik menjadi Khalifah dengan persetujuan orang ramai dan mereka meredhai kepimpinannya atau dia bersama-sama dengan mereka menawan Khilafah lalu dilantik memimpin mereka maka ketaatan terhadapnya adalah wajib manakala menentangnyanya adalah haram.

Aku meyakini bahawa golongan yang melakukan bid'ah seharusnya disisihkan sehingga mereka bertaubat. Dalam hal ini aku menghukum para ahli bid'ah berdasarkan apa yang dizahirkan oleh mereka dan aku serahkan urusan hati mereka kepada Allah. Aku meyakini bahawa setiap perkara baru dalam agama adalah bid'ah.

Aku meyakini bahawa iman itu terdiri daripada perkataan lisan serta amal perbuatan terhadap rukun-rukunnya. Iman itu menetap di dalam hati sanubari manusia. Di mana iman itu meningkat menerusi amal baik yang dilakukan serta mengalami penurunan menerusi

dosa-dosa yang dilakukan. Iman itu mempunyai tujuh puluh cabang. Yang paling tinggi daripadanya ialah penyaksian Lailahaillallah dan yang paling rendah ialah menyingkirkan benda-benda berbahaya yang ada di jalan. Aku menegaskan tentang wajibnya melakukan amal makruf serta mencegah kemungkaran melalui apa yang disyariatkan oleh Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam.

Inilah peganganku yang dinyatakan secara ringkas. Aku menulisnya di saat aku amat mengambil berat tentang urusan kamu dan supaya kamu sekaliannya mengetahui apa yang menjadi peganganku. Dan Allah mengawasi (Wakil) ke atas apa yang dikatakan para hambanya.³²

Perutusan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab kepada 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. Allah al-Suwaydi, seorang ulama' terkemuka negara Iraq.

Menerusi perutusannya kepada 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. Allah al-Suwaydi³³ yang mengemukakan pertanyaan terhadap dakwah yang beliau lakukan, al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab menjawab:

Dengan memuji Allah, aku menyatakan kepadamu bahawa aku seorang muttabi' (pengikut sunnah Rasulullah) bukan mubtadi' (pembuat bid'ah). Akidah serta agamaku, di mana menerusnya aku menyembah Allah adalah mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang dianuti oleh para imam kaum Muslimin yang termasuk di dalamnya imam empat mazhab (Hanafi, Maliki, al-Syafi'ie serta Hanbali) serta orang-orang yang mengikuti jalan mereka sehingga hari kiamat. Aku menyeru manusia agar mengikhlaskan agama mereka hanya kepada Allah serta melarang mereka dari meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati sama ada di kalangan orang yang salih mahupun tidak. Aku melarang mereka dari melakukan perbuatan syirik terhadap Allah dalam urusan peribadatan yang termasuk di dalamnya perkara sembelihan (al-Dhab), sumpah (Nazar), penyerahan diri (Tawakkal), sujud serta yang seumpama dengannya yang merupakan hak mutlak Allah semata-mata. Ia tidak diserahkan kepada selainnya sama ada di kalangan malaikat yang dekat (muqarrabun) mahupun Nabi yang diutuskan. Ini merupakan perkara yang didakwahkan para Rasul dari awal hingga akhirnya dan juga pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.³⁴

³² Muallif al-Syeikh bertajuk al-Rasail al-Syakhsiyyah yang disemak oleh al-Fauzan dan al-'Aliqi, al-Riyadh, Jld. 5, hlm. 11.

³³ Sila lihat ulasan terhadap kitab al-Misk al-Azfar, hlm. 131.

³⁴ Muallif al-Syeikh, al-Rasa'il al-Syakhsiyyah, Jil. 5, hlm. 36.

Keterangan Syeikh 'Abd. Al-Latif Bin 'Abd. Al-Rahman Bin Hassan.

Seterusnya dinyatakan keterangan daripada al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan rahimahullah, salah seorang cicit kepada al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab berkenaan moyangnya al-Syeikh al-Imam:

Al-Syeikh al-Islam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah menyeru manusia kepada mengabdikan diri kepada Allah yang tidak ada sekutu bagi-Nya serta tidak mempersekutukan sesuatu dengan-Nya. Tidak ada keraguan pada seseorang Muslim bahawa perkara ini merupakan agama Allah yang menerusinya Allah mengutuskan Rasul-Nya serta menurunkan Kitab-Kitab-Nya.³⁵

Di dalam keterangan yang lain, al-Syeikh 'Abd. al-Latif berkata:

Syeikh kami rahimahullah menyeru manusia kepada mendirikan dan menunaikan solat lima waktu yang merupakan jalan kepada petunjuk, simbol bagi agama berdasarkan keterangan al-Qur'an dan al-Sunnah. Selain itu, beliau juga menyeru kepada perintah zakat, berpuasa di bulan Ramadhan serta menunaikan fardhu Haji bagi yang berkemampuan. Beliau juga mengajak manusia kepada kebaikan, mencegah serta meninggalkan kemungkar. Maka apabila kajian teliti dilakukan terhadap hasil karya al-Syeikh, tidak terdapat sebarang bentuk kritikan dari kalangan ulama' yang hidup sezaman mahupun selepasnya apabila mereka cuba mencari sebarang kesalahan ataupun keaiban di dalamnya.

Apa yang disampaikan al-Syeikh al-Imam berhubung perkara akidah (usul al-Din) merupakan hal yang disepakati Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Manakala di dalam perkara cabang agama, beliau berpegang kepada mazhab Hanbali. Dengan itu tidak benar pendapat yang mengatakan beliau tidak berpegang kepada mana-mana Imam mazhab yang empat.³⁶

Keterangan daripada al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Latif bin. 'Abd. al-Rahman bin Hassan.³⁷

Menerusi perutusannya kepada penduduk Hijaz, 'Asir serta Yaman berkenaan pegangan mereka serta apa yang mereka serukan, tuan Syeikh ini berkata:

Ketahuilah apa yang menjadi pegangan kita merupakan perkara yang dikehendaki Allah ke atas kita. Kita menyeru manusia serta berjuang kerananya. Ia adalah agama Islam yang

³⁵ Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyah, cetakan pertama, Mathba'ah al-Manar, Mesir, 1344H, Jil. 3, hlm. 367.

³⁶ Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyah, Jil. 3, hlm. 372-373.

³⁷ Beliau dilahirkan di Riyadh pada tahun 1282H serta meninggal dunia di sana pada tahun 1367H. Pernah di lantik menjadi hakim di kota Riyadh. Setelah tamat tempoh tersebut, beliau melibatkan diri dalam kerja dakwah di daerah 'Asir. Memiliki sebuah kedai kitab yang besar.

diwajibkan Allah terhadap hamba-Nya. Allah menjadikan makhluk supaya mereka menyembahnya serta tidak mempersekutukan-Nya dengan seseorangpun di dalam peribadatan terhadap-Nya. Ia sama ada terhadap malaikat yang dekat ataupun Nabi yang diutuskan.

Kami memerintahkan supaya meruntuhkan binaan serta kubah di atas kubur serta tidak meninggikannya melebihi sejengkal dari permukaan tanah. Kami memerintahkan agar didirikan solat secara berjemaah di Masjid, mendisiplinkan sesiapa yang meninggalkan atau malas mengerjakannya. Kami beriltizam di dalam menjalankan urusan syari'at seperti mengeluarkan zakat, berpuasa, mengerjakan haji, melaksanakan kebaikan serta mencegah kemungkaran seperti riba, zina, minum arak, tembakau, pemakaian sutera di kalangan lelaki, penderhakaan terhadap kedua ibu-bapa dan memutuskan hubungan silaturahim.

Secara keseluruhannya kami memerintahkan apa yang diperintahkan Allah di dalam al-Qur'an serta apa yang diperintahkan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Kami menegah apa yang ditegah kedua-duanya. Dalam hal ini, Kami tidak mengharamkan sesuatu melainkan apa yang Allah haramkan dan kami tidak menghalalkan sesuatu melainkan apa yang Allah halalkan. Inilah seruan kami. Sesiapa yang menginginkan kebenaran serta kebaikan ia akan melaksanakan serta beriltizam dengan apa yang kami nyatakan serta tetapkan.³⁸

Secara ringkasnya apa yang menjadi pegangan golongan al-Salafiyah adalah sebagaimana dinyatakan salah seorang dari kalangan mereka seperti berikut:

Setiap yang pasti dari syari'at Islam yang bersumberkan Allah dan Rasul-Nya adalah mazhab, pegangan serta agama kami. Ia sama ada kami nyatakan ataupun belum menyatakannya lagi. Dan setiap apa yang telah dinafikan syari'at Islam maka kami menafikannya juga. Dan setiap apa yang diriwayatkan al-Syeikh al-Imam adalah periwayatan kami. Namun setiap apa yang kami nyatakan hendaklah kamu merujuk terlebih dahulu kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Sekiranya kamu dapati ianya benar maka kamu ajarkanlah ia kerana ia juga adalah periwayatan serta mazhab kami. Sekiranya ianya bersalahan dengan kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya maka ketahuilah bahawa kami juga menolak akan perkara tersebut.³⁹

Berdasarkan keseluruhan kenyataan di atas, ternyata al-Syeikh al-Imam serta orang-orang yang mengikutinya selepas daripadanya menyeru kepada pendekatan (manhaj) al-Salaf al-Soleh dalam setiap urusan keagamaan. Ia sama ada yang berkait dengan akidah, syari'at mahupun urusan akhlak. Mereka sangat mengambil berat urusan ini serta mengelakkan

³⁸ 'Abd. al-Rahman bin Qasim, al-Durar al-Saniyyah fi al-Ajwibah al-Najdiyah, cetakan kedua, Maktabah al-Islami, Beirut, Lubnan, 1385H, Jil. 1, 290-291.

³⁹ Jaridah Umm al-Qura, hlm. 135.

diri dari melakukan perkara yang dilarang dengan mengikuti serta menjadikan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta para sahabat baginda yang mulia sebagai asas pegangan mereka.

Berpandukan kepada kesan-kesan dakwah ini, dapat dilihat bahawa dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah merupakan dakwah pembaharuan (Tajdid) bagi segala apa yang luput dari pegangan al-Salaf al-Soleh. Dakwah al-Syeikh al-Imam ini dapat diterima serta memberi kesan kepada ramai ulama', gerakan-gerakan Islah serta kalangan orang awam kaum Muslimin. Ini disebabkan ia memiliki ciri-ciri yang istimewa serta khusus yang wajib dipegang dan dicenderung kepada lantaran ianya amat jelas, suci, meyakinkan, tetap dan mempunyai pengaruh positif secara praktikal. Ia juga membawa kesan yang baik serta dapat dirasai dalam realiti kehidupan di dunia serta di akhirat nanti.

Secara realiti, pengaruh suci pergerakan dakwah al-Salafiyah diperingkat awalnya meliputi negeri Najd, kemudian bergerak ke Hijaz (Mekah dan Madinah) seterusnya ke seluruh semenanjung Tanah Arab dan akhirnya menjalar ke seluruh pelusuk dunia Islam. Terdapat ramai para pendokongnya di pelbagai negara dan tempat seperti di negara Syria, Mesir, Iraq, Afrika, India dan sebagainya. Keadaan ini berkekalan sehingga pada zaman kita ini bahkan insha' Allah sehingga Hari Kiamat nanti. Ini disebabkan kejelasan, kebenaran serta kemurnian pendekatan (manhaj) yang wujud padanya.

Terdapat banyak perbincangan tentang pengaruh dakwah al-Syeikh al-Imam terhadap negara, umat, para ulama' serta gerakan-gerakan Islah. Oleh itu terdapat banyak risalah serta kitab mengulas akan perkara tersebut.⁴⁰

Di sini kami menyatakan sebahagian tokoh yang terpengaruh dengan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Sayang sekali sepanjang pengetahuan penulis nama mereka tercicir di dalam risalah mahupun kitab yang mengulas perkara tersebut.

Pertama:

'Abbas al-Azawi, seorang peguam yang berasal dari Iraq menyatakan pengaruh dakwah al-Syeikh al-Imam di tanah airnya seperti berikut:

Al-Ustaz 'Abd. al-'Aziz Bek bin 'Abd. Allah Bek al-Shawi⁴¹ telah melawat negeri Najd dalam perjalanannya menunaikan fardhu haji. Di sana beliau mengadakan perundingan dengan

⁴⁰ Sila lihat contoh-contoh berikut:

- i. 'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab wa Asaruha fi al-'Alam al-Islamy, Jil. 2, hlm. 608-928 karangan 'Abud.
- ii. al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab wa Minhajuhu fi al-Dakwah karangan Sakakir, hlm. 209-260.
- iii. Intisyar Dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Kharij al-Jazirah karangan Muhammad Jam'uhu, hlm. 63-238.
- iv. Buhuth Usbu' al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (sebahagian besar terdapat pada jilid yang kedua).

keluarga al-Sa'ud. Hasil dari perundingan tersebut beliau tertarik dengan pegangan mereka lalu membawanya ke negara Iraq dimana akhirnya beliau menjadi pendakwah kepada gerakan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. al-Ustaz 'Abd. al-'Aziz membuat keputusan tersebut setelah melakukan penyelidikan teliti selama beberapa tahun. Antara yang menyebabkan beliau mengambil keputusan ialah apabila melihat kemungkaran yang dilakukan kaumnya serta dibandingkan dengan kesahihan pegangan al-Salafiyah sehingga nyata akan kebenarannya.⁴²

Kedua:

Al-Azawi menyebutkan nama al-Syeikh 'Ali al-Suwaydi⁴³ sebagai kalangan ulama' yang terpengaruh dengan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Tokoh ini disifatkannya sebagai seorang alim yang menyeru umat Islam kepada berpegang teguh dengan hadith-hadith Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, iaitu sumber penting kepada mazhab al-Salaf al-Soleh.⁴⁴ Dinyatakan bahawa al-Syeikh 'Ali al-Suwaydi telah menyeru pemerintah Baghdad bernama Sulayman Basha al-Saghir agar berpegang teguh kepada dakwah al-Salafiyah.⁴⁵

Ketiga:

al-Syeikh Ahmad bin Muhammad al-Katalani⁴⁶. Beliau mengarang sebuah risalah bertajuk al-Sayyib al-Hattal fi Kashf Syibh Ibn Kamal⁴⁷ bagi mempertahankan serta menolak segala pembohongan dan kekeliruan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam. Beliau menunjukkan bukti-bukti yang nyata lagi meyakinkan bahawa dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab merupakan dakwah yang menyeru kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

Keempat:

Al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Syarif al-Tahami al-Yamani. Beliau merupakan salah seorang murid al-Imam Muhammad bin 'Ali al-Syawkani rahimahullah. Pengaruh dakwah

⁴¹ Penulis tidak berkesempatan mengulas lanjut tentang tokoh ini.

⁴² Sila lihat kitab Zikra 'Abi al-Sana'i al-Alusi karangan 'Abbas al-'Azrawi, Syarikat al-Tijarah wa al-Toba'ah, Baghdad, 1377H, hlm. 37.

⁴³ Beliau ialah 'Ali bin Muhammad Sa'id al-Suwaydi, seorang sejarawan serta pakar hadith yang alim dalam ilmu salasilah keturunan dan kesusasteraan Arab. Dilahirkan di kota Baghdad dan meninggal dunia di kota Damsyik pada tahun 1236H. Penulis kepada beberapa buah kitab. Yang paling terkenal ialah al-'Aqd al-Samin fi Bayan Masa'il al-Din. Sila lihat al-Misk al-Azfar, hlm. 140 dan al-Mu'jam al-Muallifin, Jil. 7, hlm. 200.

⁴⁴ 'Abbas al-'Azrawi, Zikra 'Abi al-Sana'i al-Alusi, hlm. 37-38 (secara ringkas).

⁴⁵ Sila lihat kitab A'yun al-Qarn al-Thalith 'Asyar karangan Khalil Maryam Bek, cetakan kedua, Mu'assasah al-Risalah, Beirut, 1977M, hlm. 165.

⁴⁶ Penulis tidak berkesempatan mengulas tokoh ini. Dalam hal ini, penulis mengemukakan pertanyaan berkenaan al-Katalani kepada al-Syeikh 'Abd. Allah al-Khalifi seorang imam di Masjidilharam, Mekah pada bulan Zulkaedah 1406H. Ini kerana beliau adalah pentashih (orang yang membuat pembetulan) terhadap kitab al-Sayyib al-Hattal, karangan al-Katalani. Namun penulis tidak menerima apa-apa jawapan darinya.

⁴⁷ Kitab ini dicetak pada tahun 1385H menerusi al-Maktab al-Islami, Beirut. Ia dicetak dengan digabungkan beserta dengan kitab-kitab lain sehingga dikenali sebagai Jawab al-Jama'ah namun tidak dinyatakan nama pengarangnya. Wallahu 'Alam.

al-Salafiyah ternyata pada dirinya apabila beliau mengarang sebuah kitab bagi menolak dakwaan Dawud bin Jurjis⁴⁸ yang melemparkan pelbagai tuduhan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam menerusi kitabnya Sulh al-Ikhwan⁴⁹.

Bagi menjawab segala tuduhan Ibn Jurjis, al-Syeikh Muhammad bin Nasir mengarang kitab bertajuk *Aiqaz al-Wasnan 'ala Bayan al-Khilal allazi fi Sulh al-Ikhwan*⁵⁰. Ia berjaya mematahkan segala dakwaan Ibn Jurjis, menyatakan kebenaran al-Syeikh al-Imam serta mempertahankan akidah al-Salaf al-Soleh yang diperjuangkannya. Kami akan menerangkan sebahagian jawapan beliau pada bab-bab seterusnya.

Kelima:

Al-Syeikh 'Abd. Karim bin Fakhr al-Din al-Hindi⁵¹. Beliau mempertahankan dakwah al-Syeikh al-Imam serta berjaya membongkarkan nama-nama para penentangannya seperti (Ahmad Zaini) Dahlan. Ini terbukti menerusi kitabnya *al-Haqq al-Mubin fi al-Radd 'ala al-Habiyah al Muftadi'in*, beliau berjaya membatalkan segala dakwaan karut Dahlan terhadap perjuangan al-Syeikh al-Imam.

Keenam:

Al-Ustaz Saleh bin Dakhil al-Jar Allah⁵². Beliau berusaha menyebarkan serta menjawab dakwaan para penentang dakwah al-Syeikh al-Imam. Ini dilakukan dengan menulis rencana bersiri yang dimuatkan dalam majalah *al-Muqtathaf*.

Menerusi majalah ini, beliau berjaya menerangkan hakikat dakwah al-Syeikh al-Imam serta menjawab kekeliruan dan kesesatan yang dilemparkan paderi Kristian bernama Zwemmer⁵³ terhadap golongan Wahabi. Di antaranya beliau menulis:

Secara realiti, pandangan orang ramai terhadap golongan Wahabi masih diselaputi kekeliruan yang amat besar dimana mereka menyatakan tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Mereka mengambil sikap sama ada mencela ataupun memuji golongan Wahabi. Di

⁴⁸ Beliau ialah Dawud bin Sulayman al-Baghdadi al-Naqsyabandi yang lebih dikenali sebagai "Ibn Jurjis". Lahir dan meninggal dunia di Baghdad (1231-1299H). Berhijrah ke daerah Najd serta belajar dengan al-Syeikh Abu Buthain rahimahullah. Ibn Jurjis merupakan penentang kuat kepada dakwah al-Salafiyah dengan mengarang kitab-kitab bagi menolak ajarannya. Sila lihat Zayl al-Misk Azfar, hlm. 459; *al-'Alam*, Jil. 2, hlm. 332.

⁴⁹ Nama penuh kitab ini ialah *Sulh al-Ikhwan min ahl al-Iman wa Bayan al-Din al-Qayyim fi Tabri'ah Ibn Taymiyyah wa Ibn al-Qayyim*.

⁵⁰ Sebahagian para ulama' menamakan kitab ini dengan *Fath al-Manan fi Tarjih al-Rajih wa Tazyif al-Za'if min Sulh al-Ikhwan*. Terdapat naskah tulisan tangannya di Universiti al-Malik Sa'ud.

⁵¹ Penulis tidak berkesempatan mengulas lanjut tokoh ini. Namun berdasarkan kajian, beliau hidup sezaman dengan al-Syeikh Ibn Sahman sebagaimana tercatat pada bahagian pengenalan kitab *al-Bayan al-Majdi* karangan Ibn Sahman.

⁵² Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang gelaran "al-Jar Allah" ini. Namun ia berdasarkan apa yang disebutkan al-Bassam dalam 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 282 dengan "Jar Allah al-Dakhil". Beliau ialah bapa saudara kepada Sulayman bin Salih al-Dakhil. Gelaran 'al-Jar Allah al-Dakhil' ini diberikan semasa beliau menetap di Baghdad. Ternyata kesahihan gelaran ini berdasarkan kepada catatan di akhir kitab *al-Tawdhiih 'an Tauhid al-Khallaq*, cetakan pertama, 1319H sebagaimana berikut: "Tamatlah sudah dicetak kitab....atas tanggungan al-Syeikh Saleh bin Dakhil al-Jar Allah", hlm. 22.

⁵³ Sila lihat rencana dalam majalah *al-Muqtathaf*, Jil. 27, hlm. 295.

kalangan mereka ada yang melabelkan golongan Wahabi sebagai Rafidhoh, Khawarij mahupun Babiyyah. Hakikat sebenarnya Wahabi itu adalah golongan yang mengikuti al-Sunnah, tidak kasar, ganas ataupun melampau. Aku bertemu dengan ramai di kalangan mereka yang bersikap prejudis terhadap golongan Wahabi sama ada yang berasal dari Syam, Mesir mahupun Iraq sekitar tahun 1318H.

Apabila aku menjelaskan kedudukan sebenar pegangan serta mazhab golongan yang dilabelkan sebagai Wahabi maka golongan yang terkeliru itu bukan sahaja menerimanya dengan baik bahkan mengakui kebenarannya. Seterusnya mereka menuntut agar dicetak sebuah kitab yang dapat memperjelaskan segala kekeliruan tersebut. Maka pada akhir bulan Rejab tahun 1319H terhasillah sebuah kitab bertajuk Tawdhih Tauhid al-Khallaq fi Jawab Ahl al-Iraq wa Tazkirah Ulil al-Bab fi Toriqah al-Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab. Kitab ini tersebar serta mendapat penerimaan dipelbagai negara serta tempat dan bermanfaat bukan sahaja kepada golongan awam bahkan juga para cendekiawan.⁵⁴

Ketujuh:

Al-Syeikh Sulayman bin Saleh al-Dakhil⁵⁵. Beliau mengarang sebuah risalah berjudul Haqiqah Mazhab al-Wahabi⁵⁶. Dr. Muhsin Ghiyad mengulasnya seperti berikut:

Ini merupakan risalah kecil bagi menyatakan hakikat dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab serta mempertahankannya. Ia juga merupakan jawapan terhadap kepalsuan yang direka-reka para penentangannya. al-Ustaz al-Dakhil memperuntukkan banyak masa serta daya usaha dalam memperjelaskan perjuangan ini secara khusus kepada penduduk Iraq dan secara umumnya kepada masyarakat dunia.⁵⁷

Kelapan:

Al-Syeikh Muhammad Syawil.⁵⁸ Beliau mempertahankan dakwah al-Syeikh al-Imam dengan menjawab segala tuduhan yang dilemparkan salah seorang penentangannya iaitu Muhammad al-Bakri Abu Harraz al-Sudani menerusi kitab berjudul al-Wahabiyyah al-Mahzumah. Dalam jawapan balasnya, al-Syeikh Muhammad Syawil mengarang kitab berjudul al-Qawl al-Sadid fi Qama' al-Harrazi al-'Anid. Menerusinya tersingkap segala

⁵⁴ Sila lihat rencana dalam majalah al-Muqathaf, Jil. 27, hlm. 893.

⁵⁵ Beliau dilahirkan di Buraydah pada tahun 1290H. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama serta sejarah Islam. Meninggal dunia di Baghdad dalam keadaan kemiskinan pada tahun 1364H. Sila lihat ulasan terhadapnya oleh Muhsin 'Ajil dalam kitab bertajuk al-Sohafi al-Mu'arrikh Sulayman al-Dakhil, dan kitab 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 282.

⁵⁶ Dicitak di Baghdad pada tahun 1332H. Ini merupakan kitab pertama yang dikarangnya bagi menyatakan tentang negeri Najd sebagaimana dinyatakan majalah Lughah al-'Arab. Sila lihat kitab karangan 'Ajil sebagaimana yang disebut terdahulu, hlm. 21.

⁵⁷ Sila lihat kitab Dr. Muhsin al-'Ajil dalam kitabnya bertajuk al-Sohafi al-Mu'arrikh al-Najdi Sulayman bin Saleh al-Dakhil, cetakan pertama, Markaz Dirasat al-Khalij, Basrah, 1982, hlm. 21.

⁵⁸ Beliau ialah Muhammad Syawil al-Madani. Dilahirkan serta meninggal dunia di kota Madinah (1302-1372H). Mengajar di Haramayn (Mekah dan Madinah) setelah itu berhijrah ke Buldan 'Adidah. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Sila lihat al-'Alam, Jil. 7, hlm. 774.

penyelewengan al-Harrazi berdasarkan bukti-bukti kukuh yang dikemukakan al-Syeikh Muhammad Syawil bagi mempertahankan dakwah al-Syeikh al-Imam.

Demikianlah beberapa contoh tokoh-tokoh terkemuka yang terpengaruh dengan dakwah al-Salafiyah serta berusaha pula membantu dengan bersungguh-sungguh bagi kejayaannya. Sebagai peringatan harus dinyatakan di sini apa yang disebutkan oleh Dr. Saleh al-'Abud tentang apa yang dikatakan oleh mereka yang terpengaruh dengan pergerakan dakwah Islah serta sebahagian tokoh-tokoh Islam dan perkaitan mereka dengan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Pergerakan dakwah Islah yang dimaksudkan seperti al-Harakah al-Sanusiyah di Libya dan al-Harakah al-Mahdawiyah di Sudan. Tokoh-tokoh Islam yang dimaksudkan ialah Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad 'Abduh, Muhammad Iqbal dan lain-lainnya. Dr Saleh 'Abud mengulas hal ini dengan katanya:

Penelitian serta bukti-bukti kukuh diperlukan untuk mengatakan bahawa dakwah dan pergerakan kedua-dua golongan ini (pergerakan dakwah Islah serta dakwah sebahagian tokoh-tokoh Islam) telah terpengaruh dengan akidah, pergerakan serta seterusnya terlibat pula dalam memberikan bantuan terhadap perjuangan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Hakikatnya, dakwah dan pergerakan individu serta kumpulan tersebut muncul dari dalam diri atau ahli kumpulan serta pengikut-pengikut mereka sendiri. Ini terbukti di mana mereka tidak menyatakan bahawa kami merupakan pengikut al-Syeikh al-Imam ataupun pernah mempelajari serta mengkaji mana-mana kitab karangan al-Syeikh al-Imam.⁵⁹

Selanjutnya Syeikh al-'Abud membawa beberapa contoh serta bukti bagi menguatkan apa yang dikatakan oleh beliau menerusi perselisihan yang berlaku di kalangan pergerakan al-Sanusiyah⁶⁰ dan pemberontakan al-Mahdi serta para pengikutnya dan kaitannya dengan apa yang dibawa oleh al-Syeikh al-Imam. Dua contoh yang dipaparkan ini menguatkan lagi kenyataan bahawa sebahagian daripada kumpulan-kumpulan Islam tersebut tidak terpengaruh dengan dakwah al-Syeikh al-Imam.

Contoh individu yang dinyatakan Syeikh al-'Abud yang tidak terpengaruh dengan dakwah al-Syeikh al-Imam ialah al-Imam Muhammad 'Abduh. Kita dapati bahawa Muhammad Abduh menerusi kitab Risalah Tauhidnya yang terkenal tidak menerangkan "Tauhid 'Ibadah" ataupun "Tauhid al-Uluhiyyah" sedangkan ia merupakan perkara pertama yang

⁵⁹ Sila lihat Dr. Muhammad Saleh al-'Abud, 'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Jil. 2, hlm. 918-920 (secara ringkasan).

⁶⁰ Sila lihat Dr. Muhammad Saleh al-'Abud, 'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Jil. 2, hlm. 920-921. Ternyata bahawa al-Syeikh al-'Abud dalam hal ini terkeliru dengan dengan istilah al-Sanusiyah. Beliau menyamakan pergerakan al-Sanusiyah yang masyhur itu dengan al-Sanusi pengarang kepada kitab akidah yang dikenali sebagai "Umm al-Barahin". Apa yang sebenarnya, pengarang kepada kitab akidah tersebut ialah Muhammad bin 'Ali al-Sanusi (m.895H), manakala pengasas kepada gerakan al-Sanusiyah ialah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (m.1202H), pada sangkaan al-'Abud kedua-duanya adalah individu yang sama.

wajib diketahui oleh setiap orang Islam yang akil baligh (mukallaf). Dalam hal ini, Syeikh al-'Abud membawa ulasan anak murid kepada al-Imam Muhammad 'Abduh iaitu al-Syeikh Rashid Ridha sebagaimana berikut:

Ustaz Muhammad 'Abduh tidak menjelaskan tentang "Tauhid al-'Ibadah – atau al-Uluhiyyah". Ia merujuk kepada pengabdian diri kepada Allah yang Maha Esa serta tidak menyembah selain daripadanya seperti yang dilakukan orang-orang kafir terhadap orang-orang saleh serta patung-patung mereka. Inilah Tauhid yang pertama didakwahkan setiap Rasul kepada kaum mereka. Ia termaktub menerusi Firman Allah Ta'ala:

"Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya." (al-A'raaf 7:85)

Mengulas berkenaan Muhammad 'Abduh, tuan guru kami iaitu Muhammad Khalil Harras berkata:

Syeikh Muhammad 'Abduh melakukan kesilapan dengan menganggap bahawa "Tauhid al-Rububiyah" sebagai tujuan utama diutuskan para Rasul termasuk Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Barangkali dalam perkara ini beliau terpengaruh dengan golongan al-Ash'ariyah yang menjadikan Tauhid al-Rububiyah sebagai kriteria ketuhanan yang paling khusus. Dalam hal ini, golongan Ash'ariyah sangat mengambil berat perkara ini dalam kitab-kitab mereka dengan menjadikan dalil-dalil Tauhid al-Rububiyah mengatasi kedudukan Tauhid al-Uluhiyyah.⁶¹

Berdasarkan beberapa keterangan di atas, jelas bahawa salah satu dari dorongan yang menyebabkan para penulis mendakwa terpengaruhnya beberapa kumpulan-kumpulan serta tokoh-tokoh Islam dengan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam adalah kerana wujudnya salah satu dari wajah-wajah persamaan di antara seruan dakwah al-Syeikh al-Imam dengan seruan dakwah golongan tersebut. Dalam hal ini, para penulis cuba menetapkan keterpengaruhannya menerusi sebahagian kecil persamaan yang ada di antara kedua-duanya tanpa melihat dengan lengkap serta penuh penelitian sejauh mana terpengaruhnya kedua golongan tersebut terhadap pendekatan (manhaj) dakwah al-Syeikh al-Imam rahimahullah.

Suatu contoh yang amat jelas ialah usaha dakwah serta serangan al-Ustaz Muhammad 'Abduh terhadap golongan tasawwuf yang melampau (Ghullu). Dalam hal ini, walaupun al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab juga mengambil sikap yang serupa namun pendekatannya tetap berbeza sama sekali. Dr. Muhammad Muhammad Husin memberikan penjelasannya terhadap perbezaan dua pendekatan ini dengan katanya:

⁶¹ Sila lihat Dr. Muhammad Saleh al-'Abud, 'Aqidah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Jil. 2, hlm. 924-925.

Para penulis mencampuradukkan pendekatan yang diambil dalam melakukan serangan terhadap tasawwuf dengan mereka lalai atau lupa bahawa tasawwuf boleh diserang menerusi dua sudut yang berbeza. Iaitu sama ada dari sudut pendekatan Salaf yang menyerang golongan yang melakukan perkara bid'ah dalam agama ataupun dari sudut sekuler ('Ilmani) yang mengingkari perkara-perkara ghaib hasil dari kecenderungan untuk tunduk di bawah pemikiran bebas. Akibat dari kelalaian atau kelupaan ini para penulis telah mencampuradukkan pendekatan yang dilakukan oleh al-Afghani dan Muhammad 'Abduh dengan pendekatan al-Salafi Muhammad bin 'Abdul Wahhab.⁶²

⁶² Sila lihat Muhammad Muhammad Husain, *Dakwah al-Imam Baina al-Ta'yid wa al-Mu'aridhah* beserta karya-karya al-Syeikh, al-Riyadh, 1400H, hlm. 5 (ringkasan).

Kajian Ringkas Terhadap Para Pengarang Yang Menentang Usaha Dakwah Al-Syeikh Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Diikuti Pendirian Para Ulama' Al-Salafiyah Terhadap Penentangan Tersebut

Sejarah Penentangan

Berdasarkan kajian teliti terhadap sejarah pergerakan dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah, kita dapati bahawa ia terpaksa menghadapi seruan penentangan yang sangat hebat. Kenyataan ini dapat dilihat menerusi dua sudut seperti berikut:

1. Penentangan golongan yang memegang tampuk kekuasaan⁶³.
2. Penentangan sebahagian para ulama' beserta penyokong setia mereka.

Wujud titik persamaan antara kedua-dua golongan di atas dari segi kerjasama yang bersepadu dalam menghadapi pergerakan dakwah al-Salafiyah. Contoh yang nyata dapat dilihat menerusi penentangan pemimpin kota Riyadh bernama Dahham bin Dawwis⁶⁴ dan pembantunya Sulayman bin Sahim⁶⁵ yang amat memusuhi pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam.

Selain dari mereka berdua, terserlah penentangan Sulayman bin 'Urai'ir, pemimpin daerah al-Ahsa'⁶⁶. Ini terbukti apabila beliau mengadakan tekanan terhadap Usman bin Mu'ammam, pemimpin daerah 'Uyainah⁶⁷ kerana menyokong pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Sulayman bin 'Urai'ir mengugut untuk memutuskan bantuan ekonomi terhadap Usman bin Mu'ammam sekiranya pemimpin 'Uyainah berterusan menyokong perjuangan dakwah tersebut.

⁶³ Merujuk kepada para penguasa dan ketua-ketua kabilah yang terlibat dalam melakukan penentangan ketika bermulanya pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah.

⁶⁴ Beliau ialah Dahham bin Dawis bin 'Abd. Allah. Terkenal sebagai seorang pemimpin yang kejam, zalim serta sangat kuat dalam penentangan serta permusuhan terhadap dakwah al-Salafiyah. Setelah 27 tahun melakukan tindakan demikian, beliau akhirnya melarikan diri ke sebuah tempat bernama al-Ahsa' dan meninggal dunia di sana. Sila lihat ulasan terhadapnya oleh al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-Latif al-Syeikh dalam kitab Lam' al-Syihab, hlm. 34.

⁶⁵ Beliau ialah Sulayman bin Ahmad bin Sahim al-'Anzi. Terkenal sebagai salah seorang musuh utama dakwah al-Salafiyah. Ini kerana beliau banyak menghentam, memfitnah serta mencaci maki pergerakan ini sehingga keperingkat menghasut para ulama supaya bersamasama menyatakan penentangan mereka. Dilahirkan pada 1130H dan meninggal dunia di al-Zubayr pada tahun 1181H.

⁶⁶ Beliau ialah Sulayman bin Muhammad bin 'Urai'ir, pemimpin Bani Khalid. Berjaya meluaskan kekuasaannya di beberapa buah daerah berdekatan al-Ahsa'. Memerintah selama 17 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1266H di al-Kharj yang merupakan sebahagian dari negeri Najd. Sila lihat Tuhfah al-Mustafid, hlm. 124; Lam' al-Syihab, hlm. 167.

⁶⁷ Beliau ialah 'Usman bin Hammad bin Mu'ammam. Dilantik sebagai Amir daerah 'Uyainah pada tahun 1142H. Di peringkat permulaan beliau menyokong usaha dakwah yang dilakukan al-Syeikh al-Imam (namun akibat menerima ugutan Sulaiman bin 'Ura'ir – penterjemah), akhirnya membuat keputusan drastik dengan menghentikan sokongannya. Beliau mati dibunuh pada tahun 1163H. Sila lihat 'Unwan al-Najd, Jil. 1, hlm. 22-39.

Kalangan ulama' yang menyokong penentangan ini antaranya Muhammad bin 'Afaliq⁶⁸, yang berasal dari al-Ahsa'. Ini ternyata menerusi perutusannya (I dan II)⁶⁹ kepada Ibn Mu'ammarr. Di dalamnya Ibn 'Afaliq memberikan galakan serta menimbulkan keraguan dan tuduhan palsu supaya Ibn Mu'ammarr meninggalkan, malah menentang pergerakan dakwah al-Salafiyyah. Sebagaimana yang diketahui umum, akibat menerima hasutan tersebut, Ibn Mu'ammarr bukan sahaja meninggalkan perjuangan dakwah al-Salafiyyah bahkan atas desakannya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah terpaksa membawa dirinya meninggalkan 'Uyainah menuju ke daerah al-Dar'iyah.

Kesungguhan usaha kedua golongan tersebut dapat dilihat menerusi pelbagai aspek penentangan serta permusuhan. Ini sama ada dari sudut karya yang dihasilkan mahupun pelbagai pendekatan lain yang dikemukakan bagi mengecam, merendahkan, menghalang dan melenyapkan dari mukabumi Allah ini dakwah al-Salafiyyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam.

Dalam usaha kami menyingkap segala penentangan yang ditimbulkan, kami akan menyatakan keadaan penentangan yang berlaku di negeri Najd ketika munculnya pergerakan dakwah al-Salafiyyah yang dipelopori al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah⁷⁰. Disusuli kemudian, penentangan yang lebih bersifat sejagat melibatkan pelbagai tempat serta negara lainnya.

Ibn Ghannam⁷¹, sejarawan Arab pertama mengkaji sejarah awal pergerakan dakwah al-Salafiyyah menggambarkan keadaan yang amat sukar diperingkat awal perkembangan dakwah al-Salafiyyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam.

Ini dapat dilihat menerusi sikap para penentang terhadap tindakan beliau yang ketika itu bersama-sama dengan Ibn Mu'ammarr, pemimpin 'Uyainah, berpadu tenaga meruntuhkan binaan kubah serta memotong pokok-pokok yang digunakan bagi mengambil keberkatan. Ibn Ghannam berkata:

Golongan ini mengambil sikap menolak serta mengingkari al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dengan mengemukakan pelbagai jenis alasan, lontaran kesesatan

⁶⁸ Beliau ialah Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin 'Afaliq al-Hanbali. Dilahirkan serta meninggal dunia di daerah al-Ahsa' (1100-1164H). Beliau adalah pengarang kepada beberapa buah kitab fekah, ilmu falak serta kitab yang isi kandungannya menentang dakwah al-Salafiyyah. Kami akan menyatakan sebahagian hasil karyanya yang tidak disebutkan Ibn Humayd dalam al-Sahhab serta al-Bassam dan tidak dinyatakan oleh pengarang Tuhfah al-Mustafid.

⁶⁹ Kedua risalah ini wujud dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan Negara yang berpusat di Berlin, negara Jerman.

⁷⁰ al-Ustaz Muhammad al-Nuwaysir menulis kitab bagi menyiapkan tesis "Master"nya di fakulti "al-Ulum al-Ijtima'iyah", Universiti al-Imam Muhammad bin Sa'ud. Antara isinya beliau menghuraikan gerakan penentangan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab di negeri Najd serta al-Dar'iyah (belum dicetak).

⁷¹ Beliau ialah Husein bin Abi Bakr ibn Ghannam. Dilahirkan di daerah al-Ahsa', kemudian berpindah ke daerah al-Dar'iyah dan mengajar di sana. Pengarang kepada dua buah kitab iaitu al-'Aqd al-Samin dan Tarikh al-Najd. Terkenal sebagai seorang yang amat gigih mempertahankan perjuangan dakwah al-Salafiyyah. Meninggal dunia pada tahun 1225H di daerah al-Dar'iyah. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 185.

serta seribu satu macam tohmahan yang sengaja direka-reka. Mereka juga membuat bising di sana sini dengan menukarkan kalimah yang benar dengan kedustaan.

Sementara itu kalangan ulama' serta masyarakat yang jahat keperibadiannya mengambil sikap yang sama dengan mengingkari al-Syeikh al-Imam. Antara yang bersungguh-sungguh menghentam, mencaci maki serta menunjukkan sikap yang amat buruk terhadap al-Syeikh al-Imam ialah Sulayman bin Sahim serta bapanya yang bernama Muhammad. Dalam hal ini, mereka berdua cuba mendapatkan bantuan daripada sebahagian para ulama' serta masyarakat Islam al-Ahsa', Haramain (Mekah dan Madinah) dan Basrah bagi melakukan provokasi serta penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam serta perjuangannya. Namun apa yang mereka perolehi dari golongan tersebut hanyalah kehinaan serta penyesalan semata-mata. Ini disebabkan mereka memahami perjuangan sebenar al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah.

Setelah gagal dalam usaha ini, kedua-duanya mewujudkan perancangan keji dengan mengumpulkan 'Ulama al-Su' lalu mengajak mereka supaya mengadakan segala jenis pendustaan serta kepalsuan bagi menentang perjuangan al-Syeikh al-Imam. Dalam konteks ini, mereka telah membuat suatu tuduhan palsu kepada para penguasa serta raja-raja ketika itu bahawa dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam mempunyai persamaan dengan gerakan golongan Khawarij.

Selain itu, para penentang berjaya menghasilkan beberapa karya penulisan bertujuan melemparkan pelbagai tuduhan sesat serta dakwaan kononnya al-Syeikh al-Imam seorang yang jahil sehingga sanggup melakukan perubahan terhadap syari'at Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Bahkan ada juga yang sampai ke peringkat mengkafirkan serta menolak segala bukti kukuh berlandaskan al-Qur'an serta al-Hadith yang dikemukakan al-Syeikh al-Imam.⁷²

Dr. 'Abd. Allah al-'Uthaymin dalam ulasannya terhadap pelbagai sikap para penentang Najd ketika itu berkata:

Merujuk kepada pengumpulan hasil karya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab yang dikenali sebagai al-Rasa'il al-Syaksiyyah, jelas bahawa pergerakan dakwah beliau menghadapi penentangan serta halangan yang sangat hebat dari sebahagian ulama' Najd. Berdasarkan kajian, dua puluh orang ulama' atau para pelajar cuba menghalang pergerakan dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam dari masa ke

⁷² Sila rujuk Raudhah al-Afkar wa al-Afham li Murtad Hal al-Imam wa Ta'dad wa Ghazwat Zawy al-Islam, cetakan pertama, al-Maktabah al-Ahliyyah, Riyadh, hlm. 31 (secara ringkasan).

semasa. Paling hebat dikalangan mereka ialah 'Abd. Allah al-Muwais yang berasal dari daerah Hirmah⁷³ dan Sulayman bin Sahim dari kota Riyadh.

Berdasarkan al-Rasa'il, penentangan yang dilakukan itu dapat dibahagikan kepada beberapa tahap. Tahap pertama merujuk kepada golongan yang sememangnya memusuhi pergerakan al-Salafiyah dari awal hingga akhirnya contohnya 'Abd. Allah al-Muwais. Tahap kedua merujuk kepada golongan yang menyokong perjuangan al-Syeikh al-Imam di peringkat permulaan dengan mengakui apa yang di bawa oleh beliau sama ada keseluruhan mahupun sebahagiannya merupakan suatu kebenaran. Namun dengan berlalunya beberapa tempoh masa, mereka mengubah pendirian dengan mengambil sikap menentangnya sepertimana yang dilakukan Ibn Sahim. Tahap ketiga adalah tahap golongan yang terumbang ambing dimana kadangkala mereka menyokong dan kadangkala mereka menentang perjuangan al-Syeikh al-Imam sebagaimana terserlah pada keperibadian 'Abd. Allah bin 'Isa.⁷⁴

Bagi mendedahkan segala tipu helah para penentang Najd tersebut, Dr. 'Abd. Allah al-'Uthaymin seterusnya menegaskan seperti berikut:

Berdasarkan himpunan risalah al-Syeikh al-Imam yang dikenali sebagai al-Rasa'il al-Syaksiyyah, ternyata segala aktiviti atau tindakan yang dilakukan para penentang Najd datang dari arah yang berbeza. Yang pertama, merujuk kepada penghasilan karya yang kandungannya berbentuk penentangan terhadap dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam. Bagi para pemerhati, mereka dapat melihat dengan jelas segala penentangan tersebut walaupun dinyatakan oleh al-Syeikh al-Imam secara ringkas.

Yang kedua merujuk kepada sesi perdebatan yang berlaku antara Ibn Isma'il dengan para pengikut al-Syeikh al-Imam di sebuah tempat bernama Sarmada' serta perdebatan antara Sulayman bin Sahim dengan Ibn Salih yang berlangsung dihadapan para pemimpin kota Riyadh.

Yang ketiga merujuk kepada gabungan antara para ulama' serta golongan berpengaruh di luar daerah Najd yang bekerjasama menentang al-Syeikh al-Imam serta dakwahnya. Dalam hal ini, Ibn Sahim telah mengirimkan sebuah kitab kepada para ulama' luar kota Najd serta membuat pengaduan kepada penduduk al-Haramain (Mekah dan Madinah), manakala al-Muwais serta beberapa orang rakan karibnya cuba mempengaruhi penduduk

⁷³ Beliau ialah 'Abd. Allah bin 'Isa yang terkenal dengan gelaran "Muwais". Dilahirkan di Hirmah, daerah Najd kemudian belajar di negara Syam. Merupakan penentang kuat dakwah al-Salafiyah. Meninggal dunia di Hirmah pada tahun 1175H.

⁷⁴ Penulis tidak berkesempatan mengulas peribadi ini. Namun berdasarkan al-Rasa'il al-Syaksiyyah karangan al-Syeikh al-Imam didapati bahawa 'Abd. Allah bin 'Isa merupakan seorang Qadi di daerah al-Dar'iyah serta seorang ilmuwan besar sebagaimana kata al-Syeikh al-Imam terhadapnya: "Apa yang kami ketahui tentang 'Abd. Allah bin 'Isa, beliau adalah dari kalangan 'ulama' Najd". Sila lihat Jil. 5, hlm. 187. al-Syeikh al-Imam juga pernah mengirimkan kepada beliau beberapa hasil karyanya. Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il, Jil. 5, hlm. 240, 276, 280, 304 dan 314. Sila lihat al-Rasa'il al-Syaksiyyah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (disertakan bersama tujuh buah karangan al-Syeikh), Markaz al-Buhuth, Universiti al-Imam, 1403H, Jil. 1, hlm. 108-109.

Kawwaz serta Quba' yang cenderung kepada perjuangan al-Syeikh al-Imam agar berpaling tadah seterusnya menentang gerakan beliau. al-Muwais, Ibn Rabi'ah dan Ibn Isma'il⁷⁵ juga cuba mempengaruhi penduduk Quba' Abi Talib agar meninggalkan perjuangan al-Syeikh al-Imam.

Yang keempat merujuk kepada usaha mempromosikan kitab-kitab karangan ulama' luar Najd yang menentang dakwah al-Syeikh al-Imam. Dalam hal ini, al-Muwais dan Ibn 'Ubayd mempromosikan kitab karangan al-Qabbani al-Basri manakala permuafakatan antara al-Muwais dan Ibn Isma'il mempromosikan kitab karangan Ibn 'Afa'liq.⁷⁶

Merujuk kepada teknik para penentang dakwah al-Salafiyyah yang sebahagiannya terdiri dari para ulama' Najd serta penyokong mereka, kami akan membongkarkan serta memperjelasannya berdasarkan kitab al-Rasa'il al-Syaksiyyah karangan al-Syeikh al-Imam. Bagi mendedahkan tipu helah Sulayman bin Sahim, al-Syeikh al-Imam dalam perutusannya kepada penduduk Qasim berkata:

Telah sampai kepadaku risalah Ibn Sahim yang diutuskan kepada kamu, di mana ia diterima serta diperakui oleh sebahagian ahli ilmunan. Namun Allah Maha Mengetahui bahawa dia melakukan tuduhan kepadaku yang tidak aku lakukan, dan aku mengambil sikap tidak memberikan perhatian terhadap segala pertuduhan itu.⁷⁷

Dalam menyatakan sebahagian penentangan para penentang Najd terhadap dakwah al-Salafiyyah, al-Syeikh al-Imam dalam perutusannya kepada salah seorang penduduk Sarmada' yang bernama Ibn 'Ibad berkata:⁷⁸

Merujuk kepada Ahmad bin Yahya⁷⁹ yang kamu sama-sama ketahui. Beliau mempunyai kecenderungan memusuhi serta mengeji konsep Tauhid al-Uluhiyyah bersama-sama para penentang namun kadangkala beliau berpendirian menyokongnya pula. Begitu juga dengan Ibn Isma'il yang berubah sikap dengan mengingkari apa yang kami perakukan berhubung permasalahan tauhid. Ketahuilah beliau mempunyai sebuah kitab yang dikarang oleh seorang lelaki dari Basrah⁸⁰ di mana isi kandungannya dari awal hingga akhir menafikan konsep Tauhid al-Uluhiyyah. Seterusnya telah datang kepada kamu anak lelaki kepada Muhammad bin Sulayman⁸¹ yang bertindak sebagai jurucakap bagi daerah Saithih. Dalam

⁷⁵ Sebagaimana yang diketahui, Ibn Isma'il, Ibn Rabi'ah dan Ibn 'Ubayd merupakan penentang yang bergabung tenaga melawan al-Syeikh al-Imam serta dakwah beliau. Sila lihat Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 20, 26, 27, 168, 205 dan 300.

⁷⁶ Ulasan akan dilakukan terhadap kedua-dua buah kitab ini. Sila lihat al-Rasa'il al-Syaksiyyah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (disertakan bersama tujuh buah karangan al-Syeikh), Jil. 1, hlm. 111-113.

⁷⁷ Sila rujuk Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 11.

⁷⁸ Beliau ialah Muhammad bin 'Ibad al-Dusriy. Dilahirkan di daerah al-Bayr kemudian menetap di Hautah Sadir serta belajar dengan para ulama' di sana. Akhirnya di lantik sebagai Qadi di daerah Sarmada' serta meninggal dunia di sana pada tahun 1175H. Sila lihat Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 812.

⁷⁹ Penentang kepada dakwah al-Syeikh al-Imam sebagaimana yang dinyatakan terdahulu.

⁸⁰ Beliau ialah Ahmad bin 'Ali al-Basri yang lebih dikenali sebagai 'al-Qabbani'.

⁸¹ Penentang kepada dakwah al-Syeikh al-Imam sebagaimana yang dinyatakan terdahulu.

hal ini, telah dilangsungkan majlis perdebatan antara ahli kumpulan kita dengannya. Di sana terdapat pula sebuah kitab yang masyhur sisi al-Muwais serta para pengikutnya seperti Ibn Sahim dan Ibn 'Ubayd bagi menyatakan bangkangan terhadap kita serta menyeru manusia ke arahnya.

Demikian juga telah sampai kepada kamu kitab karangan Ibn 'Afaliq yang terdapat pada mereka yang dikirim oleh al-Muwais kepada Ibn Isma'il sebagaimana yang terdahulu kamu terima⁸² serta diperdengarkan kepada kamu di mana terkandung di dalamnya dakwaan bahawa konsep Tauhid al-Uluhiyyah merupakan agama Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah (suatu kutukan terhadap Ibn Taymiyyah oleh Ibn 'Afaliq-penterjemah).⁸³

Dalam perutusan yang memberi kesan mendalam kepada salah seorang penduduk Sarmada', al-Syeikh al-Imam berkata:

Tatkala ternyata kebenaran Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam menerusi apa yang aku bawa yang dengannya, mereka mencercaku dengan sehebat-hebatnya dan mereka membuat tuduhan kepadaku bahawa aku mengkafirkan kaum Muslimin serta menghalalkan harta benda mereka.⁸⁴

Dalam perutusannya kepada al-Suwaydi, al-Syeikh al-Imam menceritakan berkenaan para penentang serta fitnah yang mereka tujukan terhadap dirinya:

Mereka mencipta perselisihan, menabur fitnah serta melabelkan kami sebagai kuda tunggangan syaitan sehingga mengelirukan kebanyakan golongan awam.⁸⁵

Al-Syeikh al-Imam mengkritik sebahagian dari para penentang yang amat memusuhinya seperti Ibn Sahim dengan mensifatkan apa yang munasabah bagi diri serta kedudukannya seperti berikut: "Namun 'al-bahim' Sulaiman bin Sahim ini tidak memahami apa makna ibadat."⁸⁶ Seterusnya al-Syeikh al-Imam mengungkapkan kata-kata berikut:

Subhanallah! Apa sudah jadi dengan akal fikiran mereka? Untuk pengetahuan kamu sekalian, lelaki ini umpama 'al-baqr' yang tidak mampu membezakan antara buah tin dengan anggur.⁸⁷

Dalam perutusannya kepada 'Abd. al-Rahman bin Rabi'ah⁸⁸, salah seorang penduduk Thadiq, al-Syeikh al-Imam menyebutkan perilaku para penentang yang menghalang

⁸² Merujuk kepada tahun lepas.

⁸³ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 20.

⁸⁴ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 26

⁸⁵ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 36-37.

⁸⁶ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 90-91. al-bahim = binatang.

⁸⁷ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 90-91. al-baqr = lembu.

golongan awam daripada menerima dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkannya dengan berkata:

Ini merupakan hasil penulisan Muwais, Ibn Isma'il dan Ahmad bin Yahya yang ada pada sisi kami. Seolah-olah mereka mengingkari agama ini serta berlepas diri daripadanya. Bersungguhnya mereka dalam usaha menghalang manusia daripada kemurnian agama Islam. Namun, aku tetap berdiri teguh di atas landasan Tauhid al-Uluhiyyah dan akan terus memperjelaskan serta mendakwahkan manusia kepadanya. Aku menyatakan tentang permusuhan para penentang terutamanya Ibn Yahya kerana beliau yang paling keji serta besarnya kekufuran di antara mereka. Dan aku tetap bersabar di atas kesusahan yang menimpa diriku dalam memperjuangkan kesemua ini. Ketahuilah, engkau adalah saudara serta sahabatku.⁸⁹

Seterusnya, dalam risalah kepada Ahmad bin Ibrahim⁹⁰, salah seorang penduduk Marrat, al-Syeikh al-Imam menyebut tentang sebahagian para pencaci beliau dari Najd serta sekitarnya. Dalam hal ini mereka mengemukakan hujah yang keliru (memutarbelitkan ayat al-Qur'an – penterjemah) bertujuan menentang pergerakan dakwah al-Salafiyah. Berkata al-Syeikh al-Imam:

Sebahagian para ulama' Haramayn menyatakan bahawa sesiapa berikrar dengan Tauhid al-Uluhiyyah ini kufur serta halal harta serta darahnya. Dia juga boleh dibunuh di kawasan tanah Haram atau luar daripadanya. Mereka juga menyebutkan dalil membenarkan doa terhadap para wali menerusi kubur mereka. Firman Allah Ta'ala:

"Bagi mereka apa yang mereka mahu dari sisi Tuhan mereka." (al-Zumar:34)

Mereka berkata lagi, sekiranya kamu mempunyai apa-apa kemusykilan, sedangkan kamu tidak dapat bersabar selagi tidak memperolehi jawapannya maka utuslah surat kepada anak lelaki Muhammad bin Sulayman yang berada di daerah Wasyiqar serta kepada Saif al-'Atiqi⁹¹, nescaya kami akan menghantar mereka berdua kepada kamu.

Berkata penulis:

⁸⁸ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini.

⁸⁹ Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 167.

⁹⁰ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini.

⁹¹ Beliau ialah Saif bin Ahmad al-'Atiqi. Dilahirkan di Hirmah Sadir seterusnya berpindah ke al-Ahsa'. Meninggal dunia sana pada tahun 1189H. Mengarang himpunan jawapan bagi menjawab al-Syeikh al-Imam. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 671; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 327.

Ibn 'Abd. al-Latiff,⁹² Ibn Afaliq dan Ibn Muthalliq⁹³ melakukan kerosakan dengan mencela Tauhid al-Uluhiyyah serta menghalalkan darah orang yang berpegang kepadanya atau orang yang mengingkari syirik sebagaimana termaktub dalam Tauhid al-Uluhiyyah.⁹⁴

Walaupun para penentang berterusan mempamerkan sikap keji menerusi pelbagai cercaan, makian serta kutukan terhadap al-Syeikh al-Imam, namun beliau tetap menginginkan 'hidayah' buat mereka. Beliau juga berusaha membawa mereka supaya berpegang teguh kepada kebenaran dengan disokong dalil yang kukuh. Perkara ini jelas dalam perutusan al-Syeikh al-Imam kepada salah seorang ulama' al-Ahsa' yang merupakan gurunya iaitu 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Latif'. Al-Syeikh al-Imam berkata:

Daku mengasihimu serta sentiasa mendoakanmu dalam solatku. Memadai bagiku menerusi perutusanku ini memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar mengurniakan kepadamu petunjuk kepada agama-Nya yang kukuh. Alangkah baik jika keadaanmu di zaman ini laksana al-Faruq (pembeza) bagi agama Allah.⁹⁵

Bertentangan dengan kebaikan sikap yang ditunjukkan al-Syeikh al-Imam, al-Syeikh 'Abd. Allah mengarang sebuah risalah bertajuk Saif al-Jihad limudda'ie al-Ijtihad bagi mengisyiharkan penentangan terhadapnya.⁹⁶

Mengenai al-Syeikh 'Abd. al-Wahhab bin 'Abd. Allah bin 'Isa, al-Syeikh al-Imam berkata:

Daku memohon doa terhadapmu dalam sujudku. Engkau serta bapamu paling dekat berada dalam ingatanku.⁹⁷

Namun al-Syeikh al-Imam menanggung penderitaan serta kesedihan yang besar disebabkan sikap beliau serta ayahnya (iaitu 'Abd. al-Wahhab bin 'Abd. Allah bin 'Isa) sebagaimana termaktub dalam al-Rasa'il.⁹⁸

Berkenaan dengan Muhammad bin Fairuz⁹⁹, al-Syeikh al-Imam dalam perutusannya kepada salah seorang penduduk Marrat bernama Ahmad bin Ibrahim berkata:

⁹² Beliau ialah 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Latif al-Syafi'i al-Ahsaie, salah seorang guru al-Syeikh al-Imam semasa di al-Ahsa'. al-Syeikh al-Imam pernah berutus surat serta menyerunya kepada kebenaran. Namun beliau menolak serta mengarang pula sebuah risalah bagi menyatakan penentangannya terhadap al-Syeikh al-Imam. Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 216.

⁹³ Penulis tidak berkesempatan mengulas terhadap diri Ibn Muthalliq.

⁹⁴ Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il, Jil. 5, hlm. 208.

⁹⁵ al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 32.

⁹⁶ Sila lihat Misbah al-Anam, karangan al-Haddad, hlm. 3.

⁹⁷ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 280.

⁹⁸ Sila lihat Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 280, 314-315.

⁹⁹ Beliau ialah Muhammad bin 'Abd. Allah bin Fairuz. Tergolong di kalangan penduduk Najd. Dilahirkan di al-'Ahsa' pada tahun 1142H.

Pakar dalam bidang kesenian. Mempunyai ramai guru serta anak murid. Meninggal dunia di Basrah pada tahun 1218H. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 721; 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 882

Ibn Fairuz adalah yang terdekat dikalangan mereka dari sudut keislamannya. Beliau bermazhab Hanbali yang mengambil sebahagian pendapat Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim.¹⁰⁰

Namun terserlah penentangan Muhammad bin Fairuz terhadap dakwah al-Salafiyyah sehingga tidak dapat digambarkan betapa hebat tindakan yang dilakukannya. Sikap beliau ini mendapat pujian salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah yang dikenali sebagai al-Haddad¹⁰¹ seperti berikut:

Demi Allah! Betapa bagusnya al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. Allah bin Fairuz al-Hanbali. Dia bersungguh-sungguh mencari keredhaan Allah dengan menentang perbuatan bid'ah penjahat ini (iaitu al-Syeikh al-Imam – penterjemah). Selain itu, apabila dia melihat pendapat sebahagian dari tokoh ulama' empat mazhab nescaya dia akan mengikuti pendapat mereka walaupun berbeza dengan pendapatnya atau berbeza dengan pendapat 'Abd. al-Wahhab tukang bid'ah.¹⁰²

Konspirasi Ibn Fairuz diakui oleh penentang dakwah al-Salafiyyah bernama Ibn Humayd¹⁰³. Dalam kitabnya bertajuk al-Sahhab al-Wabilah, beliau berkata:¹⁰⁴

Setiausaha kepada Sultan 'Abd. Hamid Khan meminta pertolongan Ibn Fairuz supaya memberi bantuan memerangi para penderhaka (Bughoh) luar yang berada di Najd (dirujuk kepada al-Syeikh al-Imam serta pendokong dakwah al-Salafiyyah - penterjemah).¹⁰⁵

Ibn Fairuz terkenal dengan kebiadaban sikap dengan melontarkan kata-kata yang amat keji terhadap al-Syeikh al-Imam. Kenyataan ini terserlah dalam pujiannya terhadap salah seorang murid merangkap 'ayam tambatannya', 'Abd. Allah bin Dawud.¹⁰⁶ Kedua mereka berpadu tenaga serta bersatu hati menyatakan penentangan terhadap dakwah al-

¹⁰⁰ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil.5, hlm. 206.

¹⁰¹ Beliau ialah 'Alawi bin Ahmad bin al-Hassan al-Haddad. Tergolong di kalangan penduduk Hadramaut. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Meninggal dunia pada tahun 1232H. Sila lihat al-A'lam, Jil. 4, hlm. 249.

¹⁰² Sila lihat Misbah al-Anam wa Jala' al-Zullam fi Radd Syibhu al-Bid'ie al-Najdi allati Adolla biha al-'Awwam, Matba'ah al-'Amirah, Mesir, 1325H, hlm. 60.

¹⁰³ Beliau ialah Muhammad bin 'Abd. Allah bin Humayd. Dilahirkan di daerah 'Unayzah pada tahun 1232H. Berkedudukan sebagai Imam bagi mazhab Hanbali di kota Mekah serta mahir dalam beberapa ilmu. Namun beliau merupakan penentang kepada dakwah al-Salafiyyah. Meninggal dunia di sana pada tahun 1295H. Sila lihat ulasan terhadapnya dalam majalah al-'Arab, Jil. 9-10, hlm. 642; kitab 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 862.

¹⁰⁴ Masih wujud dalam bentuk manuskrip. Menurut pengarangnya, kitab ini menjelaskan berkenaan biografi para ulama' Hanbali mirip sebagaimana yang dilakukan Ibn Rajab dalam kitabnya Zayl Tobaqat al-Hanabilah yang dikarang pada tahun 751H. Namun pengarangnya bukan sahaja tidak memasukkan biografi para ulama' Hanbali yang menyokong perjuangan dakwah al-Salafiyyah bahkan mengutuk mereka pula. Perkara ini akan diperjelaskan kemudian nanti. Sila lihat majalah al-'Arab, Jil. 9-10, hlm. 648, sebagaimana dinyatakan terdahulu.

¹⁰⁵ Majalah al-'Arab, Jil. 9-10, hlm. 823.

¹⁰⁶ Beliau ialah 'Abd. Allah bin Dawud al-Zubayri. Dilahirkan di daerah Zubayr kemudian berpindah ke daerah al-'Ahsa' serta menuntut ilmu di sana. Beliau merupakan pengarang kepada kitab yang menentang dakwah al-Salafiyyah. Ia dikenali sebagai al-Sowaiq wa al-Ra'ud. Meninggal dunia pada tahun 1225H. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 687; 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 539.

Salafiyah. Perkara ini didedahkan oleh al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi rahimahullah¹⁰⁷ sebagaimana berikut:

Dengan merenung kata-kata pujian Ibn Fairuz, pembaca dapat mengesan ungkapan yang hakikatnya mampu menghancurluluhkan kehidupan. Adakah patut beliau melemparkan kalimah kufur kepada individu yang realitinya tidak demikian sehingga hati sanubari pembaca menjadi tertekan mendengarnya. Kalimah yang dimaksud adalah seperti berikut:

Ketahuiilah! Ibn 'Abd. al-Wahhab mengabaikan tanggungjawab terhadap ibunya. Syaitan telah menghasut dirinya sehingga melakukan perbuatan demikian. Lalu jadilah dia seorang yang ingkar akibat perbuatan jahatnya itu. (Mendengar ungkapan ini, al-Syeikh Mas'ud terus mengungkapkannya kata-kata *Inna lilla wa inna ilaihi raji'un*).¹⁰⁸

Berdasarkan sedikit sebanyak penjelasan di atas, kesimpulan yang dapat dibuat adalah seperti berikut:

1. Hebatnya penentangan serta wujudnya pelbagai jenis tipudaya ketika al-Syeikh al-Imam rahimahullah memulakan pergerakan dakwah al-Salafiyah di negeri Najd.
2. Dinyatakan kedudukan para penentang sama ada kalangan ulama' Najd mahupun penyokong setia mereka. Realitinya, apa yang berlaku mempunyai ciri-ciri persamaan apabila dakwah al-Salafiyah berkembang di pelbagai negara dan tempat lainnya.

Selanjutnya kami akan mendedahkan sebahagian nama-nama para penentang di kalangan ulama' dengan mengikut zaman, tempat, tarikh kematian serta kesungguhan usaha yang ditunjukkan bagi menentang dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Ia adalah seperti berikut:

'Abd. Allah bin Ahmad bin Sahim (m.1175H).¹⁰⁹

Beliau merupakan penentang Najd yang amat gigih berterusan menentang al-Syeikh al-Imam tatkala bermulanya pergerakan dakwah al-Salafiyah. Berasal dari keluarga Sahim yang terkenal kerana berjaya menghasilkan ramai para penentang dakwah al-Salafiyah. Namun menurut sejarawan Arab bernama al-Bassam, kalangan keluarga Sahim yang melibatkan diri dalam penentangan tersebut semakin berkurangan dari masa ke semasa.¹¹⁰

¹⁰⁷ al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi (1328-1373H). Beliau merupakan seorang tokoh 'ulama' yang mempunyai kepakaran dalam ilmu bahasa Arab serta pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 7, hlm. 221.

¹⁰⁸ Sila lihat kitab Muhammad 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum wa Muftara 'alayh yang diulas oleh 'Abd. al-'Alim al-Bastawi, percetakan Universiti al-Imam, 1404H, hlm. 170-171.

¹⁰⁹ Beliau ialah 'Abd. Allah bin Ahmad bin Muhammad bin Sahim. Dilahirkan di sebuah tempat bernama Mujamma'ah. Menuntut ilmu kepada para 'ulama Sadir serta menjadi Qadi di Buldan Sadir. al-Syeikh al-Imam mengarang dua buah risalah bagi menjawab kekeliruan al-Muwais serta Sulaiman bin Sahim ini. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 512 serta Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 62 dan 130.

¹¹⁰ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 512.

'Abd. Allah bin 'Isa al-Muwais (m.1175H).

Individu yang sangat kuat penentangannya terhadap al-Syeikh al-Imam. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi himpunan hasil karya al-Syeikh al-Imam yang dikenali sebagai al-Rasa'il al-Syaksiyyah. Penulis telahpun menyatakan sebahagian daripadanya. Hal ini diperakui Ibn Humayd, salah seorang penentang dakwah al-Salafiyah. Dalam kitab al-Sahhab al-Wabilah beliau berkata:

Ibn Muwais merupakan kalangan yang mengingkari Ibn 'Abd. al-Wahhab serta para pengikutnya ketika permulaan dakwah mereka.¹¹¹

'Abd. 'Aziz bin 'Abd. Rahman bin 'Udwan (m.1179H).¹¹²

Terkenal kerana hebatnya permusuhan terhadap al-Syeikh al-Imam. Menurut al-Bassam, Ibn 'Udwan mengarang sebanyak lapan buah risalah kecil bagi menjawab al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.¹¹³ Kumpulan risalah Ibn 'Udwan terdapat dalam kitab al-Waqf.¹¹⁴

Marbad bin Ahmad al-Wahibi al-Tamimi.¹¹⁵

Berasal dari Huraymila'. Terserlah penentangannya ketika berada di bandar San'aa, negeri Yaman. Beliau juga memburuk-burukkan al-Syeikh al-Imam dengan menyandarkan kepada Imam al-Son'ani rahimahullah yang kononnya menarik balik pujian terhadap al-Syeikh al-Imam dalam kasidah (puisi Arab) keduanya.¹¹⁶

¹¹¹ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 692.

¹¹² Ibn 'Udwan lahir di daerah Athisiyah di al-Washam. Beliau mahir dalam beberapa ilmu serta penulis kepada beberapa kasidah Arab serta kitab-kitab lainnya. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 681; 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 472.

¹¹³ Sila lihat al-Bassam dalam kitabnya 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 474.

¹¹⁴ Menurut Hammad al-Jasar, risalah Ibn 'Udwan yang dikarang bagi menjawab al-Syeikh al-Imam bukanlah risalah yang terdapat dalam kitab al-Waqf. Namun berdasarkan kenyataan penentang dakwah bernama Ibn Humayd sebagaimana termaktub dalam al-Sahhab al-Wabilah, kedua-duanya adalah kumpulan risalah yang sama yang berperanan menjawab si penentang (merujuk kepada al-Syeikh al-Imam – penterjemah). Sementara itu, al-Bassam menyandarkan risalah-risalah ini kepada 'Ibn 'Udwan, namun beliau tidak menyebutkan ia terkandung dalam kitab al-Waqf. Wallahu a'lam. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 682.

¹¹⁵ Beliau dilahirkan di Huraymila'. Menuntut ilmu di kota Damsyik dan akhirnya dilantik menjadi Qadi di Huraymila'. Mati dibunuh pada tahun 1171H di Buldah Raghbah. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 947.

¹¹⁶ Menurut al-Bassam dalam kitabnya 'Ulama' Najd, para ulama' berselisih pendapat tentang sikap Imam al-Son'ani sama ada beliau menarik pujian terhadap al-Syeikh al-Imam ataupun tidak. Para penentang dakwah al-Salafiyah berpendapat bahawa al-Son'ani menarik balik pujiannya dengan menulis kasidah kedua yang disyarahkan oleh cucunya Yusuf bin Ibrahim al-Amir bagi membatalkan kasidah pertama bertajuk Mahwa al-Hawbah fi Syarh Abyat al-Tawbah. Sila lihat al-Fuhhat al-Wajd dan Kashf al-Niqab, hlm. 75. Dalam hal ini, al-Syeikh Sulayman bin Sahman rahimahullah mengarang kitab bertajuk Tabri'ah al-Shaikhain al-Imamiyyin min Tazawwayar ahl al-Kizb wa al-Mayyan bagi mempertahankan ketokohan kedua-dua Imam iaitu al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dan Imam al-Son'ani. Ibn Sahman mengemukakan beberapa bukti kukuh bahawa kasidah yang mengandungi penarikan kembali pujian al-Son'ani terhadap Ibn 'Abd. al-Wahhab adalah kasidah palsu yang disandarkan kepada al-Son'ani. Ini kerana isi kandungan kasidah tersebut menyalahi ajaran al-Son'ani yang diketahui mematuhi Sunnah serta mencela segala perbuatan bid'ah sebagaimana termaktub dalam kitab-kitab karangannya misalnya Tathir al-I'tiqad.

Sebaliknya kasidah yang kononnya ditulis oleh al-Son'ani mengandungi perkara-perkara karut serta pembohongan yang tidak mungkin dinyatakan beliau. Sebagai suatu contoh, dalam syarahan terhadap kasidah tersebut dinyatakan bahawa perbuatan berdo'a atau meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati (al-Istighosah) hanyalah kufur dari segi perbuatan bukannya kufur dari segi pegangan atau akidah. Ini ternyata bertentangan sama sekali dengan ajaran al-Son'ani yang menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah kekufuran dari sudut akidah yang mengeluarkan seseorang itu dari agama Islam. Sila lihat Tabri'ah al-Shaikhain, cetakan pertama, Matba'ah al-Manar, Mesir, 1343H, hlm. 182-195.

Selain itu, Menurut Ibn Sahman lagi, sebagaimana yang diketahui umum bahawa cucu al-Son'ani, yang menyarahkan kasidah kedua adalah penentang kuat dakwah al-Salafiyah, maka tidak hairan jika beliau pengarang sebenar kepada kasidah tersebut. Sila lihat al-Fuhhat al-Wajd dan Majalah al-'Arab, Jil. 9-10, hlm. 744.

Sulayman Bin Sahim (m.1181H).

Terkenal kerana hebatnya permusuhan, besarnya pembohongan, tipu helah serta pelbagai tuduhan lainnya terhadap al-Syeikh al-Imam. Hal ini jelas dilihat menerusi kitab al-Rasa'il al-Syakhsiyyah yang berjaya menjawab segala permasalahan yang ditimbulkannya.¹¹⁷ Beliau juga pengarang kepada beberapa risalah yang dipenuhi segala macam pendustaan serta kekeliruan terhadap prinsip-prinsip dakwah al-Salafiyah serta para pendokongnya. Selain dari menghebahkannya kepada para ulama' dipelbagai negara dan tempat, Ibn Sahim turut mendorong serta mengobor-ngobarkan semangat mereka supaya bersama-sama terlibat dalam penentangan.

Salih bin 'Abd. Allah al-Soig¹¹⁸ (m.1183H).

Pengarang kepada beberapa buah kasidah bertujuan menjawab pujian Imam al-Son'ani terhadap al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta pergerakan dakwahnya. Antara rangkainya adalah seperti berikut:

Kesejahteraan dari al-Rahman manis pada pandangan

Dan sangat wangi umpama wangian kasturi dan mawar

Kepada sahabat-sahabat yang kusayangi serta rindui

Alangkah indahnya kesejahteraan mengatasi kerinduan

Namun telah datang kepadaku suatu perutusan

Terkandung kata-kata dusta¹¹⁹ yang ku keluarkan dari simpanan (dada)ku¹²⁰

Saif bin Ahmad al-'Atiqi (m.1189H).

Nyata permusuhannya dengan mengarang himpunan jawapan tebal menjawab al-Syeikh al-Imam. Namun menurut al-Bassam, kewujudan jawapan Ibn 'Atiqi hanya berdasarkan kepada kata-kata orang sahaja.¹²¹

¹¹⁷ Sila lihat 'Abd. Allah al-'Uthaimin menerusi kitabnya Buhuth wa Ta'liqat fi Tarikh al-Mamlakah al-Su'udiyah, cetakan pertama, al-Riyadh, 1404H (bahagian yang menyatakan kedudukan Sulayman bin Sahim dalam pergerakan dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 91-113).

¹¹⁸ Beliau dilahirkan, dibesarkan serta meninggal dunia di di 'Unayzah. Pernah dilantik sebagai Qadi di sana. Mengarang beberapa buah karya serta mempunyai ramai murid. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 673; 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 364.

¹¹⁹ Merujuk kepada pujian Imam al-Son'ani terhadap al-Syeikh al-Imam.

¹²⁰ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 364.

¹²¹ al-Bassam, 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 327.

Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab (m.1208H).¹²²

Saudara kandung kepada al-Syeikh al-Imam. Dalam menyatakan penentangannya beliau mengarang kitab bertajuk Fasl al-Khitab fi al-Radd Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab¹²³ bagi menjawab al-Syeikh al-Imam. Kitab ini menyebabkan penduduk Huraymila' menarik balik sokongan mereka dari mengikuti dakwah al-Syeikh kerana takut dikatakan sebagai golongan yang tidak beriman. Di 'Uyainah kitab ini berjaya menimbulkan keraguan penduduknya yang merupakan pengikut kepada al-Syeikh al-Imam.¹²⁴

Al-Syeikh al-Uthaymin mengulas:

Tidak sedikit aktiviti penentangan yang dilakukan Sulayman di negerinya Huraymila'. Selain itu, beliau bersungguh-sungguh mendesak penduduk 'Uyainah agar berpaling tadah dari berpegang teguh kepada dakwah al-Salafiyah. Ini dilakukannya dengan menghantar kitab yang mengandungi sanggahan terhadap saudaranya Muhammad berhubung persoalan akidah.¹²⁵

Sulayman berselisih pendapat dengan al-Syeikh al-Imam dalam persoalan akidah seperti hukum sembelihan dan bernazar selain kepada Allah dengan menganggap bahawa jika dilakukan, ia hanya membawa kepada syirik kecil. Beliau mendakwa pandangannya itu selaras dengan kenyataan Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim.¹²⁶

¹²² al-Syeikh Sulayman dilahirkan di al-'Uyainah. Dilantik menjadi hakim di Huraymila' namun menetap di Sadir. Meninggal dunia di al-Dar'iyah. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 302.

¹²³ Penulis menyandarkan nama kitab ini kepada pengarangnya berdasarkan kenyataan Ibn Humayd yang termaktub dalam al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 699, al-Bassam dalam 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 304, al-Uthaymin dalam al-Syeikh Ibn 'Abd. al-Wahhab, hlm. 61 & 101, al-Shibl dalam pengesahannya terhadap kitab al-Akhbar al-Najdiyyah, karangan al-Fakhiri, hlm. 126. Namun terdapat nama (judul) lain yang disandarkan kepada kitab karangan Sulayman seperti berikut:

1. al-Sawa'iq al-Ilahiyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah yang dicetak di negara India, 1306H, Mesir dan Turki.
2. Hujjah Fasl al-Khitab min Kitab Rabb al-Arbab wa Hadith Rasul al-Mulk al-Wahhab wa Kalam ulil al-Albab fi Ibtihal Mazhab Muhammad 'Abd. al-Wahhab. Naskah tulisan tangannya terdapat di Perpustakaan al-Ahqaf di Hadramaut.
3. al-Radd Man Kafara al-Muslimin bi Sababin al-Nazr li Ghairillah. Naskah tulisan tangannya terdapat di Perpustakaan al-Awqaf al-'Ammah di Baghdad.

¹²⁴ Sila lihat Majmu'ah al-Syeikh, Jil. 1, hlm. 281; Ibn Ghannam, Jil. 2, hlm. 225.

¹²⁵ 125 Sila rujuk al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 61.

¹²⁶ Timbul satu persoalan sama ada al-Syeikh Sulayman bertaubat dari melakukan kesesatan serta kembali dengan mengikuti dakwah al-Salafiyah atau meninggal dunia dalam keadaan menentangnya? Al-Bassam menyatakan dalam kitabnya 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 305, menerusi beberapa bukti bahawa Sulayman tidak berhenti dari menyatakan penentangannya sehingga dia menemui ajal. al-Ustaz Muhammad al-Sakakir telah mengulas akan kenyataan al-Bassam dalam tesis sarjananya bertajuk al-Imam Muhammad Ibn 'Abd. al-Wahhab wa Minhajuhu fi al-Dakwah, hlm. 126. Namun di sini bukanlah tempatnya untuk membincangkan secara mendalam perkara ini kerana jika benar sekalipun kenyataan al-Bassam serta al-Sakakir namun ia bukan suatu yang menghairankan kerana Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam pernah bersabda yang maksudnya:

(XX hadis) . (Riwayat Imam Muslim).

Sehubungan dengan ini, para anbiya' serta para sahabat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam sendiri menghadapi penentangan yang hebat dari bapa-bapa, anak-anak mahupun saudara mara mereka. Oleh itu bukanlah suatu yang pelik jika mana-mana individu sesudah zaman mereka melakukan perkara sedemikian khususnya al-Syeikh Sulayman yang tidak sempat bertaubat sebelum dia meninggal dunia. Selain itu, terdapat bukti-bukti kukuh lainnya bahawa Sulayman tetap kekal sebagai penentang dakwah al-Salafiyah sebagaimana berikut:

1. Menurut al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan, berhubung dengan kekeliruan yang disandarkan kepada al-Syeikh al-Imam bahawa dia menafikan terjadinya perbuatan syirik kepada umat Islam, tuduhan ini sebenarnya dilemparkan ke atasnya oleh 'Abd. Allah Muwais, pemimpin Hirmah, Ibn Isma'il berasal dari Washam dan Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab. Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyyah, Jil. 3, hlm. 53.
2. Dalam jawapannya terhadap kekeliruan Ibn Mansur, al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan menyebutkan begini: "Aku berpuashati dengan apa yang dinyatakan oleh guru kami (al-Syeikh al-Imam) dalam menjawab Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab." (al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 201). Dalam hal ini, al-Syeikh 'Abd. Rahman bin Hassan tidak pula menyebutkan tanda-tanda bahawa Sulayman telah bertaubat dari kesalahannya. Bahkan beliau tidak pun memohon rahmat terhadapnya.

Muhammad bin Fairuz (m.1216H).

Penentang kuat al-Syeikh al-Imam, terkenal kerana hebatnya cacian, bersikap hipokrit serta penggunaan pelbagai jenis tipudaya. Bagi merealisasikan pendiriannya ini, Ibn Fairuz mengarang kitab bertajuk al-Risalah al-Mardhiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah.¹²⁷

Sembilan tokoh di atas merujuk kepada para penentang al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab yang berasal dari negeri Najd sebelum kejatuhan al-Dar'iyah pada tahun 1234H. Seterusnya kami menyatakan para penentang yang berasal dari negeri al-Ahsa' serta lainnya seperti berikut:

'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Latif.

Merupakan salah seorang dari guru kepada al-Syeikh al-Imam semasa beliau berada di al-Ahsa'. Bagi menyatakan penentangan terhadap muridnya beliau mengarang kitab bertajuk Saif al-Jihad liMudda'ie al-Ijtihad.¹²⁸

Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin 'Afaliq (m.1164H).

Beliau mengarang risalah yang ditujukan khas kepada al-Syeikh al-Imam bertajuk Tahkum al-Muqallidin fi Mudda'ie Tajdid al-Din.¹²⁹ Namundi dalamnya mengandungi persoalan, ibarat permainan bahasa berbentuk sindiran tajam yang kurang bermanfaat serta tekanan dalam bentuk cabaran dan kesombongan. Tujuan utama Ibn 'Afaliq hanyalah untuk melontarkan cercaan serta cubaan melemah dan merendah-rendahkan kedudukan al-Syeikh al-Imam. Namun setelah diteliti dengan mendalam, ia bukanlah jawapan berbentuk ilmiah sama sekali bahkan lebih menghampiri kepada permainan kata-kata semata-mata.¹³⁰

Selain itu, Ibn 'Afaliq menulis risalah kepada 'Uthman bin Mu'ammara, pemimpin al-'Uyainah¹³¹ bagi menimbulkan keraguan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam, dimana isi kandungannya penuh dengan celaan sehinggakan 'Uthman bin Mu'ammara akhirnya

3. al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan menyebut dalam kitabnya Minhaj al-Ta'sis, hlm. 190 seperti berikut: "Dawud Ibn Jurjis menjadikan jawapan al-Syeikh Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab sebagai hujah dalam penolakannya terhadap saudaranya Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab).

Sebagai menambah kenyataan di atas, al-Syeikh 'Abd. al-Latif tidak pula menyebutkan sesuatu petanda bahawa al-Syeikh Sulayman telah kembali mengikuti dakwah al-Salafiyyah. Namun terdapat suatu kenyataan yang disandarkan juga kepada al-Syeikh 'Abd. al-Latif bahawa beliau menyebutkan tentang kembalinya Sulayman mengikuti dakwah al-Salafiyyah di akhir hayatnya berdasarkan draf atau rangka kasar kitab Mishbah al-Zullam, hlm. 104-105. Kitab ini ditulis sesudah menulis kitab Minhaj al-Ta'sis bagi menolak Dawud Ibn Jurjis. Wallahu a'lam.

¹²⁷ Dicitak menerusi cetakan Bombay, India pada tahun 1307H. Sila lihat kitab karangan al-Uthaymin bertajuk al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Hayatuhu wa Fikruhu, hlm. 146.

¹²⁸ Telah disebutkan terdahulu.

¹²⁹ Risalah ini masih dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan Universiti Negara, Tubanjan, Jerman. Namun penulis dapat memperolehi satu salinan daripadanya.

¹³⁰ Catatan Penterjemah: Penulis seterusnya menukil sebahagian daripada kata-kata Ibn 'Alafiq terhadap al-Syeikh al-Imam. Akan tetapi kerana bahasa yang amat berputar-putar, saya beserta beberapa rakan lain yang mahir dalam bahasa Arab menghadapi kesukaran untuk menterjemahkannya. Oleh itu saya tidak dapat untuk memasukkan kata-kata tersebut dalam edisi terjemahan ini.

¹³¹ Penulis memperolehi salinan manuskrip risalah ini daripada Perpustakaan Negara Berlin, Jerman.

menarik kembali sokongannya.¹³² Ibn 'Afaliq mendakwa di dalam risalahnya bahawa al-Syeikh al-Imam berselisih pendapat dengan Ibn Taymiyyah serta Ibn al-Qayyim dalam persoalan yang membabitkan akidah.¹³³

Rentetan peristiwa ini bermula apabila Ibn Mu'ammam menulis risalah kepada Ibn 'Afaliq menyebutkan tentang persetujuannya terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam. Oleh itu Ibn 'Afaliq menulis risalahnya bagi menjawab Ibn Mu'ammam¹³⁴ dengan celaan serta makian terhadap Ibn Mu'ammam serta al-Syeikh al-Imam, disertai tohmahan terhadap keduanya bahawa mereka mengkafirkan dan menuduh kaum Muslimin lainnya sebagai sesat.¹³⁵ Ternyata dalam risalah ini terdapat pujukan serta desakan Ibn 'Afaliq terhadap Ibn Mu'ammam supaya menarik kembali sokongannya terhadap al-Syeikh al-Imam.¹³⁶

Muhammad bin Sulayman al-Kurdi (m.1194H).¹³⁷

Beliau mengarang kitab berbentuk soal jawab dengan memasukkan unsur-unsur berlawanan dari apa yang ditetapkan oleh para pemimpin dakwah al-Salafiyah terdahulu mahupun semasa dengan zamannya.¹³⁸ Al-Kurdi juga menulis risalah pujian terhadap Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab, menyokong tindakannya menentang dakwah al-Salafiyah yang diperjuangkan saudara kandungnya al-Syeikh al-Imam. Di dalam risalah ini beliau sempat juga melontarkan caciannya terhadap al-Syeikh al-Imam dengan kata-katanya:

Wahai Ibn 'Abd. al-Wahhab! Kesejahteraan ke atas sesiapa yang mengikuti petunjuk. Aku menasihati engkau supaya mengekang lidah engkau terhadap kaum Muslimin.¹³⁹

Ahmad bin 'Ali al-Basri yang terkenal dengan gelaran al-Qabbani (m.1157H).¹⁴⁰

Beliau mengarang kitab berjilid tebal sehingga mencecah 200 halaman bertajuk Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab¹⁴¹ bagi menyahut risalah Ibn Sahim yang

¹³² Sila lihat risalah ini pada helaian 39, 40, 49 dan 52.

¹³³ Sila lihat risalah ini pada helaian 42, 44, 50 dan 52.

¹³⁴ Penulis memperolehi salinan manuskrip jawapan tulisan tangan Ibn 'Afaliq terhadap risalah Ibn Mu'ammam daripada Perpustakaan Negara Berlin, Jerman.

¹³⁵ Sila lihat helaian 56, 59 dan 63.

¹³⁶ Suatu contoh kata-kata Ibn 'Afaliq dalam risalahnya kepada Ibn Mu'ammam ialah: "Cukuplah apa yang ku nyatakan kepadamu dalam risalah ini." Sila lihat helaian 63.

¹³⁷ Beliau dilahirkan di Damshik pada tahun 1127H, namun dibesarkan serta meninggal dunia di Madinah. Dilantik sebagai juru fatwa bagi mazhab al-Syafi'i di sana. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 6, hlm. 152.

¹³⁸ Tajuk kitab ini ialah Masa'il wa Ajwibah wa Radud 'ala al-Khawarij. Salinan manuskrip tulisan tangan diperolehi dari Jabatan Manuskrip. Manakala kitab ini yang disertakan sekali fatwa-fatwa beliau berasaskan kepada cetakan Mesir tahun 1357H.

¹³⁹ Sila lihat kitab karangan al-Haddad bertajuk al-Anam, hlm. 81.

¹⁴⁰ Penulis tidak berkesempatan mengulas lanjut tentang tokoh ini. Namun ternyata menerusi pembacaan terhadap kitab-kitabnya, hasil karya al-Qabbani agak popular di kalangan para penentang dakwah yang hidup sezaman dengan al-Syeikh al-Imam. Sila lihat al-Rasa'il al-Syaksiyyah.

¹⁴¹ Penulis memperolehi salinan naskah tulisan tangannya menerusi Jabatan Manuskrip Universiti al-Imam. Kesesuaian menamakan kitab ini dengan Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab berdasarkan kepada kata-kata al-Qabbani sendiri di bahagian pengenalan kitab ini pada helaian 3 dan 4. Menurut beliau, Ibn 'Abd. al-Wahhab mengirim sebuah risalah kepada mereka (golongan penentang dakwah al-Salafiyah – penterjemah), menyeru mereka agar mengabdikan diri kepada Allah yang Maha Esa. Sebagai jawapan balas, al-Qabbani mengarang kitab ini dengan menamakannya sebagai Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab. Menurut al-Ustaz 'Abbas al-'Azrawi dalam kitabnya Zikra Abi al-Sana' al-Alusi, al-Syeikh al-Imam telah mengutuskan risalah ke Basrah pada tahun 1155H menyeru mereka kepada dakwah al-Salafiyah. Sebagai jawapan balas, al-Qabbani menulis kitabnya bertajuk Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab bagi menolak seruan al-Syeikh al-Imam yang berdasarkan kepada pandangan Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah. Sila lihat

dihantar kepada para ulama' pelbagai negara dan tempat. Isi kandungan risalah Ibn Sahim lebih bercorak propaganda kepada para ulama' agar menentang al-Syeikh al-Imam serta penyelewengan fakta terhadap dakwah al-Salafiyah.

'Abd. Allah bin Dawud al-Zubayri (m. 1225H).

Bagi menyatakan penentangannya, beliau mengarang kitab bertajuk al-Sawa'iq wa al-Ra'ud fi al-Radd 'ala Ibn Sa'ud.¹⁴² Mengulas tentangnya, al-Bassam berkata:

Al-Zubayri mengambil pandangan para gurunya terutama Muhammad bin Fairuz. Beliau merupakan penentang dakwah al-Salafiyah serta pemimpin utamanya iaitu al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab al-Najdi. Beliau bersungguh-sungguh menyatakan penentangan serta permusuhan. Ini dapat dilihat menerusi kitabnya bertajuk al-Sawa'iq wa al-Ra'ud fi al-Radd 'ala Ibn Sa'ud. Namun segala puji bagi Allah yang tetap mengekalkan perkembangan serta penyebaran dakwah yang suci ini sama ada di Timur mahupun Barat.¹⁴³

Menerusi penelitian terhadap kitab serta risalah para penentang, penulis mendapati bahawa kitab al-Sawa'iq bukan sahaja merupakan kitab yang amat penting bahkan dipandang tinggi sehingga mendapat sanjungan para penentang dakwah al-Salafiyah di merata-rata negara dan tempat. Bagi menyatakan kedudukan kitab ini di sisi mereka, al-Qadiri¹⁴⁴ berkata:

Ia merupakan kitab yang dianggap sebagai gedung yang diisi dengan perkara menarik serta menakjubkan. Selain itu terkandung di dalamnya perkara yang luar biasa serta istimewa. Amat tinggi kedudukannya sehingga menghasilkan banyak pembuktian serta manfaat. Kami tidak mengetahui adanya kitab bentuk ini yang terlebih agung serta sempurna daripadanya. Sesiapa yang ingin mengetahui penguasaan syaitan terhadap Ibn Sa'ud maka hendaklah dia mentelaah al-Sawa'iq wa al-Ra'ud. Ia adalah kitab yang sangat indah serta mencukupi bagi para ulama' serta golongan awam dalam menghadapi segala kepalsuan. Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran ke atas al-Syeikh 'Abd. Allah bin Dawud menerusi kitabnya al-Sawa'iq wa al-Ra'ud...¹⁴⁵

hlm. 34. Selain itu, dalam risalahnya, al-Syeikh al-Imam juga menyebutkan sikap al-Qabbani yang menyukai pembinaan kubah di atas kubur sedangkan ia bertentangan dengan kesepakatan para ulama'. Sila lihat Majmu'ah al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 206.

¹⁴² Ia wujud dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan al-Syarqiyyah, India. Ditulis pada tahun 1238H. al-Haddad menyebut tentang kewujudan risalah ini dalam Misbahnya, hlm. 79, dengan mengatakan bahawa: "'Abd. Allah bin Dawud memperolehi manfaat daripada jawapan al-Qabbani."

¹⁴³ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 539.

¹⁴⁴ Penulis tidak berkesempatan mengulas lanjut tokoh ini.

¹⁴⁵ Risalah kecil (tanpa tajuk) dalam menjawab golongan Wahabi. Penulis memperolehinya daripada Jabatan Manuskrip Universiti al-Malik Su'ud. Ia mengandungi 7 helaian, sila lihat helaian 2.

Dalam menyatakan pujiannya terhadap al-Sawa'iq serta pengarangnya, Hassan bin 'Umar al-Syathi¹⁴⁶ berkata:

Al-'Allamah al-Muhaqqiq wa al-Fahamah al-Mudaqqiq al-Syeikh 'Abd. Allah bin Dawud mengarang sebuah kitab terkenal bertajuk al-Sawa'iq wa al-Ra'ud bagi menjawab Ibn Sa'ud. Diperjelaskan di dalamnya perjalanan hidup Ibn al-Wahhab serta golongan Salafi sebelum dan sesudahnya. Kitab ini tersebar serta dikaji kalangan tokoh-tokoh terkemuka dimana mereka memberikan sebaik-baik pujian terhadap pengarangnya.¹⁴⁷

'Alawi al-Haddad turut memuji al-Sawa'iq serta pengarangnya dengan berkata:

Aku membaca kitab tebal yang mengandungi dua puluh risalah bertajuk al-Sawa'iq wa al-Ra'ud yang dikarang bagi menjawab si celaka 'Abd. al-'Aziz bin Sa'ud. Kitab ini mendapat pujian, sokongan serta penerimaan baik di kalangan ulama' Basrah, Baghdad, Halab, al-Ahsa' serta selain mereka.¹⁴⁸

Al-Haddad menambah:

Sesiapa yang menginginkan sesuatu yang menyejukkan pandangan matanya, hendaklah dia mentelaah kitab al-Sawa'iq wa al-Ra'ud karangan al-Syeikh al-Allamah wa al-Bahr al-Fahamah 'Afif al-Din 'Abd. Allah bin Dawud al-Zubayri kerana tiada sebarang keraguan di dalamnya.¹⁴⁹

Ibn Humayd mensifatkan kitab yang berjilid tebal serta istimewa ini dengan katanya¹⁵⁰:

Setelah mengambil kira kepentingan serta banyaknya pujian terhadap kitab serta pengarang al-Sawa'iq wa al-Ra'ud, aku sangat berkeinginan untuk mengkajinya. Lalu aku berusaha bersungguh-sungguh walaupun tidak berupaya.¹⁵¹

¹⁴⁶ Beliau ialah Hassan bin 'Umar bin Ma'ruf al-Syathi. Termasuk kalangan ulama' Damsyik. Dilahirkan di sana pada tahun 1205H. Pengarang kepada beberapa buah kitab serta mempunyai ramai murid. Meninggal dunia pada tahun 1274H. Sila lihat al-Na't al-Akmal, hlm. 367.

¹⁴⁷ Sila lihat risalah pelengkap yang dikenali sebagai lthbat al-Sifat pada helaian 71, serta risalah bertajuk Mashajirah Baina ahl-Makkah wa ahl-Najd pada helaian 39.

¹⁴⁸ Sila lihat Misbah al-Anam, hlm. 3.

¹⁴⁹ Sila lihat Misbah al-Anam, hlm. 4.

¹⁵⁰ Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 687.

¹⁵¹ Sepanjang mentelaah kitab Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum, karangan Mas'ud al-Nadwi penulis mendapati kitab ini wujud dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan Batnah al-Syarqiyah, India bernombor 1238. Setelah berkali-kali berutus surat bagi memohon naskah salinannya, penulis akhirnya berjaya memperolehnya dengan dikenakan beberapa syarat yang agak sukar untuk dipenuhi.

'Abd. Allah bin 'Isa al-Kawkabany¹⁵² dari Negara Yaman (m.1224H).

Beliau mengarang kitab bertajuk al-Saif al-Hindi fi Ibanah Thoriq al-Syeikh al-Najdi.¹⁵³ Kitab ini dipenuhi dengan kesalahan fakta sejarah berkisar tentang dakwah al-Salafiyyah.¹⁵⁴

'Alawi bin Ahmad al-Haddad dari Hadramaut (m.1232H).

Bagi menyatakan penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam serta dakwah Salafiyyahnya, beliau mengarang dua buah kitab bertajuk al-Saif al-Battar li 'Unuq al-Munakar 'ala al-Akabir¹⁵⁵, diikuti dengan Misbah al-Anam wa Jala' al-Zullam fi Radd Syibh al-Bid'ie al-Najdi allati Adolla biha al-'Awwam.

Kitab kedua ini terdiri dari 17 bab dan pada setiap bab mengandungi jawapan terhadap dakwah al-Salafiyyah serta keterangan menyangkut beberapa perkara yang menyalahinya. Selain itu dimuatkan juga penetapannya mengharuskan meminta pertolongan (al-Istigosah) kepada orang yang sudah mati, sikap melampau terhadap para wali Allah, binaan ke atas kubur-kubur serta menjadikan kubur orang-orang salih sebagai tempat keramat untuk diziarahi.

Dalam usaha menunjuk-nunjuk kedudukan ilmiah rakan-rakannya yang terbabit menghadapi dakwah al-Salafiyyah, al-Haddad berkata dalam kitab al-Misbahnya:

Aku melihat jawapan para ulama' mazhab empat, ternyata tidak dapat dikira bilangan mereka sama ada dari kalangan penduduk Haramayn yang suci, al-Ahsa', Basrah, Baghdad, Halab, Yaman mahupun negara Islam lainnya...¹⁵⁶

Muhammad bin Muhammad al-Qadiri.

Bagi menyatakan celaannya terhadap al-Syeikh al-Imam serta Imam 'Abd. al-Aziz bin Muhammad bin Sa'ud¹⁵⁷ (m.1218H), beliau mengarang satu risalah pendek. Ia ditulis setelah menerima risalah yang dihantar kepadanya oleh al-Amir 'Abd. al-Aziz yang terkandung di dalamnya penjelasan Ibn al-'Aziz tentang pegangan al-Salafiyyah. Ternyata risalah al-Qadiri yang ditulis pada tahun 1211H di bandar Halab ini lebih tertumpu kepada kutukan serta kata-kata makian.¹⁵⁸

¹⁵² Beliau dilahirkan pada tahun 1175H. Menuntut ilmu di Kaukaban sehingga berjaya menguasai beberapa bidang ilmu seperti kesusasteraan dan syair. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat Nayl al-Awthar, Jil. 2, hlm. 92.

¹⁵³ Sila lihat Lufhat al-Wajd Min Fi'lat ahl Najd, helaian 3.

¹⁵⁴ Sila lihat Lufhat al-Wajd Min Fi'lat ahl Najd, helaian 4-5.

¹⁵⁵ Sila lihat 'Alawi al-Haddad, Misbah al-Anam, hlm. 2.

¹⁵⁶ Misbah al-Anam, hlm. 2 dan 29. Sehubungan hal ini al-Haddad berkata: "Di kalangan mereka ialah Ahmad al-Misri al-Ahsani, 'Atha al-Makki yang mengarang risalah bertajuk al-Sorim al-Hindi fi 'Unuq al-Najdi dan al-'Un'ami yang menyusun kasidah bagi menjawab Ibn 'Abd. al-Wahhab." Sila lihat Misbah al-Anam, hlm. 2 dan 6.

¹⁵⁷ Beliau adalah Imam yang mengetuai kerajaan Saudi (I) setelah meninggal ayahnya iaitu Imam Muhammad bin Sa'ud rahimahullah.

Menerusi tangannya, kerajaan Saudi berkembang serta dapat meluaskan jajahan takluk. Terkenal sebagai pemimpin yang adil, bertakwa dan amat mengambil berat terhadap rakyat. Namun beliau akhirnya mati dibunuh ditangan al-Rafidhi ketika sedang menunaikan solat. Sila lihat Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm. 167.

¹⁵⁸ Sila lihat helaian. 7 risalah ini.

'Umar al-Majub (m.1222H).¹⁵⁹

Beliau merupakan ulama' Tunisia yang mengarang sebuah risalah bagi menjawab golongan Wahabi¹⁶⁰ setelah menerima sebuah risalah yang ditulis al-Amir 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Sa'ud. Risalah ini sebagaimana risalah al-Qadiri, dipenuhi dengan penentangan, celaan dan kutukan terhadap dakwah al-Salafiyyah, namun dalam bentuk puisi Arab.

Muhammad bin 'Abd. al-Majid bin 'Abd. al-Salam bin Kiran al-Fasi (m.1227H).¹⁶¹

Beliau merupakan salah seorang ulama Fes, Afrika. Bagi menyatakan penentangan, beliau mengarang risalah bertajuk al-Radd 'ala Ba'dh al-Mubtadi'in min al-Toifah al-Wahabiyyah.¹⁶² Ia dikarang setelah menerima dua buah risalah tulisan al-Amir Sa'ud bin 'Abd. al-'Aziz (m.1229H)¹⁶³ yang dihantar ke negara-negara Afrika. Namun kandungan risalah al-Fasi ini hanyalah hasil cedukan dari para penentang sebelumnya sahaja.

Mengikuti para penentang yang dinyatakan di atas, sepanjang tertegaknya negara Saudi kedua (1235-1309H), ialah penyokong setia mereka yang dianggap laksana 'ayam tambatan' yang dengan cepat menangkap kebencian serta tipu helah guru-guru mereka terhadap dakwah al-Salafiyyah dan para pendokongnya. Mereka adalah seperti berikut:

Muhammad bin 'Ali bin Salum (m.1246H).¹⁶⁴

Beliau meninggalkan Najd menuju daerah al-Ahsa', kemudian berpindah pula ke negeri Basrah bersama-sama gurunya Muhammad bin Fairuz, salah seorang penentang kuat dakwah al-Salafiyyah sebagaimana yang disebutkan terdahulu.

'Uthman bin Sanad al-Basri (m.1250H).¹⁶⁵

Terserlah penentangannya menerusi kitab Mutholi' al-Sa'ud bi Toyiyb Akhbar al-Wali Dawud.¹⁶⁶ Kitab ini diringkaskan oleh Amin al-Halwani al-Madani.¹⁶⁷ Antara tuduhan palsu

¹⁵⁹ Beliau ialah 'Umar bin al-Qasim bin Mahjub al-Tunisi. Sila lihat Mu'jam al-Muallifin, Jil. 7, hlm. 304.

¹⁶⁰ Dicitak di Tunisia pada tahun 1327H. Bagi mengetahui salasilah keturunannya sila lihat kitab Ittihaf Ahl al-Zaman bi Akhbar Muluk Tunis wa 'Ahd al-Aman karangan Ahmad bin Abi al-Diyaf, Jil. 3, hlm. 63-64.

¹⁶¹ Termasuk dalam lingkungan para ulama' Fes yang bermazhab Maliki. Sila lihat al-A'lam, Jil. 6, hlm. 178.

¹⁶² Dicitak di Mesir pada tahun 1327H.

¹⁶³ Imam Sa'ud dilahirkan di al-Dar'iyah pada tahun 1165H. Terlibat dalam banyak peperangan. Menuntut ilmu pengetahuan antaranya dari tangan datuknya sendiri iaitu al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Selain itu beliau selalu menghadiri majlis ilmu serta banyak berzikir kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sila lihat 'Unwan al-Najd, Jil. 1, hlm. 225.

¹⁶⁴ Beliau dilahirkan di al-'Athar Sadir pada tahun 1161H. Setelah menetap di sana beliau berpindah ke al-Ahsa'. Pengarang kepada beberapa buah kitab terutama dalam bidang fekah dan fara'id. Meninggal dunia di Buldah Suq al-Syuyukh. Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 827; 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 909. Al-Bassam lebih cenderung mengatakan bahawa Ibn Salum tidak termasuk dalam kalangan penentang dakwah al-Salafiyyah. Ini berkemungkinan besar beliau tidak mengetahui apa yang termaktub dalam kitab-kitab karangan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan serta anaknya al-Syeikh 'Abd. al-Latif. Jelas berdasarkan kitab karangan dua tokoh ulama' ini bahawa Ibn Salum adalah kalangan penentang dakwah al-Salafiyyah. Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 215, 217 dan 335.

¹⁶⁵ Beliau dilahirkan di Huraymila' pada tahun 1182H kemudian berpindah ke al-Zubayr. Mengarang beberapa kitab serta puisi Arab. Meninggal dunia di Baghdad. Sila lihat Rhaudah al-Nazhirin, Jil. 2, hlm. 73.

¹⁶⁶ Wujud dalam bentuk manuskrip di Perpustakaan al-Awqaf al-'Ammah, Baghdad, bernombor 574.

¹⁶⁷ Sila lihat ulasan berkenaannya dalam al-A'lam, Jil. 2, hlm. 15 serta Mu'jam al-Muallifin, Jil. 3, hlm. 6.

'Uthman bin Sanad ialah dakwaan bahawa para pendokong dakwah al-Salafiyyah berterusan dalam mengkafirkan kaum Muslimin.¹⁶⁸

'Uthman bin Mansur (m.1282H).¹⁶⁹

Terkenal kerana kuatnya penentangan serta banyak melakukan tipu daya terhadap dakwah al-Salafiyyah serta pendokongnya di negeri Najd. Ini berdasarkan kepada kenyataan para pemimpin dakwah al-Salafiyyah sezaman dengan Ibn Mansur iaitu al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan¹⁷⁰ dan al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan.

Mengulas sebahagian hasil karya Ibn Mansur, al-Syeikh 'Abd.al-Rahman bin Hassan berkata:

Kami mendapati pada kitab-kitab tulisan tangan Ibn Mansur terdapat celaan terhadap kaum Muslimin serta tuduhan terhadap Imam mereka al-Syeikh al-Islam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah sebagai individu yang melakukan penyesatan berhubung perkara al-Tauhid. Selain itu, dia mendakwa bahawa al-Syeikh al-Imam dan pengikut dakwah al-Salafiyyah adalah golongan Khawarij yang termaktub sifat-sifat mereka di dalam hadith-hadith yang sahih.¹⁷¹

Mengulas salah sebuah kitab Ibn Mansur, al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan berkata:

Aku meneliti kitab yang dinamakan sebagai Jala' al-Ghummah. Namun aku mendapati keburukan padanya dengan celaan terhadap agama Allah, halangan daripada jalan-Nya yang lurus, pendustaan terhadap Allah dan Rasul-Nya, para ilmuan di kalangan hamba-hamba-Nya dan terhadap para pemimpin yang diberi petunjuk. Tidak ada yang lebih dahsyat daripadanya walaupun dibandingkan dengan penulisan tokoh-tokoh selainnya seperti al-Muwais, Ibn Fairuz, al-Qabbani dan seumpama mereka yang turut sama menyibukkan diri mereka dengan memusuhi agama serta pencelaan terhadap tokoh-tokoh kaum Muslimin.¹⁷²

¹⁶⁸ Sila lihat ringkasan kitab Mutholi' al-Sa'ud karangan Amin bin Hassan menerusi cetakan Muhib al-Din al-Khatib, hlm. 80. Menurut Kadzim al-Dajili ketika membuat ulasan terhadap 'Uthman bin Sanad dalam majalah Lughah al-'Arab 3, 4, hlm. 180, Uthman tidak kembali semula kepada pergerakan dakwah al-Wahabiyyah kerana beliau tetap menyatakan celaannya terhadap mereka berdasarkan kitab Mutholi' al-Sa'ud yang dikarang sebelum beliau menemui ajal.

¹⁶⁹ Beliau ialah 'Uthman bin 'Abd. al-'Aziz bin Mansur al-Nasiri. Dilahirkan pada awal kurun ke 13 masihi di Buldah al-Far'ah Sadir. Menuntut ilmu pengetahuan di negara Iraq. Pengarang beberapa buah buku antaranya Syarh Kitab al-Tauhid karangan al-Syeikh al-Imam. Pernah dilantik menjadi hakim. Meninggal dunia di Hauthah Sadir. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 693.

¹⁷⁰ al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan merupakan Mujaddid kedua. Dilahirkan di al-Dar'iyah pada tahun 1193H. Menuntut ilmu agama daripada tokoh-tokoh ulama' Najd sehingga akhirnya dilantik sebagai hakim. Setelah jatuhnya bandar al-Dar'iyah, beliau berhijrah ke Mesir dan sempat belajar dengan ramai para ulama' di sana. Akhirnya beliau kembali semula ke tanah kelahirannya Najd. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Meninggal dunia di kota Riyadh. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 78; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 56.

¹⁷¹ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 194.

¹⁷² Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 351.

Hasil karya Ibn Mansur berhubung dengan penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam serta dakwah al-Salafiyyahnya ialah Jala' al-Ghummah 'An Takfir Hazihi al-Ummah¹⁷³, Ghasal al-Darn'an ma Rakibah haza al-Rajul min al-Mihan, Tabsirah ulil al-Bab¹⁷⁴ dan Minhaj al-Ma'arij li Akhbar al-Khawarij¹⁷⁵. Selain itu beliau juga menyusun kasidah bagi menyatakan pujiannya terhadap Dawud bin Jurjis, salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah serta tuduhannya terhadap para pemimpin dakwah al-Salafiyyah dengan mensifatkan mereka sebagai Khawarij.¹⁷⁶

Muhammad bin 'Abd. Allah bin Humayd (m.1295H).

Bagi menyatakan penentangannya beliau mengarang kitab berkenaan biografi para ulama' Hanbali bertajuk al-Sahhab al-Wabilah 'ala Dhara'ih al-Hanabilah. Disertakan juga biografi para ulama' dakwah al-Salafiyyah namun setelah mencampuradukkan kebenaran dengan kebatilan. Contohnya apabila menyatakan biografi gurunya al-Syeikh 'Abd. Allah Abu Buthain rahimahullah, Ibn Humayd menyatakan perkara yang ganjil serta aneh tentang gurunya berdasarkan kepada kenyataan para penentang dakwah al-Salafiyyah. Begitu juga apabila mensifatkan sesuatu terhadap al-Syeikh al-Imam rahimahullah, beliau akan memasukkan unsur-unsur celaan terhadap keperibadiannya di dalam bahagian yang menceritakan biografi 'Abd. al-Wahhab bin Sulayman, iaitu ayah kepada al-Syeikh al-Imam.¹⁷⁷

¹⁷³ Sila lihat 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan menerusi kitabnya Misbah al-Zullam, cetakan ketiga, Dar al-Hidayah, kota Riyadh, hlm. 16.

¹⁷⁴ Misbah al-Zullam, cetakan ketiga, hlm. 16.

¹⁷⁵ Kitab ini disimpan di Dar al-Kutub al-Misriyyah. Namun penulis berjaya memperolehi naskah salinannya menerusi Dr. 'Abd. Allah al-Syibl. Manuskrip kitab ini mencecah sehingga 186 helaian. Terkandung di dalamnya maklumat sejarah serta pergerakan golongan Khawarij. Namun menerusi pemerhatian terhadap helaian 7, didapati bahawa kenyataan di dalamnya mirip dengan apa yang tertulis pada kitab Jala' al-Ghummah sebagaimana dinyatakan al-Syeikh 'Abd. al-Latif dalam kitabnya Misbah al-Zullam, hlm. 66. Selain itu, Ibn Mansur juga memasukkan celaan terhadap dakwah al-Salafiyyah serta para pendokongnya serta tuduhannya bahawa mereka mengkafirkan kaum Muslimin yang memakmurkan masjid-masjid serta madrasah-madrasah agama. Suatu yang menarik perhatian di mana al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan membidas kenyataan-kenyataan Ibn Mansur dalam perkara yang berhubung dengan persoalan Khawarij. Ia adalah seperti berikut:

"Berhubung dengan perkara yang jelas lagi nyata ini, engkau telah menulis berkenaan golongan Khawarij serta menyatakan bersama-sama komentar al-Syeikh al-Imam terhadap mereka. Namun dikalangan kami (pendokong dakwah al-Salafiyyah –penterjemah), tidak ada seorangpun yang menganut fahaman Khawarij walaupun di mana-mana bandar sekalipun. Selain itu, tidak ada satu golonganpun di bandar-bandar tersebut yang berkata dengan perkataan Khawarij kecuali golongan al-Ibadiyah yang menetap di negara Oman. Realitinya mereka melakukan perkara-perkara yang lebih dahsyat dari golongan Khawarij misalnya dengan menyembah patung-patung. Namun kami tidak pula mendapati di dalam karangan engkau menamakan mereka sebagai Khawarij, sebaliknya engkau menamakan para pendokong dakwah al-Salafiyyah yang mendakwahkan ajaran para Rasul 'alayhimussolatu wassalam sebagai golongan Khawarij. Selain itu, engkau juga membuat tuduhan bahawa mereka mengkafirkan kaum Muslimin yang mengucapkan kalimah Lailahailallah. Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 231. Bagi mengetahui dengan lebih lanjut perihal Ibn Mansur serta penerimaan guru-gurunya terhadapnya seperti Ibn Salum, Ibn Sanad dan Ibn Jadid yang terkenal dengan sikap penentangan mereka terhadap al-Syeikh al-Imam serta dakwah al-Salafiyyah yang diperjuangkannya, sebagaimana yang dinyatakan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman serta anaknya al-Syeikh 'Abd. al-Latif sila lihat kitab al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 187, 195, 202, 210, 217, 333-334.

Dalam usaha untuk bersikap adil terhadap Ibn Mansur, penulis turut memuatkan sekali apa yang diberitahu al-Syeikh Ahmad bin 'Abd. Allah bin Humayd pada bulan Zulhijjah tahun 1405H. Menurut beliau, berdasarkan kepada kata-kata ayahnya al-Syeikh al-'Allamah 'Abd. Allah bin Muhammad bin Humayd rahimahullah, terdapat suatu catatan yang mengatakan bahawa Ibn Mansur akhirnya kembali kepada pendekatan dakwah al-Salafiyyah. Kenyataan ini diperkuatkan lagi apabila penulis meneliti sebuah risalah kecil karangan Ibn Mansur bertajuk al-Radd al-Damigh 'ala al-Za'im an Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah Zaigh. Risalah ini dikarang sebagai jawapan terhadap gurunya yang merupakan penentang dakwah al-Salafiyyah bernama Uthman bin Sanad al-Basri. Risalah ini wujud dalam bentuk manuskrip di Jabatan Manuskrip Universiti al-Imam, bernombor 2137. Wallahu 'alam.

¹⁷⁶ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 348-349.

¹⁷⁷ Sila lihat al-Sahhab al-Wabilah, hlm. 698-699.

Selain itu, Ibn Humayd juga menulis risalah bagi mempertahankan 'bait-bait' atau ungkapan kasidah yang amat terkenal iaitu "Burdah al-Busayri". Dalam hal ini, beliau menjawab gurunya al-Syeikh Abi Buthain rahimahullah yang mempertikaikan Burdah al-Busayri dengan menganggapnya sebagai syirik.¹⁷⁸

Ahmad bin Zaini Dahlan (m.1304H).

Beliau merupakan tokoh tersohor yang mengetuai penentangan dakwah al-Salafiyyah di Hijaz (Mekah dan Madinah –penterjemah). Merangkap Mufti mazhab al-Syafi'i ketika itu namun amat gigih menyebarkan pendustaan serta tuduhan palsu terhadap al-Syeikh al-Imam serta pendokong dakwah al-Salafiyyah sehingga tersebar di kalangan jemaah Haji di pelbagai negara dan tempat. Namun apa yang menarik tentang diri beliau dinyatakan oleh al-Syeikh Fauzan al-Sabiq di dalam kitabnya al-Bayan wa al-Isyhar seperti berikut:

Sebahagian para ulama' besar Mekah mengulas tentang Dahlan seperti berikut: "Berdasarkan penelitian, didapati bahawa hasil karya Dahlan laksana bangkai yang tidak boleh dimakan kecuali oleh orang yang berada dalam keadaan terdesak." Oleh itu ia ditolak oleh kebanyakan para ulama' di India, Iraq, Najd serta selainnya dengan mendedahkan segala bentuk kesesatan yang terdapat di dalamnya.

Aku mendapati dari beberapa alim ulama' berdasarkan dokumen para ilmuwan Islam yang berkata berkenaan Dahlan seperti berikut: "Hakikatnya Dahlan seorang Rafidhi (Syi'ah al-Rafidhah) namun menyembunyikan pegangannya dengan bertaklid kepada salah satu dari mazhab yang empat."

Di antara bukti menunjukkan Dahlan seorang Rafidhi yang hanya bertopengkan mazhab Ahl-Sunnah wa al-Jamaah khususnya mazhab yang mulia al-Imam al-Syafi'i rahimahullah ialah sebuah kitab yang dikarangnya bertajuk Asna al-Mathalib fi Najah Abi Talib. Ia ditulis bagi menolak dengan penuh hawa nafsu kitab-kitab hadith serta al-Sunnah yang sahih lagi mutawatir.¹⁷⁹

Berkaitan dengan penentangannya terhadap dakwah al-Salafiyyah, Dahlan mengarang sebuah kitab bertajuk al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah yang telah dicetak berulang-ulangkali. Ia dicetak dengan disisipkan bersama kitab bertajuk Khulasah al-Kalam fi Amra' al-Balad al-Haram. Selain itu, ia juga dicetak bersama kitab bertajuk al-Futuhat al-Islamiyyah.

Secara realiti, kewujudan Dahlan di negeri Mekah membawa pengaruh yang besar dalam mempromosikan tuduhan palsu serta kekeliruan terhadap dakwah al-Salafiyyah terutama

¹⁷⁸ Sila lihat Majmu'ah al-Tauhid, cetakan Ali Thani, al-Maktab al-Islami, Damsyik, 1381H, hlm. 435-436.

¹⁷⁹ Hlm. 45.

pada saat jatuhnya bandar al-Dar'iyah pada tahun 1234H. Mawlana al-Syeikh Manzur al-Nu'mani¹⁸⁰ rahimahullah mengulas perkara ini dengan berkata:

Bumi Hijaz menjadi pusat propaganda bagi menyatakan penentangan terhadap al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para pendokongnya. Ia mula bergiat aktif setelah pergerakan golongan Wahabi berjaya disekat menerusi kekuatan ketenteraan yang dipimpin oleh Muhammad 'Ali Basha dari Mesir atas arahan kerajaan Uthmaniyah. Maka ternyata penyebaran propaganda ini di negeri Hijaz terutama berkait dengan celaan serta makian terhadap keperibadian al-Syeikh al-Imam yang tidak elok jika didengari umat Islam. Begitu hebatnya kata-kata kotor yang diutarakan sehinggakan bagi umat Islam yang mendengarnya mereka akan beranggapan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah adalah orang yang paling kafir di seluruh alam.

Oleh kerana al-Haramayn al-Syarifayn merupakan pusat kerohanian serta keagamaan kaum Muslimin dan pusat penyebaran dakwah Islamiyyah serta tumpuan para jemaah Haji di sepanjang musim Haji, maka kesempatan ini diambil bagi menyebarkan tentangan terhadap golongan Wahabi sama ada menerusi kitab-kitab agama mahupun dari pelbagai aspek lainnya.¹⁸¹

Tatkala para ulama' dakwah al-Salafiyyah menolak tentangan yang dilakukan al-Syeikh al-Kazb (pendusta) Dahlan, bangun pula seorang yang bernama Muhammad Sa'id Babsil¹⁸² yang berasal dari Mekah (m.1293H) dengan mengarang sebuah risalah bertajuk al-Qawl al-Majdi¹⁸³ mempertahankan Dahlan serta menyatakan penentangan terhadap para pemimpin dakwah.

'Abd. al-Karim bin Ishaq al-Hassani (m.1266H)¹⁸⁴, berasal dari San'aa, Yaman.

Bagi menyatakan penentangan terhadap dakwah al-Salafiyyah serta pendokongnya, beliau mengarang kitab berbentuk syair bertajuk Lufhat al-Wajd min Fi'lat ahl Najd.¹⁸⁵ Namun sebahagian besar isinya hanyalah hasil cedukan dari para penentang sebelumnya seperti al-Kawkabany pengarang kepada al-Saif al-Hindi fi Ibanah Toriq al-Syeikh al-Najdi dan

¹⁸⁰ Mawlana Manzur al-Nu'mani dilahirkan di India pada tahun 1323H. Beliau amat gigih dalam membanteras segala jenis perbuatan bid'ah serta khurafat. Pengarang kepada beberapa buah kitab yang amat bernilai. Sila lihat pengenalan kitabnya bertajuk Di'ayat Mukhasafah Didd al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 7.

¹⁸¹ Sila rujuk Di'ayat Mukhasafah Didd al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Maktabah al-Furqan, India, 1400H, hlm. 26-27.

¹⁸² Beliau ialah Muhammad Bin Sa'id Muhammad Babsil. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat Mu'jam al-Muallifin, Jil. 10, hlm. 36.

¹⁸³ Sila lihat pengenalan kitab al-Bayan al-Majdi oleh Ibn Sahman.

¹⁸⁴ Beliau dilahirkan pada tahun 1191H di San'aa serta menuntut ilmu di sana. Pengarang kepada beberapa buah kitab serta puisi Arab. Sila lihat al-Badr al-Tholi', Jil. 2, hlm. 78; Nayl al-Wathar, Jil. 2, hlm. 201.

¹⁸⁵ Penulis mendapati wujudnya dua naskah tulisan tangan kitab ini di Perpustakaan al-Jam 'al-Kabir di San'aa. Penulis berjaya memperolehi satu salinan tulisan tangan kitab ini dari Perpustakaan Aramco di Dahrn di bawah tajuk Syarh Abyat fi al-Radd 'ala al-Wahabiyah namun tidak disertakan nama pengarangnya. Walaubagaimanapun setelah membaca serta meneliti artikel yang ditulis oleh Ustaz 'Abd. Allah Muhammad al-Habsyi berkenaan pentakrifan kitab Lufhat al-Wajd ini, penulis mendapati naskah yang terdapat di Perpustakaan Aramco dengan naskah kitab Lufhat al-Wajd yang dinyatakan oleh Ustaz al-Habsyi mempunyai ciri-ciri persamaan, iaitu di bahagian pengenalan serta bahagian akhir kitab sama ada dari sudut maklumat sejarah, penceritaan, tempat-tempat dan sebagainya. Dengan itu penulis berpendapat bahawa naskah Aramco serta naskah yang dinamakan sebagai Lufhat al-Wajd adalah kitab yang sama.

Yusuf bin Ibrahim al-Amir¹⁸⁶, cucu kepada al-Amir al-Son'ani yang mensifatkan golongan Wahabi sebagai Khawarij.¹⁸⁷ Di bahagian akhir kitab ini, disertakan permasalahan hukum fekah bagi menyatakan penentangannya terhadap para pemimpin dakwah al-Salafiyah.¹⁸⁸

'Abd. Allah bin Husayn bil-Faqih al-'Alawi (m.1266H)¹⁸⁹, berasal dari Hadramaut.

Mengarang sebuah risalah bagi menjawab golongan Wahabi.¹⁹⁰ Apa yang membezakannya dengan risalah-risalah lain ialah dari sudut penggunaan kata-kata yang tidak mengandungi celaan, tikaman serta kutukan yang biasa terdapat di karangan penentang lainnya. Risalah ini berlegar sekitar permasalahan berdo'a kepada selain Allah di mana al-'Alawi berpendapat bahawa perbuatan tersebut tidak membawa kepada syirik besar. Pandangannya dijadikan bahan kajian serta perbincangan sebahagian besar dari para pengarang lain.¹⁹¹

Hassan bin 'Umar al-Syathi (m.1274H), berasal dari Syam.

Kemarahan serta permusuhan terhadap dakwah al-Salafiyah terserlah menerusi risalah yang ditulis sebagai sisipan tambahan kepada dua buah risalah bertajuk Ithbat al-Sifat¹⁹² serta Mashajirah baina Ahl Makkah wa Ahl Najd.¹⁹³ Terkandung di dalamnya tuduhan kononnya al-Syeikh al-Imam mengaku menjadi Nabi, memberi perumpamaan makhluk terhadap sifat-sifat Allah, mengkafirkan kaum Muslimin dan pelbagai dakwaan palsu¹⁹⁴ lainnya. Apa yang menghairankan, beliau mengarang risalah yang penuh dengan keburukan ini setelah membaca serta membuat penelitian terhadap kitab-kitab karangan para pemimpin dakwah.

Selanjutnya, terdapat ramai kalangan para penentang dakwah al-Salafiyah yang berasal dari negara Iraq. Ia adalah seperti berikut:

'Ali Naqi al-Lakanhury (m.1289H).¹⁹⁵

Beliau mengarang risalah bertajuk Kashf al-Niqab 'an 'Aqa'id Ibn 'Abd. al-Wahhab.¹⁹⁶ Ia dipenuhi dengan segala jenis celaan serta kekeliruan terhadap akidah al-Syeikh

¹⁸⁶ Bagi mengetahui lebih lanjut tentang Ibrahim ini sila lihat Nayl al-Wathar. Jil. 2, hlm. 414.

¹⁸⁷ Sila lihat helaian ke 32, 44, 46, 62, 75 dan 79.

¹⁸⁸ Sila lihat helaian ke 80-98.

¹⁸⁹ Beliau dilahirkan di Tarim, Hadramaut pada tahun 1198H serta meninggal dunia di sana. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 4, hlm. 80.

¹⁹⁰ Penulis memperolehi salinan naskah tulisan tangan kitab ini dari Jabatan Manuskrip Kuwait yang merupakan salinan kepada naskah asalnya di Perpustakaan al-Ahqaf di Tarim, Hadramaut.

¹⁹¹ Beliau juga mengarang risalah lain bertajuk al-Radd 'ala al-Khawarij wa man Naha Nahwahum. Selain itu beliau juga mengarang risalah berkaitan permasalahan hukum fekah sebagaimana yang dinyatakan Muhsin bin 'Abd. al-Karim pengarang al-Lufhat. Apa yang menarik terkandung di dalamnya perselisihan antara beliau dengan para pengikut dakwah al-Salafiyah dalam persoalan tunjuk jari ketika menunaikan solat, kewajipan menunaikan solat berjemaah di masjid, hukum menghisap rokok dan sebagainya.

¹⁹² Penulis akan mengulas serta meneliti kitab ini di bab akan datang nanti.

¹⁹³ Penulis akan mengulas serta meneliti kitab ini di bab akan datang nanti.

¹⁹⁴ Sila lihat tambahan terhadap risalah Mashajirah Baina ahl Makkah wa Najd, helaian 39-40. Sila lihat tambahan terhadap risalah Ithbat al-Sifat, helaian 70-71.

¹⁹⁵ al-Lakanhury merupakan salah seorang ulama' Syi'ah Imamiyyah. Berasal dari daerah Kuraila'. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 5, hlm. 30.

¹⁹⁶ Dicetak di Najaf, Iraq pada tahun 1345H.

Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Selain itu disertakan juga maklumat palsu berhubung dengan sejarah serta pergerakan dakwah al-Salafiyyah.

Dawud bin Sulayman bin Jurjis al-Baghdadi (m.1299H).

Terkenal dengan kesungguhan dalam penentangan dan permusuhan terhadap al-Syeikh al-Imam serta dakwah al-Salafiyyah dalam tempoh yang lama sehingga namanya menjadi sebutan para ilmuwan Najd. Beliau menuntut ilmu syariat agama menerusi sebahagian para ulama' Najd¹⁹⁷, namun tidak lama selepas itu, zahir permusuhannya terhadap dakwah al-Salafiyyah menerusi celaan terhadap hasil karya pemimpin mereka serta tuduhannya bahawa dakwah tersebut bertentangan dengan apa yang diikrarkan golongan terdahulu seperti Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim dan selain keduanya.¹⁹⁸ Kesan pengaruh beliau ke atas golongan yang keliru di kalangan ilmuwan amat besar¹⁹⁹ sehinggakan Ibn Mansur, sebagaimana termaklum, pernah menyatakan pujiannya terhadap Ibn Jurjis.

Bagi menyatakan penentangannya, Ibn Jurjis mengarang kitab bertajuk Sulh al-Ikhwan min Ahl al-Iman wa Bayan al-Din fi Tabri'ah Ibn Taymiyyah wa Ibn al-Qayyim.²⁰⁰ Terkandung di dalamnya kepelbagaian kata-kata Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim. Namun dengan kelicikan melakukan tipudaya, Ibn Jurjis memutarbelitkan kenyataan kedua tokoh ulama' tersebut. Ini tidak lain, kerana keinginannya untuk mengharuskan al-Istighosah, iaitu meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati.

Selanjutnya beliau mengarang kitab bertajuk al-Minhah al-Wahabiyyah fi Radd al-Wahabiyyah²⁰¹ bagi mengukuhkan dakwaan bahawa kehidupan orang yang sudah mati di dalam kubur sama ada dari sudut kesedaran mahupun perasaan sama keadaannya ketika mereka masih hidup. Penetapan ini tidak lain hanya untuk mengharuskan meminta pertolongan (al-Istighosah) terhadap orang yang sudah mati sebagaimana ketika mereka masih hidup di atas dunia. Selain itu, Ibn Jurjis mengarang kitab ketiga bagi menjawab al-'Allamah Mahmud al-Alusi dalam perkara yang berkaitan dengan persoalan al-Tawassul.²⁰²

Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdany (m.1303H).²⁰³

Beliau mengarang kitab bertajuk Izhaq al-Bathil fi Radd Syibh al-Farq al-Wahabiyyah.²⁰⁴ Namun ia masih dalam bentuk manuskrip yang mengandungi 100 helaian. Perbincangannya berlegar sekitar persoalan pengharusan meminta pertolongan, hajat

¹⁹⁷ Sila lihat Ta'sis al-Taqqid, karangan Ibn Buthain, hlm. 2-3.

¹⁹⁸ Untuk mengetahui secara mendalam jawapan terhadap Ibn Jurjis, sila mentelaah kitab Minhaj al-Ta'sis karangan al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan serta kitab karangan al-Alusi bertajuk Tatimmah al-Minhaj.

¹⁹⁹ Dalam hal ini, al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan menasihati penduduk 'Unayzah supaya berwaspada terhadap tindak tanduk Dawud bin Jurjis. Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 329.

²⁰⁰ Dicetak di Bombay, India pada tahun 1306H.

²⁰¹ Dicetak menerusi beberapa buah percetakan. Antaranya ialah percetakan Bombay, India pada tahun 1305H serta percetakan Istanbul, Turki pada tahun 1403H.

²⁰² Dicetak beserta kitab Sulh al-Ikhwan.

²⁰³ Beliau merupakan ulama' di kalangan mazhab Imamiyyah, Kadzimah, Iraq. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-'Alam, Jil. 6, hlm. 258.

²⁰⁴ Penulis berjaya memperolehi naskah salinan kitab ini dari Universiti al-Malik 'Abd. al-'Aziz.

serta syafaat kepada orang yang sudah mati (al-Istighosah) serta menggalakkan bersikap melampau (al-Ghuluw) terhadap upacara menziarahi kubur.

Ja'far al-Najafi (m.1303H).²⁰⁵

Beliau mengarang kitab bertajuk al-Rasyad li Man Arada al-Sadad.²⁰⁶ Berdasarkan kata-katanya di bahagian permulaan kitab, ia ditulis setelah ditelitinya kitab karangan 'Abd. al-'Aziz bin Sa'ud. Hakikatnya, al-Najafi adalah seorang Muqallid yang hanya mengikuti pandangan orang-orang yang terdahulu daripadanya terutama dalam mengharuskan al-Istighosah, iaitu permohonan terhadap orang yang sudah mati, meminta syafaat kepada mereka serta seumpama dengannya. Menurut beliau, segala perbuatan tersebut hukumnya adalah harus kerana pada hakikatnya Allah yang melakukan perbuatan tersebut.

Abu al-Fida' Isma'il al-Tamimi (m.1248H).²⁰⁷

Beliau mengarang kitab bertajuk al-Minhaj al-Ilahiyah fi Thomas al-Dolalah al-Wahabiyyah.²⁰⁸ Ia wujud dalam bentuk manuskrip sebanyak 80 helaian.

Ahmad bin Sa'id al-Sirhindi al-Naqsyabandy.²⁰⁹

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Haq al-Mubin fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyin.

Ketika tertegaknya kerajaan Sau'di ketiga (1319H), muncul tokoh-tokoh yang berperanan dalam memberikan nafas baru kepada gerakan penentangan dakwah al-Salafiyah. Ini dilakukan menerusi penulisan yang dihasilkan. Individu yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

Ibrahim al-Samanwudy (m.1326H),²¹⁰ berasal dari Mesir.

Beliau mengarang kitab mengandungi beberapa buah jilid bertajuk Sa'adah al-Darayn fi al-Radd 'ala al-Firqatayn al-Wahabiyyah wa Muqallidah al-Zahiriyyah.²¹¹

Mukhtar Ahmad Basha al-Muayyad (m.1340H),²¹² berasal dari Syam.

Beliau mengarang risalah bertajuk Jala' al-Awham 'an Mazhab al-Aimmah al-'Izham.²¹³

Mustafa bin Ahmad bin Hassan al-Syathi (m.1348H),²¹⁴ berasal dari Syam.

²⁰⁵ Beliau ialah Ja'far bin al-Husein. Bermazhab Syi'ah. Meninggal dunia di Najaf. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 2, hlm. 124.

²⁰⁶ Dicitak di Najaf, Iraq pada tahun 1342H.

²⁰⁷ Termasuk dalam senarai ulama' mazhab Maliki serta pendakwah bagi kerajaan Uthmaniyah. Mempunyai autoriti untuk mengeluarkan fatwa serta pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Sila lihat al-A'lam, Jil. 1, hlm. 326; Mu'jam al-Muallifin, Jil. 2, hlm. 263.

²⁰⁸ Penulis berjaya memperolehi naskah salinan tulisan tangan kitab ini dari Institut Manuskrip Kuwait. Bagi mengetahui lebih lanjut berkenaan kitab ini sila lihat kitab Tarikh Ibn Abi al-Dayyaf, Jil. 3, hlm. 64.

²⁰⁹ Ahmad Sa'id merupakan seorang ahli sufi. Dilahirkan pada tahun 1213H. Sila lihat Mu'jam al-Muallifin, Jil. 1, hlm. 232.

²¹⁰ Beliau ialah Ibrahim bin Uthman al-Samanwudy al-Azhari. Pengarang kepada beberapa buah risalah. Sila lihat al-A'lam, Jil. 1, hlm. 50; Mu'jam al-Muallifin, Jil. 1, hlm. 57.

²¹¹ Dicitak di Mesir pada tahun 1319H.

²¹² Beliau dilahirkan di Damsyik pada tahun 1237H serta meninggal dunia di sana. Pernah menziarahi Madinah dan Mesir. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 7, hlm. 191.

²¹³ Dicitak di Damsyik pada tahun 1330H.

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Nuqul al-Syar'iyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah.²¹⁵

Yusuf al-Nabhani (m.1350H),²¹⁶ berasal dari Beirut, Lubnan.

Beliau mengarang kitab bertajuk Syawahid al-Haq fi al-Istighosah bi Sayyid al-Khalq.²¹⁷ Isi kandungannya mengutuk serta mencaci maki golongan Wahabi, Ibn Taymiyyah serta selain mereka kerana menghalang beristighosah (meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati). Selain itu beliau juga menyusun kasidah bertajuk al-Ra'iyah al-Sughra²¹⁸ dengan memuatkan pelbagai jenis pembohongan terhadap golongan Wahabi.

Jamil Sodaqi al-Zahawy (m.1354H),²¹⁹ salah seorang penyair negara Iraq.

Beliau mengarang kitab bertajuk al-Fajr al-Sodiq fi al-Radd 'ala Munkary al-Tawassul wa al-Karamat wa al-Khawariq.²²⁰ Di dapati bahawa syair-syair yang dikumandangkannya banyak mengandungi kata-kata menentang golongan Wahabi disebabkan permasalahan meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati (al-Istighosah), melampau dalam agama (al-Ghuluw) dan sebagainya.

Muhammad 'Atha al-Kasam (m.1357H),²²¹ berasal dari Syam.

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Aqwal al-Mardhiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah.²²²

Yusuf al-Dajwi (m.1365H),²²³ berasal dari Mesir.

Beliau menyatakan penentangan serta celaan terhadap akidah al-Salaf al-Soleh yang diperjuangkan pendokong al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab menerusi pelbagai artikel yang dimuatkan dalam majalah Nur al-Islam.²²⁴

Muhsin al-Amin al-'Amaly (m.1371H),²²⁵ berasal dari Iraq.

Beliau adalah ulama' di kalangan Syi'ah. Mengarang sebuah kitab bertajuk al-Irtiyab fi Atba' Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.²²⁶

²¹⁴ Dilahirkan pada tahun 1272H. Bermazhab Hanbali serta ahli sufi. Dilantik sebagai guru dan hakim. Sila lihat al-Na't al-Akmal, hlm. 413.

²¹⁵ Dicitak beberapa kali dengan disisipkan beserta kitab-kitab yang menentang golongan Wahabi di Mesir.

²¹⁶ Beliau ialah Yusuf bin Isma'il al-Nabhani. Menjawat jawatan hakim di samping seorang wartawan. Pengarang beberapa buah kitab agama serta syair Arab. al-Syeikh Rasyid Ridha mengulas tentangnya dengan berkata: "Kitab-kitabnya dipenuhi riwayat-riwayat palsu serta mungkar...". Sila lihat al-A'lam, Jil. 8, hlm. 218, al-Manar, 13, 10, hlm. 797.

²¹⁷ Dicitak menerusi percetakan al-Halaby, Mesir.

²¹⁸ Dicitak beberapa kali.

²¹⁹ Beliau dilahirkan di al-Zahawy, Baghdad pada tahun 1279H serta meninggal dunia di sana. Pengarang kepada beberapa buah kitab dan rencana. al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha mengulas tentangnya dengan berkata: "Aku mendengar dari beberapa orang tokoh yang mengetahui hal keadaan al-Zahawy di mana menurut mereka beliau adalah seorang Mulhid (Atheis). Ini kerana beliau mengadakan serangan serta mencela akan syari'at agama". Sila lihat al-A'lam, Jil. 7, hlm. 191, al-Manar, 13, 11, hlm. 841; Majalah Umm al-Qura, hlm. 301.

²²⁰ Dicitak pada permulaannya di Mesir pada tahun 1323H, setelah itu dicitak di Istanbul, Turki.

²²¹ Beliau merupakan ulama' di kalangan mazhab Hanafi. Dilahirkan di Damsyik serta meninggal dunia di sana. Dilantik sebagai Mufti di Suriya. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Sila lihat Mu'jam al-Muallifin, Jil. 10, hlm. 293.

²²² Dicitak menerusi percetakan al-'Umumiyyah, Mesir.

²²³ Beliau termasuk di kalangan ulama' Universiti al-Azhar. Dilahirkan di Mesir pada tahun 1287H. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Sila lihat al-A'lam, Jil. 8, hlm. 216.

²²⁴ Sila lihat majalah Nur al-Islam, Jil. 1, hlm. 588-591, Jil. 2, hlm. 29-37, hlm. 114-121, 282-290, Jil. 4, hlm. 255-260, Jil. 5, hlm. 519-527.

²²⁵ Mujtahid Syi'ah Imamiyyah. Dilahirkan di Iraq pada tahun 1282H. Meninggal dunia di Damsyik. Pengarang kepada beberapa buah kitab agama. Sila lihat al-A'lam, Jil. 5, hlm. 287.

Ahmad bin Dawud bin Jurjis (m.1367H),²²⁷ berasal dari Iraq.

Beliau mengarang kitab bertajuk al-Mawahib al-Rahmaniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah.

Muhammad Jamil al-Syathi (m.1379H),²²⁸ berasal dari Syam.

Mencela golongan Wahabi menerusi kitabnya bertajuk al-Wasith baina lfrath wa al-Tafrith.

Hassan al-Tabataba'i (m.1380),²²⁹ berasal dari Iraq.

Pengarang kepada sebuah kitab bertajuk al-Barahin al-Jaliyah fi Tashkikat al-Wahabiyyah.²³⁰ Kitab ini ditulis bagi membela mazhab Imamaiyyah serta mencela pegangan dan pergerakan Wahabi.

Hassan bin Hassan Huzbek.²³¹

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Maqalat al-Wafiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah²³².

Mustafa al-Karimi.²³³

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Saniyyin fi al-Radd 'ala Muftadi'in al-Wahabiyyin.²³⁴

'Abd. al-Qadir al-Iskandarany,²³⁵ berasal dari Damsyik, Syam.

Beliau mengarang risalah bertajuk al-Nufhah al-Zakiyyah fi al-Radd 'ala Syibh al-Firqah al-Wahabiyyah.²³⁶

Muhammad Tawfiq Sawqih, berasal dari Syam.

Beliau mengarang kitab bertajuk Tabyiin al-Haq wa al-Sawwab bi al-Radd 'ala Itba' Ibn 'Abd. al-Wahhab.²³⁷

Muhammad bin Ahmad Nur,²³⁸ berasal dari negara Sudan. Beliau mengarang risalah bagi mencela pegangan golongan Wahabi.²³⁹

²²⁶ Dicitak di Damsyik pada tahun 1346H. Diperbaharui cetakan serta ditambah isi kandungannya oleh anak lelakinya pada tahun 1962M.

²²⁷ Seorang ahli tasawwuf, guru dan bekas menteri. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Sila lihat al-A'lam, Jil. 1, hlm. 123.

²²⁸ Dilahirkan di Damsyik pada tahun 1300H. Pengarang kepada beberapa buah kitab dalam bidang kesusasteraan dan sejarah. Dilantik menjadi hakim dan juru fatwa. Sila lihat al-Nat'wa al-Akmal, hlm. 431.

²²⁹ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini. Namun beliau hidup sezaman dengan al-Syeikh Ibn Sahman (m.1349H). al-Syeikh Ibn Sahman telah mengarang sebuah kitab tulisan tangan bagi menentang al-Tabataba'i bertajuk al-Hujjah al-Wadhihah al-Islamiyyah.

²³⁰ Dicitak beberapa kali.

²³¹ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini. Namun kitab karangannya mendapat pujian Yusuf al-Dajwi (m.1365H).

²³² Dicitak dengan disisipkan beserta kitab-kitab yang menentang pergerakan al-Salafiyyah.

²³³ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini.

²³⁴ Dicitak di Mesir.

²³⁵ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini. Namun beliau hidup sezaman dengan al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Taraki (m.1380H) salah seorang dari penentang beliau.

²³⁶ Sila lihat al-Nufkah 'ala al-Nufkah, hlm. 2-3.

²³⁷ Dicitak di Damsyik. Kitab ini menerima kritikan al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha di dalam majalah al-Manarnya, 24, 4, hlm. 320.

²³⁸ Penulis tidak berkesempatan mengulas tokoh ini.

²³⁹ 239 Sila lihat jawapan terhadap kitab ini berjudul Tadmir Abathil Muhammad bin Ahmad Nur karangan al-Syeikh Solih bin Ahmad.

Muhammad Jawwad Mughniyyah.

Beliau adalah ulama' Syi'ah semasa. Mengarang sebuah risalah bertajuk Hazihi Hiya al-Wahabiyyah.²⁴⁰

Muhammad al-Thahir Yusuf.

Beliau mengarang kitab yang isinya penuh dengan pendustaan terhadap golongan Wahabi bertajuk Quwwah al-Difa' wa al-Hujum.

Malik bin Dawud,²⁴¹ berasal dari negara Somalia.

Beliau mengarang kitab menolak golongan Wahabi bertajuk al-Haqa'iq al-Islamiyyah fi al-Radd 'ala al-Maza'im al-Wahabiyyah.²⁴²

Husein bin Helmi Isyiq, berasal dari Istanbul, Turki.²⁴³

Salah seorang tokoh penentang dakwah al-Salafiyyah semasa. Memiliki kedai buku dan percetakan yang digunakan sepenuhnya bagi mencetak serta menyebarkan hasil karya para penentang dakwah al-Salafiyyah serta Mujaddidnya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Bahan-bahan tersebut diedarkan secara percuma ke pelbagai negara dan tempat. Selain itu, ia dicetak berulang kali dalam pelbagai bahasa seperti Arab, Parsi, Peranchis mahupun Inggeris manakala bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Turki akan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab bagi menyatakan penentangannya.

Sebagai suatu peringatan, hasil karya yang dicetak²⁴⁴ serta diedarkan secara percuma berkenaan bahaya pergerakan Wahabi ini mendapat penerimaan baik di negara kaum Muslimin, terutama di kalangan pendakwah menerusi khutbah, syarahan serta ceramah agama dan menerusi badan-badan pendidikan. Lantas mereka berusaha bersungguh-sungguh dalam melancarkan penentangan terhadapnya.

²⁴⁰ Dicitak pada tahun 1964M.

²⁴¹ Bertugas sebagai pengetua di salah sebuah sekolah di Somalia.

²⁴² Dicitak di Turki pada tahun 1403H.

²⁴³ Beliau dilahirkan pada tahun 1905M. Pernah Memasuki Akademi Ketenteraan. Seterusnya melibatkan diri dalam urusan politik Turki. Seorang yang berpegang teguh dengan tarikat Naqsyabandi. Memiliki suratkhbar harian serta percetakan di Istanbul. Banyak mengeluarkan hasil karya menentang dakwah al-Salafiyyah serta pergerakan Wahabi dalam pelbagai bahasa. Seorang yang sangat berani dalam menggunakan pelbagai teknik penyimpangan bagi menyatakan penentangan.

²⁴⁴ Bagi mengetahui lebih lanjut hasil karya golongan penentang dakwah al-Salafiyyah sila lihat senarai indeks seperti berikut: Fihrisat al-Mathbu'at al-'Iraqiyyah (1856-1972M), Jil. 1, hlm. 168-173 dan Fihrist al-Khazanah al-Timuriyyah, Jil. 4, hlm. 3-140

Pendirian Para Ulama' Al-Salafiyyah Rahimahumullah Terhadap Penentangan Yang Dilakukan Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Rahimahullah Serta Dakwah Al-Salafiyyahnya

Dalam usaha melawan segala bentuk penentangan, pembohongan serta kekeliruan terhadap seruan dakwah al-Salafiyyah yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam, para ulama' al-Salafiyyah rahimahumullah di pelbagai negara dan tempat bersama-sama berpadu tenaga berjihad pada jalan Allah menerusi pendidikan (ta'lim) dan juga mengeluarkan fatwa kepada umat Islam. Di antara mereka yang terlibat menjalankan usaha tersebut adalah:

Al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (m.1206H).

Tokoh tersohor ini merupakan kalangan ulama' yang pertama menulis bagi menjawab penentangan terhadap diri serta seruan dakwahnya. Ini terbukti dimana al-Syeikh al-Imam menulis sebuah risalah mengandungi jawapan serta huraian yang amat jelas serta kukuh bagi menjawab risalah saudaranya Sulayman bin 'Abd. al-Wahhab.²⁴⁵ Selain itu, menerusi kumpulan hasil karyanya yang dikenali sebagai al-Rasa'il al-Syaksiyyah terkandung kepelbagaian jawapan al-Syeikh al-Imam terhadap dakwaan para penentang yang disalurkan menerusi hasil karya mereka.

Al-Syeikh Ahmad bin Mani' (m.1186H).²⁴⁶

Beliau merupakan murid kepada al-Syeikh al-Imam. al-Syeikh ini mengarang sebuah risalah bagi menjawab 'Abd. Allah bin Muwais, salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah. Berdasarkan kajian, al-Muwais didapati mengambil sikap menghalang serta meringan-ringankan urusan solat berjemaah di kalangan umat Islam. Oleh sebab itu, al-Syeikh Ahmad bin Mani' menulis risalahnya bagi memperjelaskan kewajipan menunaikan solat berjemaah dengan disertakan dalil-dalil kukuh. Selain itu, beliau juga merupakan pembela yang begitu gigih mempertahankan seruan dakwah al-Syeikh al-Imam dengan mengemukakan bukti-bukti yang jelas lagi meyakinkan.²⁴⁷

Muhammad bin Ghaihab serta Muhammad bin'Aidan.²⁴⁸

Kedua-duanya merupakan murid kepada al-Syeikh al-Imam. Bagi menghadapi seruan penentangan, mereka berdua menulis sebuah risalah, khas ditujukan kepada 'Abd. Allah bin

²⁴⁵ Risalah jawapan al-Syeikh al-Imam bertajuk Mufid al-Mustafid fi Hukm Tariki al-Tauhid. Ibn Ghannam menyebutkan risalah ini dengan tajuk lain. Begitu juga dengan al-Syeikh 'Abd. Rahman bin Hassan dimana walaupun beliau menyebutkan risalah ini tetapi tidak menyatakan nama risalah tersebut sebagaimana yang termaktub dalam kitab al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 201.

²⁴⁶ Beliau ialah Ahmad bin Mani' bin Ibrahim al-Tamimi. Berasal dari Buldah Ashiqar namun meninggal dunia di daerah al-Dar'iyyah pada tahun 1186H. Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 182.

²⁴⁷ Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 182-183.

²⁴⁸ Penulis tidak berkesempatan mengulas akan kedua tokoh ini.

Muwais menasihati serta menyampaikan dakwah kepada beliau supaya berpegang kepada akidah al-Salafiyah.²⁴⁹

Gabungan antara al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Gharib (m.1209H),²⁵⁰ al-Syeikh Hammad bin Mu'ammarr (m.1225H)²⁵¹ dan al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (m.1242H)²⁵² menghasilkan sebuah kitab yang amat bernilai bertajuk al-Tawdih 'an Tauhid al-Khallaq fi Jawab Ahl al-'Iraq.²⁵³

Kitab yang telah dicetak ini²⁵⁴ bertujuan menjawab 'Ali bin 'Abd. Allah al-Rawi²⁵⁵ yang berasal dari negara Iraq. Ketika Sulaiman bin Basha menerima hasil karya al-Syeikh al-Imam (pada akhir kurun ke 12H), 'Abd. Allah al-Rawi menulis kitab bagi menjawab kitab-kitab tersebut,²⁵⁶ sementara kitab al-Tawdih berperanan menjawab kembali tulisan al-Rawi.

²⁴⁹ Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 605-606.

²⁵⁰ Beliau adalah salah seorang dari murid al-Syeikh al-Imam dan juga menantunya. Anak-anak muridnya terdiri dari tokoh-tokoh ulama' negeri Najd. Beliau meninggal dunia akibat di bunuh pada tahun 1209H. Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 910.

²⁵¹ Beliau ialah salah seorang dari tokoh ulama' negeri Najd. Menuntut ilmu di al-Dar'iyah kemudian mengajar juga di sana. al-Imam 'Abd. al-'Aziz I mengutus beliau ke Mekah pada tahun 1211H bagi mengadakan perbincangan dengan para ulama' di sana. Maka terserlah di sisi para ulama' Mekah akan ketokohan al-Syeikh Hammad bin Mu'ammarr dari sudut penghujahan yang beliau kemukakan sehingga akhirnya dilantik sebagai Qadi di Mekah. Beliau meninggal dunia di Mekah. Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 239; Mashahir 'Ulama Najd, hlm. 202.

²⁵² Beliau lahir di daerah Dar'iyah pada tahun 1165H. Terkenal kerana pakar dalam beberapa ilmu serta pengarang kepada beberapa risalah yang amat berguna. Dikenali dengan keberaniannya. Dari keturunannya lahir beberapa orang ulama'. Beliau meninggal dunia di Mesir. Sila lihat Mashahir 'Ulama Najd, hlm. 48; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 48.

²⁵³ Penulis mempertahankan menyandarkan kitab ini kepada ketiga-tiga tokoh ulama' ini berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh al-Syeikh Sulaiman al-Soni' rahimahullah. Kenyataan ini diperkuatkan lagi menerusi kata-kata al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Latif serta Ibn Mani'. Menurut al-Syeikh Sulaiman al-Soni', kitab ini bukanlah karangan al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Beliau menyatakannya seperti berikut:

1. al-Bassam dalam kitabnya 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 916 menafikan sandaran kitab ini kepada al-Syeikh Sulaiman dengan menetapkannya kepada Ibn Gharib yang namanya disebutkan terdahulu.
2. Berdasarkan ulasan al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dalam kitabnya al-Durar al-Saniyyah, Jil. 12, hlm. 44, di dapati bahawa beliau merupakan salah seorang pengarang kitab al-Tawdih tersebut. al-Qadi dalam kitabnya Raudhah al-Sinin, Jil. 1, hlm. 323 menyebutkan bahawa antara pengarang kitab al-Tawdih ialah al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.
3. Menurut al-Syeikh Fauzan dalam kitabnya al-Bayan wa al-Ishhar, hlm. 54, antara pengarang kitab Tauhid al-Khallaq fi Ajwibah al-'Iraq ialah al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammarr.

Berdasarkan bukti-bukti ini maka jelas bahawa kitab al-Tawdih ini dikarang oleh ketiga-tiga ulama' yang tersebut namanya di atas. Suatu peringatan di mana al-Syeikh al-Soni' menyebutkan nama Muhammad bin 'Ali bin Gharib sebagai Ahmad bin Muhammad bin Gharib.

Dalam hal ini, penulis tidak berkesempatan untuk mengulas nama yang dinyatakan oleh al-Syeikh al-Soni', di mana kemungkinan ianya suatu kesilapan ataupun berlaku pertukaran huruf dari al-Syeikh al-Soni' sendiri.

Dalam pada itu, al-Syeikh 'Abd. Rahman bin 'Abd. al-Latif Ali al-Syeikh rahimahullah menyebutkan dalam ulasannya terhadap kitab 'Unwan al-Majd bahawa al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Gharib termasuk kalangan yang menentang dakwah al-Salafiyah. Sila lihat 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm. 133. Kenyataan beliau ini berkemungkinan terpengaruh dengan manuskrip kitab al-Sahhab al-Wabilah karangan penentang dakwah bernama Ibn Humayd. Dalam kitabnya itu, Ibn Humayd mendakwa bahawa Ibn Gharib hanya menyatakan persetujuan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam secara zahir sahaja manakala secara batin beliau menentangnya. Pendustaan Ibn Humayd ini bukanlah suatu keganjilan kerana dalam kitabnya yang bernama al-Sahhab al-Wabilah beliau juga telah berdusta dengan mengatakan bahawa al-Syeikh 'Abd. 'Aziz bin Muhammad, cucu kepada al-Syeikh al-Imam secara batinnya menentang dakwah al-Syeikh al-Imam. Sikap Ibn Humayd ini tidak lain kerana beliau mempunyai perasaan yang amat buruk serta cercaan yang mendalam terhadap al-Syeikh al-Imam. Wallahu a'lam.

Sehubungan dengan nama al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Gharib, Ibn Humayd menyebutkan namanya sebagai 'Abd. Allah bin Gharib. Namun berdasarkan kitab 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm. 133, nama sebenarnya ialah 'Muhammad bin Gharib yang disahkan pengarang kitab Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 212 serta Ibn Bassam dalam kitabnya 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 915. Wallahu a'lam.

²⁵⁴ Dicitak menerusi percetakan Matba'ah al-Syarqiyyah, Mesir pada tahun 1319H serta dicetak kali terakhirnya di kota Riyadh pada tahun 1404H.

²⁵⁵ Penulis tidak berkesempatan mengulas berkenaan al-Syeikh ini.

²⁵⁶ Sila lihat kitab Zikra Abi al-Sana'i karangan Imam al-Alusi, hlm. 34-35.

Al-Syeikh Husain bin Ghannam al-Ihsa'ie (m.1225H).

Beliau merupakan ahli sejarawan terkenal Najd yang menulis riwayat hidup serta perjuangan gurunya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Selain itu beliau juga menyusun beberapa kasidah (puisi Arab) sebagai jawapan terhadap penentang dakwah bernama Muhammad bin Fairuz.²⁵⁷

Al-Syeikh Hammad bin Nasir bin Mu'ammam.

(Telah disebutkan namanya terdahulu secara gabungan dengan nama para ulama' lainnya – penterjemah). Beliau menghasilkan banyak jawapan bermutu bagi menolak para penentang serta hasil penulisan mereka. Di antaranya adalah al-Nabzah al-Syarifah al-Nafisah fi al-Radd 'ala al-Quburiyyin,²⁵⁸ al-Fawakih al-'Azab fi al-Radd 'ala Man Lam Yahkum al-Sunnah wa al-Kitab²⁵⁹ serta selain keduanya.

Al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Hammad²⁶⁰ (m.1240H).

Beliau merupakan cucu kepada al-Syeikh al-Imam dan pengarang kepada risalah bertajuk al-Masail al-Syar'iyah ila 'Ulama' al-Dar'iyah.²⁶¹

Al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Beliau mengarang sebuah kitab bagi menjawab dakwaan serta bantahan golongan Syi'ah terhadap Tauhid al-Salafiyah bertajuk Jawab Ahl al-Sunnah al-Nabawiyah fi Naqd Kalam al-Syi'ah wa al-Zaidiyah.²⁶²

Ahmad bin Muhammad al-Katalani.

Beliau mengarang sebuah kitab mempertahankan akidah al-Syeikh al-Imam serta menolak dakwaan serta pendustaan para penentang bertajuk al-Sayyib al-Hattal fi Kasyf Syibh Ibn Kamal.²⁶³

Al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthain (m.1282H).

Beliau merangkap mufti daerah Najd ketika itu. Pengarang kepada kitab yang amat bernilai serta mendalam huraianya bagi menolak dakwaan Dawud al-I'raqi bertajuk Ta'sis al-Taqdis fi al-Radd 'ala Dawud bin Jurjis. Nama lain bagi kitab ini sebagaimana dinyatakan sebahagian muridnya ialah al-Intisor.²⁶⁴

²⁵⁷ Mengandung 76 buah bait. Sila lihat Tarikh Ibn Ghannam, cetakan Abu Buthain, Jil. 2, hlm. 190-196.

²⁵⁸ Dicitak serta disisipkan dalam kitab Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 4, hlm. 592, al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 3. Ianya ditulis sebagai jawapan terhadap soalan yang dikemukakan Muhammad bin Ahmad al-Yamani.

²⁵⁹ Dicitak beberapa kali. Secara realiti kitab ini merupakan jawapan terhadap soalan-soalan para ulama' Mekah yang dikemukakan kepadanya pada tahun 1211H.

²⁶⁰ Beliau merupakan cucu kepada al-Syeikh al-Imam. Dilantik menjadi Qadi daerah Dar'iyah dan setelah ia berjaya ditawan dilantik pula sebagai Qadi daerah 'Unayzah. Beliau kemudiannya berpindah ke negara Iraq dan meninggal dunia di sana.

²⁶¹ Dicitak di sisi kitab Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 4, hlm. 564. Dikenali juga sebagai al-Ajwibah al-Saniyyah 'ala al-as'ilah al-Hifziyyah. Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il, Jil. 4, hlm. 584.

²⁶² Pada peringkat permulaan, risalah ini dicitak di sisi kitab Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 4, hlm. 47 namun kemudian dicitak secara berasingan.

²⁶³ Penulis telah menyatakan tokoh ini serta kitab karangannya di bahagian yang lalu.

²⁶⁴ Sila lihat kitab Ta'sis al-Taqdis, hlm. 3 dan 63.

Al-Syeikh Muhammad bin Nasir al-Syarif al-Tahami al-Yamani (m.1283H).

Beliau mengarang sebuah kitab yang amat berkesan disebabkan kesahihan dalil yang dikemukakan bagi menolak dakwaan Ibn Jurjis bertajuk Iqaz al-Wasnan 'ala Bayan al-Khilal allazi fi Sulh al-Ikhwān.

Al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (m.1285H).

Beliau mengarang sebuah kitab terkenal bagi menjawab dakwaan Ibn Jurjis bertajuk al-Qawl al-Fasl al-Nafis fi al-Radd Dawud bin Jurjis.²⁶⁵ Beliau juga menulis beberapa risalah bagi menjawab kekeliruan 'Usman bin Mansur serta menulis sebuah risalah bertajuk al-Mawrid al-'Azab al-Zilal fi Kashf Shihb ahl al-Dolal²⁶⁶ bagi menjawab tuduhan palsu seorang lelaki dari kalangan penduduk al-Kharj.

Selain itu, beliau juga mengarang sebuah risalah bertajuk Bayan al-Mahajjah fi al-Radd 'ala al-Lujjah²⁶⁷ bagi menjawab Ibn Humayd serta risalahnya bertajuk al-Sahhab al-Wabilah. Risalah ini dikarang kerana Ibn Humayd bagi mempertahankan ungkapan berunsur syirik yang terkandung dalam "Burdah al-Busayri". Risalah ini mengandungi jawapan gurunya al-Syeikh Abu Buthain rahimahullah terhadap kedudukan ungkapan atau bait-bait al-Busayri. al-Syeikh 'Abd. al-Rahman juga menyusun kasidah berbentuk puisi bagi menolak kasidah susunan Ibn Mansur yang terkandung dalamnya pujian terhadap Dawud ibn Jurjis kerana penentangannya terhadap para pemimpin dakwah al-Salafiyyah.²⁶⁸

Al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Muhammad bin Mani' (m.1287H).²⁶⁹

Berhubung dengan kasidah Ibn Mansur, al-Syeikh ini mengarang pula kasidahnya bagi menjawab Ibn Mansur yang merupakan suatu kemenangan besar terhadap akidah al-Salafiyyah.²⁷⁰

Al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan (m.1292H).

²⁶⁵ Kitab yang menolak dakwaan Ibn Jurjis ini mempunyai kepelbagaian nama seperti berikut: 1) al-Radd al-Nafis 'ala Syubhat Ibn Jurjis. 2) Ta'sis al-Taqdis fi al-Radd 'ala Dawud bin Jurjis. 3) Kashf ma al-Qah Iblis min al-Bahraj wa al-Talbis 'ala Qalb Dawud bin Jurjis. Sila lihat Majalah al-Darah; Sila lihat rencana yang ditulis oleh Ahmad al-Hukmi bertajuk Asar al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan. Adalah jelas – wallahu a'lam – bahawa para pelajar serta pengikut dakwah al-Salafiyyah semasa akan menggunakan nama-nama yang tersebut di atas apabila menulis esei serta rencana mereka. Menerusi pemerhatian, didapati sebahagian dari pemimpin dakwah al-Salafiyyah terdahulu menulis penolakan serta jawapan mereka tanpa menggunakan tajuk tertentu. Hanya diwaktu kemudian nanti, tajuk tertentu diberikan terhadap karangan mereka. Sebagai contoh ialah dengan merujuk kepada jawapan al-Syeikh al-Imam terhadap saudaranya Sulaiman di mana tajuk yang diberikan kemudiannya ialah Mufid al-Mustafid fi Hukm Tariki al-Tauhid. Begitu juga dengan kitab karangan al-Syeikh Abu Buthain bagi menjawab kekeliruan Dawud bin Jurjis di mana dikalangan sebahagian muridnya ianya dikenali sebagai al-Intisor sebagaimana yang termaktub dibahagian pengenalan kitab Abu Buthain Ta'sis al-Taqdis. Sehubungan hal ini juga, al-Syeikh 'Abd. al-Latif ketika menulis jawapan ringkas terhadap Ibn Jurjis tidak menyebut tajuknya sebagaimana tajuk yang termaktub dalam cetakan terkini iaitu Dala'il al-Rasukh fi al-Radd 'ala al-Manfukh (hlm. 93), ataupun Tuhfah al-Tolib wa al-Jalis fi al-Radd 'ala Ibn Jurjis. Selain itu, al-Syeikh 'Abd. al-Latif berkata dalam kitab Minhaj al-Ta'sis (hlm. 237), kitab ini merupakan kitab yang mengandungi jawapan yang panjang bagi menjawab Ibn Jurjis.

²⁶⁶ Dicitak disisi kitab Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 4, hlm. 289. Risalah ini kemudiannya dicetak semula.

²⁶⁷ al-Lujjah ialah gelaran yang diberikan terhadap Ibn Humayd. Sila lihat Majmu'ah al-Tauhid, cetakan 'Ali Thani, hlm. 435.

²⁶⁸ Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 696.

²⁶⁹ Lahir di daerah Syaqrā'. Seterusnya menuntut ilmu di kota Riyadh dan akhirnya dilantik sebagai Qadi di al-Qathif oleh al-Imam Faisal. Pengarang kepada beberapa buah risalah. Meninggal dunia di daerah al-Ihsa'. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 239 serta kitab 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 419.

²⁷⁰ Sila lihat kitab 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 697.

Terdapat banyak hasil karyanya yang menjawab tuduhan palsu serta kekeliruan para penentang, di antaranya:

1. Bagi menjawab Dawud Ibn Jurjis, beliau mengarang secara ringkas risalah bertajuk *Dala'il al-Rasukh fi al-Radd 'ala al-Manfukh*²⁷¹ diikuti dengan jawapan yang agak panjang bertajuk *Minhaj al-Ta'sis wa al-Taqdis fi al-Radd 'ala Dawud bin Jurjis*.²⁷²
2. Bagi menjawab Ibn Mansur, beliau mengarang kitab yang amat bernilai bertajuk *Misbah al-Zullam fi al-Radd 'ala Man Kazzaba al-Syeikh al-Imam*.²⁷³ Beliau juga mengarang pelbagai risalah lain bagi bagi menjelaskan tipudaya Ibn Mansur.²⁷⁴

Selain itu, al-Syeikh 'Abd. Latif mengarang kasidah bagi menjawab kasidah Ibn Mansur yang memuji Dawud Ibn Jurjis al-'Iraqi.²⁷⁵ Beliau juga mengarang kasidah yang mengandungi 93 bait puisi bagi menjawab al-Baulaqani al-Misri yang mengarang kasidah bagi menentang al-Amir al-Son'ani kerana memuji al-Syeikh al-Imam.²⁷⁶ Terserlah pada hasil penulisan al-Syeikh 'Abd. Latif penghujahan serta jawapan yang amat kukuh terhadap dakwaan para penentang serta hasil karya mereka.

Al-Syeikh 'Abd. 'Aziz bin Hassan al-Fadhili (m.1299H).²⁷⁷

Beliau menulis kasidah bagi menjawab Ibn Mansur yang memuji gurunya Dawud al-'Iraqi.²⁷⁸

Al-Syeikh Salih bin Muhammad al-Syutri.²⁷⁹

Beliau dikenali kerana mengarang kitab yang amat bernilai bagi menjawab penyelewengan al-Syeikh Dahlan bertajuk *Ta'yid al-Mulk al-Manan fi Naqd Dolalat Dahlan*.²⁸⁰

Al-Syeikh Hammad bin 'Atiq (m.1301H).²⁸¹

Beliau mengarang kasidah bagi menjawab Ibn Mansur²⁸² sebagaimana al-Syeikh Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan²⁸³ mengarang kasidah bagi menjawab Amin bin Hanash al-Baghdadi.²⁸⁴

²⁷¹ Cetakan pertama pada tahun 1305H manakala cetakan kedua dengan disisipkan beserta kitab al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 287.

²⁷² Dicitak sebanyak dua kali. Kali pertama di India seterusnya menerusi cetakan di Mesir.

²⁷³ Dicitak sebanyak tiga kali, iaitu di India, Mesir dan akhirnya di kota Riyadh.

²⁷⁴ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9 (Jawapan ringkas).

²⁷⁵ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 349.

²⁷⁶ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 384.

²⁷⁷ Beliau dilahirkan di daerah Buldah Mulhim. Terkenal sebagai seorang Qadi yang amat bijaksana serta selalu berutus surat secara ilmiyyah dengan sebahagian para ulama'. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 242; 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 438.

²⁷⁸ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 298.

²⁷⁹ Penulis tidak berpeluang mengulas tentang dirinya. Namun beliau merupakan murid kepada al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. Rahman bin Hassan di mana keduanya pernah berutus surat sesama mereka secara ilmiyyah.

²⁸⁰ Kitab ini masih dalam bentuk manuskrip di perpustakaan al-Sa'udiyyah.

²⁸¹ Dilahirkan di daerah al-Zulfa pada tahun 1227H. Beliau menimba ilmu pengetahuan di kota Riyadh dan dilantik menjadi Qadi di daerah Buldan. Pengarang beberapa buah kitab. Meninggal dunia di sebuah tempat bernama al-Aflaj. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 228; Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 244.

²⁸² Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 697.

²⁸³ Dilahirkan di kota Riyadh pada tahun 1276H serta menimba ilmu pengetahuan di tempat yang sama. Seterusnya beliau meneruskan pembelajarannya di negara India sehingga menghasilkan beberapa penulisan. Meninggal dunia di kota Riyadh. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 122; Ulama' Najd, Jil. 10, hlm. 205.

Al-Syeikh Muhammad Basyir al-Sahsawani (m.1326H).

Seorang tokoh ulama' India serta pengarang kitab yang amat bernilai bagi menjawab keangkuhan Dahlan bertajuk Siyanah al-Insan 'an Waswasah Dahlan.²⁸⁵

Al-Syeikh Husain bin Hassan bin Husain bin 'Ali bin Husain bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.²⁸⁶

Beliau menyusun kasidah mengandungi 70 bait bagi menjawab Amin bin Hanash²⁸⁷ serta kasidah mengandungi 200 bait bagi menjawab al-Nabhani.²⁸⁸

Al-Syeikh Ibrahim bin 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al- Rahman bin Hassan.²⁸⁹

Beliau mengarang kasidah mengandungi 140 bait bagi menjawab Amin bin Hanash al-Baghdadi.²⁹⁰

Al-Syeikh Ahmad bin Ibrahim bin 'Isa.²⁹¹

Beliau menghasilkan sejumlah besar jawapan bagi menjawab golongan yang memisahkan diri dari berpegang kepada akidah al-Salafiyah yang ditegakkan oleh al-Syeikh al-Imam. Sebahagiannya termaktub dalam kitab al-Radd 'ala Syubhat al-Musta'iniyyin bi ghair Allah²⁹² dan kitab al-Radd 'ala ma ja'a fi Khulasah al-Kalam min al-Ta'n 'ala al-Wahabiyah wa al-Iftira li Dahlan.²⁹³ Beliau juga menyusun kasidah bagi menjawab Ibn Mansur yang memuji gurunya Ibn Jurjis.²⁹⁴

Al-Syeikh 'Ali bin Sulaiman al-Yusuf (m.1337H).²⁹⁵

Beliau menyusun kasidah bagi menjawab al-Nabhani yang banyak melakukan pembohongan terhadap golongan Wahabi.²⁹⁶

²⁸⁴ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 9, hlm. 406.

²⁸⁵ Kitab ini dicetak beberapa kali menerusi perjanjian antara pengarang dengan al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman bin 'Abd. al-Rahim al-Sindi.

²⁸⁶ Dilahirkan di kota Riyadh pada tahun 1284H serta mengajar di sana. Mempunyai beberapa karya penulisan serta syair Arab. Beliau kemudiannya berhijrah ke negara Oman serta tinggal di kepulauan Zi'ab dan meninggal dunia di sana. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 128; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 219.

²⁸⁷ Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 127-128.

²⁸⁸ Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 127-128.

²⁸⁹ Dilahirkan di kota Riyadh pada tahun 1280H serta mengajar di sana. Beliau dibenarkan memberi fatwa serta mempunyai ramai murid. Sila lihat Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 125; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 126.

²⁹⁰ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 128.

²⁹¹ Dilahirkan di Syaqrā' pada tahun 1253H. Menimba ilmu pengetahuan di kota Riyadh seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Antara yang terpenting ialah Syarh Nauniyah Ibn al-Qayyim. Beliau mempunyai ramai murid serta pernah dilantik sebagai Qadi. Sila lihat Mashahir 'Ulama Najd, hlm. 260; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 155.

²⁹² Ibn 'Isa menyebutkan pada pengenalan kitab bahawa ia merupakan jawapan terhadap kitab Anmuzaj al-Haqa'iq yang tidak diketahui siapa pengarangnya. Menurut pengarang kitab Mashahir 'Ulama Najd dan al-Bassam, kitab ini merupakan jawapan kepada golongan yang meminta pertolongan selain dari Allah serta jawapan terhadap Ibn Jurjis. Ianya dicetak beberapa kali.

²⁹³ Menurut pengarang kitab Mashahir 'Ulama Najd, kitab ini wujud dalam bentuk manuskrip, namun penulis tidak dapat mengesannya. Menurut al-Bassam, Ibn 'Isa mengarang kitab lain bertajuk Tahdim al-Mabani fi al-Radd 'ala al-Nabhani.

²⁹⁴ Sila lihat 'Ulama Najd, Jil. 3, hlm. 697. al-Syeikh Ibn 'Isa juga mengarang sebuah kitab tebal bagi menolak penentangan terhadap dakwah al-Salafiyah bertajuk Tanbih al-Tanbih wa al-Ghabyi fi al-Radd 'ala al-Madrasi wa al-Halabyi. Kitab ini dicetak bersama himpunan kitab lain pada tahun 1329H menerusi cetakan Mesir.

²⁹⁵ Dilahirkan di Baghdad serta mengajar di sana. Beliau pakar dalam bidang syair Arab. Sila lihat 'Ulama Najd, Jil. 3, hlm. 716.

²⁹⁶ Sila lihat 'Ulama Najd, Jil. 3, hlm. 718.

Al-Allamah al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi al-Iraqi (m.1342H).

Tokoh ulama' ini mengarang kitab yang amat bermutu bagi menjawab Yusuf al-Nabhani bertajuk Ghayah al-Amani fi al-Radd 'ala al-Nabhani.²⁹⁷ Beliau juga berjaya melengkapkan kitab al-Syeikh 'Abd. al-Latif bertajuk Minhaj Ta'sis disebabkan al-Syeikh 'Abd. al-Latif meninggal dunia sebelum sempat menyiapkannya.²⁹⁸ Kitab ini bertajuk Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis Radd Sulh al-Ikhwan.²⁹⁹

Al-Syeikh al-Alusi juga menyusun kasidah bagi menjawab kasidah al-Nabhani. Apabila mengetahui kewujudan kitab Ghayah al-Amani, al-Nabhani menyusun sebuah kasidah yang agak panjang namun rendah mutunya dengan mengutuk serta mencaci maki al-Syeikh al-Imam serta para ulama' al-Salafiyah lainnya. Menyedari hal ini, al-Syeikh al-Alusi menyusun kasidahnya bertajuk al-Ayah al-Kubro 'ala Dolal al-Nabhani fi Ra'yatih al-Sughra.³⁰⁰

Al-Syeikh Ibrahim bin Salih bin 'Isa (m.1343H).³⁰¹

Beliau menyusun qasidah yang mengandungi 200 bait bagi menjawab pendapat yang dikemukakan al-Nabhani.³⁰²

Al-Syeikh Sulaiman bin Sahman (m.1349H).

Beliau dianggap sebagai tokoh ulama' yang memiliki pena yang amat tajam dalam pelbagai bidang bagi menjawab para penentang serta hasil karya mereka. Bagi Allah segala pujian! Antara hasil karya tuan syeikh ini adalah:

1. Al-Asinnah al-Haddad fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad
2. Kashf Ghayahib al-Zullam 'an Jala' al-Awham. Kitab ini bagi menjawab Mukhtar Ahmad al-Muayyad.
3. Al-Sawaiq al-Mursalalah al-Shahabiyah fi al-Radd 'ala al-Syibh al-Syamiyah. Kitab ini bagi menjawab Muhammad 'Atha al-Kasam.
4. Al-Dhiya' al-Syariq fi Radd Syubhat al-Maaziq al-Maariq. Kitab ini bagi menjawab al-Zahawi al-'Iraqi.

²⁹⁷ Dicitak pertama kali dengan disandarkan kepada Abi Ma'ali al-Syafi'i al-Salami, kemudian dicetak beberapa kali dengan disandarkan kepada pengarangnya al-Alusi.

²⁹⁸ al-Syeikh 'Abd. al-Latif meninggal dunia ketika sibuk menyiapkan kitabnya Misbah al-Zullam bagi menjawab Ibn Mansur. Sila lihat kata-kata pengenalan oleh al-Syeikh Ibn Mani' terhadap kitab al-Syeikh 'Abd. al-Latif bertajuk Dala'il al-Rasukh, hlm. 9

²⁹⁹ Dicitak beserta kitab al-Minhaj di Mesir pada tahun 1366H.

³⁰⁰ Sila lihat pengenalan kepada kitab al-Misk al-Azfar, hlm. 27; Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 477.

³⁰¹ Beliau dilahirkan di negeri 'Asyiqir pada tahun 1270H, kemudian berhijrah ke beberapa tempat. Pakar dalam ilmu sejarah. Meninggal dunia di daerah 'Unayzah. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 285; 'Ulama Najd, Jil. 1, hlm. 117.

³⁰² Sila lihat 'Ulama Najd, Jil. 1, hlm. 124.

5. Tabri'ah al-Shaikhain al-Imamayn min Tazwir ahl al-Kizb wa al-Mayan. Kitab ini bagi mempertahankan al-Syeikh al-Imam serta amir al-Son'ani.
6. Bayan al-Majdi li Syana'ah al-Qawl al-Majdi. Kitab ini bagi menjawab Babsil al-Makki serta selainnya.³⁰³

Kitab terakhir karangan al-Syeikh Sahman ialah al-Hujaj al-Wadhahah al-Islamiyyah fi al-Radd Syubhat al-Rafidhah wa al-Imamiyyah. Namun ianya masih dalam bentuk manuskrip.

Selain itu, banyak juga jawapan yang dikemukakannya dalam bentuk kasidah. Antara koleksi kasidah al-Syeikh Sahman bertajuk 'Uqud al-Jawahir al-Mindhodah al-Hissan yang kandungannya menjawab tokoh-tokoh penentang dakwah al-Salafiyyah seperti Dahlan, al-Zahawy, Sharaf, al-Nabhani, al-'Ijli dan selain mereka.³⁰⁴ Namun paling terkenal sekali sehingga mengandungi 400 bait ialah kasidah khusus menjawab pendapat al-Nabhani.³⁰⁵

'Abd. al-Karim bin Fakhr al-Din.

Beliau terkenal kerana mengarang kitab bagi menjawab Dahlan bertajuk al-Haq al-Mubin fi al-Radd 'ala al-Lahabiyyah al-Mubtadi'in.

Al-Syeikh Nasir bin Su'ud al-Syawimi (m.1350H).³⁰⁶

Beliau mengarang kasidah mengandungi 40 bait bagi menjawab Amin bin Hanash al-Baghdadi yang mempertahankan perkara syirik menerusi kasidahnya.³⁰⁷

Al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha (m.1354H)³⁰⁸ dari Mesir.

Tokoh ulama' ini mempertahankan dakwah al-Salafiyyah menerusi majalah terkenalnya al-Manar. Selain itu, beliau juga bersungguh-sungguh mencetak serta menyebarkan hasil karya para pemimpin dakwah al-Salafiyyah. Antara kitab karangannya yang berpengaruh dalam membela pergerakan dakwah ini ialah al-Sunnah wa al-Syi'ah aw al-Wahabiyyah wa al-Rafidhah.³⁰⁹ Matlamat utama kitab ini adalah untuk menolak golongan pelampau Syi'ah (al-Rafidhah) yang dianggap sebagai musuh tradisi bagi pergerakan dakwah al-Salafiyyah.

³⁰³ Pada peringkat permulaan, kitab-kitab ini dicetak di negara India. Kesan dari menerima sanjungan tinggi ianya telah dicetak semua.

³⁰⁴ Sila lihat koleksi puisinya menerusi cetakan India kerana cetakan selainnya mengalami perubahan dan kekurangan di sana sini.

³⁰⁵ Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 292.

³⁰⁶ Beliau dilahirkan di Syaqra' pada tahun 1285H serta belajar di sana. Kemudian melanjutkan pelajaran di kota Riyadh, San'a dan Yaman. Akhirnya menetap serta mengajar di Syaqra' dan meninggal dunia di sana. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 961.

³⁰⁷ Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 964.

³⁰⁸ Beliau dilahirkan di negeri Syam pada tahun 1282H serta belajar di sana. Terlibat dalam aktiviti penerbitan bahan bercetak (suratkhabar) serta banyak menziarahi beberapa buah negara. Pengarang kepada beberapa buah kitab. Meninggal dunia di Kaherah. Sila lihat al-A' lam, Jil. 6, hlm. 126.

³⁰⁹ Dicetak menerusi percetakan al-Manar, Mesir pada tahun 1347H.

Al-Syeikh Muhammad bin 'Uthman al-Shawi (m.1354H).³¹⁰

Beliau mengarang sebuah risalah bagi menjawab salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah bertajuk al-Qawl al-Asad 'ala al-Khasm al-Alad³¹¹ sebagaimana beliau juga berjaya menyusun kasidah bagi menjawab golongan yang mempersendakan dakwah al-Salafiyyah.

Al-Syeikh Abu Zahir Abu al-Samh.³¹²

Tokoh ini amat gigih mempertahankan akidah al-Salaf al-Soleh yang ditegakkan oleh al-Syeikh al-Imam. Bagi membuktikan kesungguhannya beliau mengarang sebuah risalah menjawab golongan yang menyalahi akidah tersebut bertajuk al-Risalah al-Makkiyah fi al-Radd 'ala al-Risalah al-Ramliyyah.³¹³

Al-Syeikh Mahmud Syawil (m.1372H).

Beliau mengarang sebuah risalah yang amat bernilai bagi menjawab salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah serta menyingkap kebenaran yang tersembunyi bertajuk al-Qawl al-Sadid fi Qamh al-Hirazi al-'Anid.³¹⁴

Al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi (m.1373H).

Beliau mengarang kitab yang amat berguna bagi menolak dakwaan salah seorang penentang bertajuk Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum wa Muftara 'alayh.³¹⁵

Al-Syeikh Fauzan bin Sabiq al-Sabiq (m. 1373H).³¹⁶

Beliau mengarang kitab bagi menjawab Mukhtar Ahmad al-Muayyad bertajuk al-Bayan wa al-Ishhar li Kashf Zayg al-Mulhid al-Hajj Mukhtar.³¹⁷

Al-Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Taraki (m. 1380H).³¹⁸

Beliau mengarang risalah menarik bagi mempertahankan dakwah al-Salafiyyah serta menjawab Ali al-Askandaraany³¹⁹ bertajuk al-Nafkhah 'ala al-Nafkhah.³²⁰

³¹⁰ Beliau dilahirkan di al-Bakriyyah pada tahun 1313H serta belajar di sana. Seterusnya meneruskan pembelajarannya di kota Riyadh. Di sana beliau diangkat menjadi Qadi serta diberi tugas mengajar ilmu pengetahuan agama. Mempunyai ramai murid. Meninggal dunia di Syaqra'. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 337; 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 797.

³¹¹ Wujud dalam bentuk manuskrip di Universiti al-Malik Su'ud. Kitab ini ditulis bagi menjawab seorang yang bernama Fata al-Bathaha'.

³¹² Beliau dilahirkan pada tahun 1300H. Menjawab jawatan imam di kota Iskandariyah. Menerima jemputan raja 'Abd. 'Aziz untuk menjadi imam serta khatib di Masjidilharam, Mekah. Meninggal dunia di Kaherah. Sila lihat al-A'lam, Jil. 4, hlm. 11.

³¹³ Dicetak menerusi percetakan al-Manar, Mesir pada tahun 1349H.

³¹⁴ Dicetak menerusi percetakan al-Sunnah al-Muhammadiyah, Mesir pada tahun 1372H.

³¹⁵ Kitab ini diterjemah ke dalam bahasa 'Arab oleh al-'Alim al-Bastawi. Dicetak menerusi percetakan Universiti al-Imam pada tahun 1404H.

³¹⁶ Beliau dilahirkan di Buraydah pada tahun 1275H serta belajar di sana. Seterusnya melanjutkan pembelajaran di Riyadh serta India.

Melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan serta pemerintahan. Meninggal dunia di Kaherah. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 759.

³¹⁷ Dicetak menerusi percetakan al-Sunnah al-Muhammadiyah, Kaherah pada tahun 1372H.

³¹⁸ Beliau dilahirkan di daerah 'Unayzah pada tahun 1301H seterusnya berhijrah ke beberapa buah negara. Melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan serta pernah dilantik menjadi Qadi. Meninggal dunia di kota Madinah. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 904; Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 402.

³¹⁹ Ibn Taraki menyebutkan nama al-Askandaraany dipermulaan risalahnya sebagai Nasir al-Din al-Hijazi. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 906.

³²⁰ Dicetak di Damshik pada tahun 1340H.

Al-Syeikh Muhammad Bahjat al-Baytar.³²¹

Beliau mengarang risalah ringkas bagi menjawab 'Ali al-Askandaraany bertajuk Nazharah fi al-Nafhah al-Zakiyyah.³²²

Seorang ulama' Najd (penulis tidak menyebutkan namanya – penterjemah). Beliau ini mengarang sebuah risalah bagi menjawab suratkhbar al-Qiblah al-Hashimiyyah³²³ di mana terdapat pembohongan terhadap dakwah al-Salafiyyah al-Wahabiyyah dalam isi kandungannya.

Al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Ibrahim al-Suwayh dan al-Syeikh Salih bin Ahmad.³²⁴

Ibn 'Abd. al-'Aziz menyusun kasidah bagi menjawab al-Nabhani manakala Ibn Ahmad mengarang risalah menjawab Muhammad bin Ahmad Nur, salah seorang penentang dakwah al-Salafiyyah berasal dari negara Sudan bertajuk Tadmir Abathil Muhammad bin Ahmad Nur bi al-Qur'an wa al-Hadith.³²⁵

'Abd. Allah bin 'Ali al-Qasimi.³²⁶

Beliau mengarang kitab yang amat bernilai bagi menjawab hasil karya para penentang dakwah al-Salafiyyah. Antara yang terkenal ialah al-Sira' baina al-Islam wa al-Wathaniyah.³²⁷ Kitab ini ditulis bagi menjawab Muhsin al-Amiyyin al-'Amili, pengarang kepada kitab Kashf al-Irtiyaab. Seterusnya beliau mengarang kitab bertajuk al-Baruq al-Najdiyah fi iktisah al-Dzulumat al-Dajwiyyah³²⁸ bagi menjawab Yusuf al-Dajwi berkaitan permasalahan tawasul. Kitab ketiga beliau bertajuk al-Fasl al-Hasim baina al-Wahabiyyin wa Mukhalifihim³²⁹ manakala kitab terakhirnya bertajuk al-Thur al-Wahabiyyah.³³⁰

Al-Syeikh Ahmad bin Hajar Ali Bauthomi.

³²¹ Beliau dilahirkan di al-Baytar pada tahun 1311H. Menuntut ilmu kepada beberapa tokoh ulama' negeri Syam serta mengajar di sana. Dilantik sebagai khatib serta pengarang beberapa buah kitab. Sila lihat Tashnif al-Asma' bi Shuyuq al-Ijazah wa al-Sima' karangan Mahmud Sa' id Mamduh, hlm. 126.

³²² Muhammad Bahjat al-Baytar menyebutkan nama al-Askandaraany sebagai Abi al-Yasar al-Dimasqy dibahagian pengenalan risalahnya. Sila lihat 'Ulama' Najd, Jil. 3, hlm. 906. Risalah ini dicetak di Damshik pada tahun 1340H beserta dengan risalah Ibn Taraki yang disebutkan terdahulu.

³²³ Sila lihat jawapan ulama' Najd ini dalam Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 4, hlm. 830. Selain itu, terdapat beberapa risalah lain menjawab suratkhbar al-Hashimiyyah. Hal ini disebutkan oleh al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha dalam majalah al-Manarnya. Sila lihat al-Manar.

³²⁴ Penulis tidak berkesempatan mengulas tentang tokoh ini.

³²⁵ Dicitak menerusi percetakan al-Salafiyyah, Mesir.

³²⁶ Sebagai suatu peringatan, walaupun al-Qasimi mengarang beberapa kitab bagi mempertahankan dakwah al-Salfiyyah, akhirnya beliau menarik balik sokongan bahkan memilih untuk berada di atas jalan kesesatan serta kekufuran. Dalam hal ini, beliau mengarang kitab bagi menyatakan pandangannya yang telah dijawab kembali oleh para ulama' al-Salafiyyah seperti Ibn Yabis, al-Sawayh serta selain keduanya. Walaubagaimanapun, kami tetap mengambil manfaat dari hasil penulisannya yang membela dakwah al-Salafiyyah kerana berpegang kepada suatu hadith sahih di mana Rasulullah sallallahu 'alayhi wasallam pernah bersabda yang maksudnya lebih kurang: "Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla tetap akan mengukuhkan agama ini walaupun menerusi seorang lelaki yang Fajir" dalam riwayat lain "...menerusi beberapa kaum yang tidak berakhlak." Sila lihat kitab Silsilah al-Ahadith al-Sahihah karangan al-Syeikh al-Imam Muhammad Nasir al-Din al-Albani rahimahullah, Jil. 4, hlm 205. Selain itu kami tidak mengetahui dengan cara apa Allah Subhanahu wa Ta'ala mengakhiri riwayat hidup tokoh ini. Kami berdoa kepada-Nya supaya menetakannya ke atas agamanya.

³²⁷ Kitab ini mengandungi beberapa buah jilid. Dicitak pada tahun 1402H.

³²⁸ Dicitak pada tahun 1350H menerusi percetakan al-Manar, Mesir.

³²⁹ Dicitak pada tahun 1934M di salah sebuah percetakan di Mesir.

³³⁰ Dicitak pada tahun 1354H menerusi percetakan al-Rahmaniyyah, Mesir.

Beliau mengarang beberapa kitab bagi mempertahankan dakwah al-Salafiyyah serta mujaddidnya. Antaranya ialah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Naqd Kalam al-Muftariyin 'ala al-Hanabilah al-Salafiyyin dan Tanzih al-Sunnah wa al-Qur'an 'an yakuna min Asl al-Dolal wa al-Kufran.³³¹

Mawlana al-Syeikh Muhammad Manzur al- Nu'mani.³³²

Mawlana ini merupakan ulama' India yang terkenal di abad ini. Beliau mengarang kitab yang amat bermanfaat bagi menjawab kepalsuan hasil karya para penentang dakwah al-Salafiyyah bertajuk Di'ayat Mukathafah did al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.³³³

Secara realiti, seluruh hasil karya sama ada berbentuk kitab, risalah mahupun kasidah yang dihasilkan oleh ulama serta pendokong dakwah al-Salafiyyah berfungsi sebagai bahan perantaraan dalam mempertahankan akidah al-Salafiyyah. Ini mempunyai kaitan dengan janji Allah supaya dakwah yang suci murni ini berterusan dimartabatkan di atas mukabumi mengatasi para penentangannya yang diumpamakan laksana buih yang tidak memberi apa-apa faedah. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

"Dan sesungguhnya telah tetap janji Kami kepada hamba-hamba Kami yang menjadi rasul, (iaitu) sesungguhnya mereka itulah yang pasti mendapat pertolongan. Dan sesungguhnya tentera Kami itulah yang pasti menang." (al-Shaffat: 171-173).

Daripada perbincangan yang berdasarkan senarai hasil karya sama ada kalangan para penentang mahupun pendokong dakwah al-Salafiyyah, maka muncul satu persoalan penting: Apakah faktor utama yang mendorong para penentang sehingga menghasilkan pelbagai jenis karya yang amat dahsyat penentangannya terhadap dakwah al-Salafiyyah di pelbagai negara dan tempat sehingga membawa kesan buruk kepada golongan ilmuwan mahupun awam?

Berdasarkan kajian terhadap pelbagai penghasilan karya para penentang, kemungkinan besar faktor utama adalah seperti berikut:

Faktor Pertama:

Pada saat bermula perkembangan dakwah al-Salafiyyah, ramai kalangan golongan penentang serta mereka yang mengaku dirinya Islam melakukan penyelewengan sehingga terbabas dari jalan yang lurus. Terserlah pada kebanyakan kaum Muslimin ketika bermulanya pergerakan al-Syeikh al-Imam pelbagai jenis kesesatan serta penyelewengan akidah yang teruk sehingga di kalangan mereka ada yang boleh dikategorikan sebagai

³³¹ Kitab ini melalui tiga kali percetakan.

³³² Sila lihat ulasan berkenaannya pada pengenalan kitab Di'ayat Mukathafah.

³³³ Dicetak di Lucknow, India.

'bapa kejahilan serta pelampau'. Ada pula yang melakukan peribadatan terhadap Tuhannya tanpa ilmu, petunjuk serta kitab yang menerangi. Maka terserlah segala jenis perbuatan bid'ah serta syirik sehingga menjadi suatu kebiasaan sama ada di kalangan tua mahupun muda. Bahkan berlaku keterbalikan di mana yang hak menjadi batil, yang batil dianggap hak (suatu kebenaran).

Bagi menjelaskan keburukan kesan dari penyelewengan akidah, peningkatan kekufuran serta kebid'ahan yang melanda pelbagai negara serta tempat kaum Muslimin ketika itu, Ibn Ghannam rahimahullah berkata:

Kebanyakan umat pada zaman itu diselaputi kekotoran sehingga tenggelam di dalam kesyirikan. Ini terjadi setelah mereka mencampuradukkan amalan Sunnah yang suci dengan kekotoran serta memadamkan cahaya petunjuk dengan perkara yang sukar untuk difahami.

Selain itu mereka juga mempromosikan peribadatan kepada para awliya' serta para shalihin sehingga mengoyakkan sendi Tauhid serta agama. Bahkan terdapat golongan yang melakukan perbuatan keji sehingga keperingkat yang boleh membawa kepada kekufuran dari sudut peribadatan dengan bernazar serta berdoa dengan meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati.³³⁴

Bagi menggambarkan kesesatan yang berlaku di negeri Najd, Ibn Ghannam menjelaskannya seperti berikut:

Berlaku pelbagai jenis penyelewengan di negeri Najd. Yang paling terkenal antaranya ialah apa yang dilakukan terhadap kubur salah seorang sahabat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bernama Zaid al-Khattab radiyallahu 'anhu di tempat bernama Jubaylah. Sebahagian penduduk Najd serta para penziarah ketika itu akan menyeru namanya bagi tujuan memohon keselamatan serta memenuhi permintaan lainnya. Dalam hal ini Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

Katakanlah: "Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Ia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)? Maha Suci Allah dan tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan." (Yunus: 18)³³⁵

Al-Syeikh 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan mengulas keadaan yang terjadi di era al-Syeikh al-Imam seperti berikut:

³³⁴ Sila lihat Rhaudah al-Afkar, Jil. 1, hlm. 5-6 (secara ringkas).

³³⁵ Sila lihat Rhaudah al-Afkar, Jil. 1, hlm. 7. Sila lihat tulisan al-Syeikh Ibn Ghannam berhubung amalan syirik serta bid'ah yang berlaku di era tersebut yang melibatkan kota Mekah, Taif, Jeddah, Najran, Yaman, Syam, Iraq dan Mesir, Jil. 1, hlm. 8-12.

Suasana ketika itu amat jauh dari kehidupan serta pengaruh keagamaan. Kesannya menyebabkan berlakunya kerosakan ke atas asas-asas agama Islam yang lurus. Unsur-unsur Jahiliyah berjaya menakluki masyarakat sehingga hilangnya tanda-tanda syari'at. Kejahilan, ikut-ikutan serta penentangan terhadap al-Qur'an serta al-Sunnah bermaharajalela.

Golongan muda hanya memahami agama berdasarkan pengamalan yang zahir ketika itu manakala golongan tua menyandarkan diri mereka kepada amalan datuk nenek secara turun temurun. Maka hancurlah sendi agama serta pengamalan berasaskan al-Qur'an serta Sunnah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam apabila cara hidup berasaskan amalan turun temurun dimartabatkan sehingga menjadi simbol pada zaman tersebut.

Para dukun serta pelampau merupakan golongan yang diikuti sehingga meruntuhkan asas-asas Tauhid dan agama. Dalam hal ini, amalan meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati seperti para awliya' serta shalihin dan patung-patung serta syaitan-syaitan dianggap sebagai perkara biasa sehingga mendapat keizinan sebahagian para ulama' serta ketua-ketua masyarakat ketika itu...³³⁶

Tatkala Allah Subhanahu Wa Taa'ala menzahirkan dakwah al-Salafiyyah menerusi al-Mujaddid al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, timbul kemarahan para pendusta sama ada di kalangan ilmuwan mahupun golongan awam. Ini kerana dakwah tersebut ternyata akan menghapuskan amalan syirik serta kesesatan lainnya yang menjadi amalan kebiasaan ketika itu.

Hal ini terbukti ketika al-Syeikh al-Imam menyeru kepada kewajipan mentauhidkan Allah dari sudut peribadatan dengan menolak meminta pertolongan (istighosah) kepada selain Allah yang Maha Esa sama ada para wali mahupun Nabi, maka golongan yang jahil menolak kebenaran ini. Alasan yang dikemukakan adalah bahawa larangan tersebut adalah satu penghinaan terhadap para wali serta Nabi. Hakikatnya mereka terpesong dari kebenaran setelah jelasny bukti berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith tentang salahnya perbuatan tersebut.

Faktor Kedua:

Pada saat bermulanya pergerakan dakwah al-Salafiyyah, timbul di pelbagai lapangan dakwaan serta tohmahan palsu bahawa ia merupakan mazhab kelima. Selain itu, timbul tuduhan dengan menggelarkannya sebagai puak Khawarij yang menghalalkan pertumpahan darah serta rampasan harta kaum Muslimin. al-Syeikh al-Imam, penagak

³³⁶ Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 3, hlm. 381-382.

gerakan tersebut dilemparkan tuduhan kononnya mengaku menjadi Nabi serta merendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.

Perkara ini termaktub dalam risalah Ibn Sahim, salah seorang penentang yang hidup sezaman dengan al-Syeikh al-Imam. Ibn Sahim menghantar perutusannya kepada para ulama' pelbagai negara mendesak mereka supaya melakukan penentangan terhadap dakwah al-Syeikh al-Imam. Terkandung dalam risalahnya permusuhan dengan memuatkan segala jenis tuduhan palsu bertujuan menentang al-Syeikh al-Imam.

Ketika meluasnya wilayah pemerintahan negara Saudi yang kedua, tersebar hasil penulisan al-Syeikh (Ahmad Zaini) Dahlan yang ketika itu merangkap mufti al-Syafi'iyah di Mekah. Menerusi kitab karangannya, semakin meluas serta mendominasinya pendustaan di kalangan kebanyakan jemaah Haji yang kemudian menyebarkannya di negara masing-masing. Al-Syeikh Ahmad bin Hajar Ali al-Bauthomi mengulas hal ini dengan berkata:

Jemaah yang menunaikan Haji di Mekah sempat menemui para pemimpin Hijaz. Mereka juga menemui sebahagian Ulama' Mekah dan Madinah yang menentang al-Syeikh (al-Imam Muhammad bin Abd. Wahhab) serta pendokongnya lalu terperdaya dengan kata-kata mereka bahawa al-Syeikh serta pendokongnya tidak memuliakan para awliya' dan shalihin serta meruntuhkan kubur kaum Muslimin. Pernyataan buruk para ulama' terhadap al-Syeikh serta pendokongnya tersebar luas apabila jemaah tersebut pulang ke negara masing-masing.³³⁷

Merujuk kepada zaman kita, tersebar prejudis serta kenyataan palsu yang amat mengerikan terhadap dakwah al-Salafiyah menerusi individu-individu yang terlibat melakukan aktiviti penyelewengan. Antara yang menonjol di kalangan mereka ialah Husain Helmi Isyiq, dari Istanbul, Turki. Beliau terlibat mengarang serta mencetak kitab serta risalah penentangan yang terkandung di dalamnya seribu satu macam penyelewengan fakta serta pembohongan seterusnya mengedarkannya pula.

Selain itu, segala pendustaan dan kekeliruan terhadap dakwah al-Salafiyah serta para pemimpinnya jelas termaktub pada sebahagian kitab sejarah yang menceritakan dakwah al-Salafiyah serta mujaddidnya. Hal ini terserlah pada kitab Lam' al-Syihab fi Sirah Muhammad bin 'Abd. Wahhab. Agak malang, kitab ini menjadi rujukan kebanyakan para pengarang apabila ingin menulis sejarah hidup serta perjuangan al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Maka tersebarlah segala macam unsur rekaan serta kepalsuan fakta

³³⁷ Sila lihat Sirah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 53; lihat juga Di'ayat Mukasafah Did al-Syeikh, hlm. 26-27.

dengan mengatasnamakan dakwah al-Salafiyyah serta mujaddidnya iaitu al-Syeikh al-Imam.³³⁸

Faktor Ketiga:

Faktor ketiga mengapa kebanyakan pengarang menyatakan penentangan terhadap dakwah al-Salafiyyah berkisar kepada suasana politik yang membawa kepada peperangan ketika itu. Ia melibatkan antara para pengikut dakwah al-Salafiyyah dengan kerajaan Turki Uthmaniyyah di satu pihak dan antara para pengikut dakwah al-Salafiyyah dengan para penguasa dan ketua-ketua kabilah di satu pihak yang lain. Mengulas akan bahayanya faktor ini, Muhib al-Din al-Khatib rahimahullah berkata:

Al-Ustaz al-Syeikh Muhammad 'Abduh rahimahullah memohon perlindungan (al-Isti'azah) kepada Allah dari melibatkan diri dalam urusan politik serta apa sahaja yang bersangkutan dengannya. Ini kerana apabila dia memerlukan kepada penukaran yang hak serta menzahirkan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang dipegang nescaya dia akan mengambil untuk merealisasikan perkara itu semua sebab-sebab (matlamat menghalalkan cara – penterjemah).

Selain itu, dia akan meminta bantuan bagi mencapai tujuan yang dikehendaki itu dari sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan peribadi di sebalik pertolongan yang diberikan itu. Keadaan ini akan berterusan sehingga ke satu peringkat di mana dia mampu menyembunyikan yang hak dari pandangan orang ramai.

Ini terbukti di masa lalu menerusi apa yang disogokkan kepada orang ramai di negara Mesir, Syam serta pelbagai negara dan tempat lainnya dengan menggelarkan pergerakan dakwah al-Muslih al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab sebagai "gerakan Wahabi" dan menggelarkannya sebagai mazhab baru.³³⁹

Menghuraikan lebih lanjut faktor politik yang menyumbang kepada kutukan serta celaan berterusan terhadap pergerakan Wahabi, Muhammad 'Abd. Allah Madhi berkata:

Apa yang dikatakan sebagai faktor politik ialah merujuk kepada pertelingkahan yang terjadi antara keluarga Sa'ud al-Wahabiyyin yang berusaha mendapatkan pemerintahan sendiri (merdeka – penterjemah) dengan kerajaan Turki Uthmaniyyah ketika itu. Sewaktu terjadinya pergeseran antara kedua belah pihak, semenanjung Tanah Arab hanya merupakan sebahagian kecil dari jajahan takluk kerajaan Turki Uthmaniyyah. Kesan dari

³³⁸ Sebagai suatu contoh sila lihat manuskrip yang menceritakan sejarah hidup Muhammad 'Ali Basha, karangan Khalil bin Ahmad al-Rojabi. Ia boleh didapati di percetakan Dar al-Kutub al-Misriyyah. Antara kandungannya menceritakan pelbagai pembohongan fakta bertujuan menentang dakwah al-Salafiyyah.

³³⁹ Sila lihat Majalah al-Zahra', 1354H (bulan Safar), hlm. 84-85.

pertelingkahan antara kedua-dua belah pihak itu menyebabkan berlakunya peperangan yang dikenali sebagai peperangan "al-Najdiyah –al-Misriyyah" di antara Muhammad 'Ali (Basha) dengan golongan Wahabi.

Sebagai suatu cara bagi mengatasi pergolakan tersebut, kerajaan Turki Uthmaniyyah melancarkan pelbagai propaganda terhadap golongan Wahabi. Antara yang dilakukan ialah dengan melabelkan golongan Wahabi sebagai penentang Dawlah Islam Turki Uthmaniyyah serta golongan yang melakukan perbuatan yang terkeluar dari asas-asas agama Islam. Propaganda yang menghasilkan kejayaan besar ini berperanan sebagai serampang dua mata iaitu menyatakan penentangan seterusnya menghapuskan golongan Wahabi (yang dianggap mengancam keutuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah – penterjemah).

Begitu juga dengan pertelingkahan politik yang berlaku antara keluarga Sa'ud dengan penguasa Mekah serta dengan ketua-ketua kabilah.³⁴⁰

Memperjelaskan lebih lanjut penentangan disebabkan faktor politik ketika tertegaknya kerajaan Sa'udi ketiga serta tindakan para penguasa dalam menyatakan penentangan terhadap golongan Wahabi, al-Syeikh Rasyid Ridha berkata:

Demikianlah apa yang dikatakan berkenaan suratkhbar al-Qiblah yang ketika itu dianggap sebagai lidah bagi Raja Husein. Dipenuhi di dalamnya timbunan sampah sarap pendustaan terhadap dakwah al-Salafiyah.

Raja Husein juga membuat perisytiharan dalam majalah al-Qiblah keluaran 1336H dan 1337H dengan melemparkan tuduhan terhadap golongan Wahabi dengan mengatakan mereka itu kafir. Selain itu mereka dituduh sebagai golongan yang mengkafirkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah serta merendah-rendahkan dan mencela kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Kesan dari tindakan ini, bangkitlah sebahagian dari penduduk Damsyik dan Beirut berpadu tenaga dengan para pemimpin mereka melancarkan program mencetak kitab serta risalah yang isi kandungannya mengkafirkan golongan Wahabi serta pelbagai tuduhan palsu lainnya. Seterusnya ia diedarkan di negara Mesir dan pelbagai tempat lainnya menerusi kempen yang dilancarkan suratkhbar.³⁴¹

Faktor Keempat:

Sokongan padu para pelampau sufi serta Syi'ah terhadap para penentang dakwah al-Salafiyah. Kedua-dua golongan yang terkenal mengamalkan pegangan mungkar serta palsu ini berjaya menguasai pemikiran sebahagian umat Islam sehingga tersebar segala

³⁴⁰ Sila lihat al-Nahdhat al-Hadithah fi Jaridah al-'Arab, cetakan kedua, Dar al-Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1372H, hlm. 59.

³⁴¹ Sila lihat majalah al-Manar 34, 8, hlm. 584.

jenis perbuatan syirik, kesesatan dan perkara khurafat. Contoh yang jelas ialah sikap melampau (ghuluw) dalam menghormati orang yang sudah mati dengan meminta pertolongan (al-Istighosah) kepada mereka serta penghormatan kepada kubur-kubur sehingga keperingkat pembaziran harta dengan meninggikan serta menghiasinya. Hakikatnya apa yang dilakukan kedua-dua golongan ini laksana racun perosak yang membahayakan akidah umat Islam.

Ketika muncul cahaya dakwah al-Salafiyyah sehingga berjaya menyingkap kegelapan dosa, memisahkan kekotoran syirik serta najisnya dengan menyeru manusia kepada memenuhi tuntutan Tauhid sebenar, ianya difahami oleh para penentang sebagai tindakan penghapusan terhadap pegangan mereka. Oleh itu mereka menghimpun kekuatan memburuk-burukkan dakwah ini serta para pendokongnya dengan segala tipu muslihat sambil mendakwa mereka sebenarnya golongan yang benar.³⁴²

Selain itu, kami mendapati para pelampau sufi dalam penolakan mereka terhadap dakwah al-Salafiyyah dengan angkuh serta bangga akan menyandarkan diri mengikuti kaedah bertasawwuf sama ada menerusi tarikat Naqsyabandiyah, Qadiriyyah, Tijaniyyah dan sebagainya.

Berkenaan golongan Syi'ah al-Rafidhah, apa yang kami ketahui adalah mereka akan menukarkan kebenaran dengan pembohongan. Ini dapat dibuktikan melalui satu contoh fatwa yang dikeluarkan para ulama' Madinah pada tahun 1344H berkaitan pengharaman membuat binaan kubur serta menjadikan kubur sebagai masjid dengan disertakan hujah yang kuat. Setelah digazetkan fatwa ini, urusan meruntuhkan binaan atau kubah di atas kubur dilaksanakan dengan jayanya. Apabila perkara ini diketahui para ulama' Syi'ah al-Rafidhah, mereka terus membuat bising menyatakan kemarahan serta mengarang beberapa kitab serta risalah bagi mencela fatwa tersebut. Antara yang berbuat demikian ialah al-Aurdabadi, Muhammad Husin, Hasan Sadr al-Din al-Kazhimi serta selainnya dari kalangan pemimpin Syi'ah al-Rafidhah.³⁴³

Inilah faktor-faktor utama mengapa para penentang bersungguh-sungguh menghasilkan karya bagi menyatakan penentangan mereka terhadap pergerakan Wahabi³⁴⁴ yang hakikatnya merupakan pergerakan dakwah berasaskan kebenaran semata-mata.

³⁴² Sepanjang meneliti kitab-kitab para penentang sama ada dari kalangan para sufi mahupun Syi'ah Rafidah, penulis mendapati bahawa kedua-duanya akan mempertahankan bermati-matian pendirian masing-masing.

³⁴³ Sila lihat artikel suratkhbar Umm al-Qura 401, bertajuk Hawl Hadama al-Qubur al-Syeikh 'Abd. Allah al-Bulayhid.

³⁴⁴ Dengan menyandarkan kepada perkataan "Wahabi", para penentang sebenarnya menggunakan istilah ini bagi melancarkan serangan mereka terhadap para pendokong dakwah al-Salafiyyah. Menerusi penggunaan perkataan ini, mereka berhasrat mengelabui mata orang ramai bahawa Wahabi merupakan mazhab baru atau mazhab yang memisahkan diri dari mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang empat. Sila lihat komentar al-Syeikh Salih al-Fauzan terhadap kitab Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab karangan 'Abd. al-Karim al-Khatib dalam Jurnal Usul al-Din, hlm. 68. Menurut al-Syeikh al-Fauzan, adalah suatu kesalahan menggunakan istilah "Wahabi" terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab disebabkan tidak betul dari sudut lafaz serta maknanya. Sila lihat tulisan al-Syeikh 'Abd. Allah al-Jibrin sekitar penggunaan istilah "Wahabi" dalam Majalah al-Buhuth al-Islamiyyah, hlm. 129. Namun menerusi pemerhatian penulis berdasarkan apa yang berlaku dewasa ini, para ulama' al-Salafiyyah semasa tidak pula menolak penggunaan istilah ini. Sila lihat risalah bertajuk al-Hadiyyah al-Saniyyah wa al-Tuhfah al-Wahabiyyah al-Najdiyyah karangan Ibn Sahman,

Dakwaan-Dakwaan Palsu Terhadap Dakwah Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Diikuti Dengan Jawapan Para Ilmuwan Islam Terhadapnya.

Bab ini dimulai dengan menyatakan pegangan al-Syeikh al-Imam serta pendokongnya dalam perkara yang menyangkut tuduhan palsu terhadapnya. Ia diikuti dengan tuduhan yang dimaksudkan sebagaimana termaktub menerusi hasil karya para penentang. Menyusul selepasnya bantahan serta jawapan para pemimpin dakwah al-Salafiyah berdasarkan hasil karya mereka. Tidak memadai dengan itu, kami turut menyatakan pegangan para penentang terhadap isu yang ditimbulkan. Dimana menerusinya, mereka mengada-adakan pelbagai tuduhan serta tohmahan palsu terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya.

Bahagian Pertama:

Tuduhan Palsu Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Bahawa Beliau Mengaku Menjadi Nabi Serta Merendah-Rendahkan Kedudukan Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam.

Ternyata pada tajuk pertuduhan bahawa ia terdiri dari dua bahagian. Bahagian pertama merujuk kepada tuduhan mengaku menjadi Nabi manakala bahagian kedua tuduhan merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Kami akan menyatakan kedua-duanya secara berasingan berdasarkan hasil karya para penentang yang diikuti dengan bantahan serta jawapan para pemimpin dakwah al-Salafiyah.

Perbincangan dimulakan dengan menyatakan tuduhan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab mengaku menjadi Nabi. Namun adalah elok dinyatakan terlebih dahulu i'tikad atau pegangan al-Syeikh al-Imam serta pendokong dakwahnya terhadap akidah "Khatam al-Nubuwwah" ini.

risalah Asar al-Dakwah al-Wahabiyyah karangan Muhammad Hamid al-Faqi, risalah al-Wahabiyyun wa al-Hijaz karangan Muhammad Rasyid Ridha, risalah al-Tsawriyyah al-Wahabiyyah wa al-Fasl al-Hasm baina al-Wahabiyyin wa Mukhalifahim karangan al-Qasimi dan risalah Haqiqah al-Mazhab al-Wahabi karangan Sulayman al-Dakhil.

Dalam hal ini, al-Syeikh Ahmad bin Hajar Ali Bauthami berkata dalam kitabnya Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 51:

"Secara realitinya, para penentang dakwah menggunakan istilah "Wahabi" hanya dengan tujuan mencela atau menghina pendokong dakwah al-Salafiyah dengan tuduhan sebagai pembuat bid'ah serta tidak mengasihi Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Hingga kini istilah "Wahabi" ditujukan kepada sesiapa yang menyeru untuk kembali menghayati al-Qur'an dan al-Sunnah, kembali kepada penggunaan dalil dalam mengamalkan agama, kembali menyeru kepada kebaikan serta menentang kemungkaran, kembali memerangi perbuatan bid'ah serta perkara khurafat dan kepada sesiapa sahaja yang berpegang kepada akidah serta amalan al-Salaf al-Soleh."

Al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi berkata dalam kitabnya Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum, hlm. 165 berkata: "Pada kebiasaannya, istilah Wahabi digunakan orang bagi menggambarkan ianya suatu mazhab bebas serta kumpulan yang menyasatkan." Lebih lanjut, sila lihat tulisan 'Abd. Allah al-'Uthaimin dalam kitabnya bertajuk Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, hlm. 101-104.

Berdasarkan risalah perutusannya kepada penduduk al-Qasim sebagaimana termaktub dalam hasil karya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab beliau dengan jelas berkata:

Aku beriman bahawa Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam adalah Khatam al-Nabiyyin serta al-Mursalin. Di mana tidak sah iman seseorang hamba Allah sehingga dia beriman dengan kerasulan serta kenabian baginda.³⁴⁵

Beliau juga berkata:

Rasul Allah pertama ialah Nuh 'alayh al-salam manakala yang terakhir ialah Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam.³⁴⁶

Al-Syeikh Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan menyebutkan pegangan al-Syeikh al-Imam yang menyangkut perkara kenabian. Ia termaktub dalam salah sebuah risalahnya seperti berikut:

Dan pegangan beliau – yakni al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab – bahawa al-Qur'an yang diturunkan oleh Ruh al-Amin ke atas penghulu para Rasul serta penutup kenabian adalah Kalam Allah yang bukan makhluk. Dari Allah ia datang dan kepada-Nya ia kembali...³⁴⁷

Sangat jelas pegangan al-Syeikh al-Imam terhadap perkara kenabian ini. Pengarang kitab Jawab al-Jama'ah menyatakannya seperti berikut:

Dia – yakni al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab – beriman bahawa Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam adalah penutup para Nabi dan Rasul. Dia juga berit'ikad bahawa tidak sah iman seseorang hamba sehingga dia beriman dengan kerasulan serta kenabian baginda.³⁴⁸

Setelah mengetahui kedudukan sebenar pegangan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab terhadap permasalahan Khatam al-Nubuwwah, didapati bahawa para pendokong beliau berpegang teguh dengan akidah yang sama sepertimana al-Syeikh al-Imam. Ini termaktub dalam hasil karya mereka sebagaimana contoh-contoh berikut:

1. Al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Sa'ud. Di dalam salah sebuah risalah perutusannya beliau berkata:

³⁴⁵ Sila rujuk Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 10.

³⁴⁶ Sila rujuk Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 1, hlm. 155, 195 dan Jil. 3, hlm. 8.

³⁴⁷ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 262.

³⁴⁸ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 198.

"Kami beriman bahawa Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam adalah penutup para Rasul serta Nabi dan yang paling utama di kalangan mereka."³⁴⁹

2. Pengarang kitab al-Tawdhih 'an Tauhid al-Khallaq berkata: "Penutup para Rasul adalah Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini berlandaskan kepada ketetapan al-Qur'an, al-Hadith serta al-Ijma'."³⁵⁰

3. Al-Syeikh Ahmad bin Musyarrif al-Ahsaie³⁵¹ (m.1385H). Tuan Syeikh ini mengarang sebuah syair Arab berkenaan dakwah al-Salafiyah. Ia mengandungi bait-bait yang antara isi kandungannya menyatakan persoalan 'Khatam al-Nubuwwah' yang dirujuk kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

Para Nabi serta Rasul di kalangan mereka berbeza keutamaan
Namun yang paling utama adalah Nabi serta Rasul penutup
Dari kalangan mereka Nabi kita iaitu penutup Rasul
Tiada Nabi sesudahnya sekali-kali tiada hal yang demikian
Tiada lagi pemberi peringatan serta khabar gembira diutuskan
Tiada pembatalan serta tiada pemansuhan ketetapan agama dilakukan³⁵²

4. Al-Syeikh Muhammad b. 'Abd. al-Latif b. 'Abd. al-Rahman b. Hasan 'Ali al-Syeikh. Di dalam risalah perutusannya kepada penduduk Hijaz serta Semenanjung Tanah Arab lainnya, beliau menyebutkan pegangan para pemimpin dakwah al-Salafiyah negeri Najd. Ia seperti berikut: "Kami beriman bahawa Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam adalah penutup para Nabi dan Rasul."³⁵³

5. Pengarang Jawab al-Jama'ah menyebutkan seperti berikut:

Ketahuiilah bahawa penutup kenabian dan kerasulan adalah yang terpilih di kalangan para Nabi dan Rasul serta yang teragung dari sekalian manusia lainnya. Dalam hal ini Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

³⁴⁹ Sila lihat Risalah al-Imam 'Abd. al-Aziz al-Awwal, cetakan ketiga, Muassasah al-Nur, al-Riyadh, hlm. 12.

³⁵⁰ Hlm. 80.

³⁵¹ Ibn Musharrif dilahirkan di al-Ahsa' serta menuntut ilmu di sana. Pengarang kepada syair-syair yang amat bermutu. Dilantik sebagai hakim di al-Ahsa' sewaktu penghujung kehidupan al-Imam Faisal bin Taraki. Sila lihat al-Tuhfah al-Mustafid, Jil. 2, hlm. 104 serta 'Aqd al-Durar, hlm. 54.

³⁵² Sila lihat Diwan Ibn Musharrif, cetakan ketiga, Perpustakaan al-Fallah, al-Ahsa', hlm. 5.

³⁵³ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 289.

Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapak dari seorang lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi. (al-Ahzab: 40)³⁵⁴

Demikianlah beberapa ungkapan terpilih yang menyangkut permasalahan Khatam al-Nabiyyin di sisi al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para pendokong al-Salafiyah yang mengikutinya. Jelas bahawa pangkat kenabian serta kerasulan diakhiri dengan Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Tidak ada Nabi lagi setelah baginda disebabkan terputusnya wahyu Ilahi buat selama-lamanya. Ini merupakan akidah kaum Muslimin sekalian yang tidak ada sebarang keraguan lagi. Oleh itu perkara ini tidak diperselisihkan serta diperdebatkan kalangan pemimpin dakwah al-Salafiyah kerana ia juga merupakan pegangan sebenar al-Syeikh al-Imam berkenaan persoalan Khatam al-Nubuwwah. Ia amat bertentangan dengan tuduhan kononnya beliau mengaku menjadi Nabi yang menerima wahyu Ilahi.

Kenyataan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Terhadap Golongan Ahl Al-Riddah

Seterusnya kami menyatakan pula kenyataan al-Syeikh al-Imam berkenaan Ahl al-Riddah atau golongan murtad setelah wafatnya Khatam al-Nabiyyin Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

Gerakan memerangi golongan murtad: golongan murtad ketika itu dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Yang pertama merujuk kepada para penyembah berhala. Mereka berkata: Sekiranya dia (Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam) seorang Nabi mengapa pula ia wafat? Yang kedua merujuk kepada golongan yang beriman kepada Allah namun tidak menunaikan perintah solat. Yang ketiga ialah golongan yang mengaku Islam serta menunaikan solat namun meninggalkan pula perintah zakat. Yang keempat ialah golongan yang mengucap dua kalimah syahadah namun mengakui bahawa Musaylamah al-Kazzab (pendusta) berkongsi kenabian dengan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Yang kelima merujuk suatu golongan dari negeri Yaman dimana mereka mengakui kenabian al-Aswad al-Ansi serta Tulayhah al-Asadi. Dalam hal ini, keseluruhan para sahabat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bersepakat (ijma') tentang kekafiran serta kewajipan memerangi kesemua golongan di atas kecuali golongan yang tidak mengeluarkan zakat...³⁵⁵

Al-Syeikh al-Imam menambah lagi:

³⁵⁴ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 167.

³⁵⁵ Sila lihat Majmu'at Muallifat al-Syeikh, Jil. 3, hlm. 37-38 & Jil. 3, hlm. 42-43.

Suatu contoh persepakatan (ijma') para sahabat radiyallahu 'anhum ialah ketika zaman khalifah Uthman radiyallahu 'anhu. Di mana mereka bersepakat mengkafirkan ahli masjid yang mempercayai kenabian Musaylamah al-Kazzab (pendusta) walaupun tidak mengikutinya. Dalam hal ini para sahabat sekalian berselisih pendapat sama ada taubat golongan ini boleh diterima ataupun tidak...³⁵⁶

Menghuraikan lebih lanjut terhadap golongan murtad³⁵⁷, al-Syeikh al-Imam menyebutkan tentang al-Mukhtar bin Abi Ubayd al-Thaqafi yang mendakwa menerima wahyu di akhir usianya:

Para ulama' sekalian bersepakat (ijma') kafirnya Mukhtar – walaupun dia mengaku dirinya Islam – ketika mana dia melakukan perbuatan jenayah dari sudut akidah terhadap perkara kenabian.³⁵⁸

Seterusnya secara ringkas, beliau menyatakan pula hak-hak yang wajib ke atas setiap kaum Muslimin seperti berikut:

Sebesar-besar hak yang wajib ditunaikan setiap kaum Muslimin terhadap Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam ialah dengan mengakui baginda sebagai Rasul Allah serta penutup kepada para Nabi sekaliannya. Ketahuilah! Sekiranya engkau mengangkat salah seorang dari para sahabat radiyallahu 'anhum ke tahap kenabian, maka ternyata kafirlah engkau.³⁵⁹

Berdasarkan keterangan di atas, jelas bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah menetapkan bahawa sesiapa sahaja yang mengaku menerima pangkat kenabian setelah wafatnya Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam maka kafir serta batallah keislamannya tanpa sebarang keraguan lagi. Selain itu, ternyata kekafiran seseorang yang mengangkat sesiapa sahaja di kalangan umat ini sebagai Nabi walaupun individu yang dimaksudkan itu adalah salah seorang dari kalangan sahabat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.

Selain itu, kami melihat bahawa sebahagian para penentang dakwah al-Salafiyah memaparkan dalam hasil karya mereka tuduhan mengaku menjadi Nabi terhadap al-Syeikh al-Imam. Kesannya menjadi rosak binasalah hasil karya mereka angkara pertuduhan yang tidak munasabah ini.

Kalangan mereka yang mula menetapkan pertuduhan palsu terhadap al-Syeikh al-Imam ialah Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin 'Afaliq. Dimana dalam risalah perutusannya bagi

³⁵⁶ Sila lihat Muallifat al-Syeikh, Jil. 1, hlm. 308.

³⁵⁷ Sila lihat Muallifat al-Syeikh, Jil. 3, hlm. 257-288.

³⁵⁸ Sila lihat Muallifat al-Syeikh, Jil. 3, hlm. 45.

³⁵⁹ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm 98-99.

menjawab Uthman bin Mu'ammār, pemimpin 'Uyainah ketika itu, beliau mencaci cerca al-Syeikh al-Imām seperti berikut:

Sebagaimana mendakwanya Musaylamah dirinya seorang Nabi –menerusi tuturkatanya, begitu juga halnya dengan Ibn 'Abd. al-Wahhab. Dia mendakwa menjadi Nabi menerusi keadaan zahir yang ada pada dirinya.³⁶⁰

Ibn 'Afaliq di bahagian lain risalahnya dalam menjawab Ibn Mu'ammār berkata tentang tuduhannya ke atas al-Syeikh al-Imām yang kononnya mengaku menjadi Nabi³⁶¹ seperti berikut:

Demi Allah! Dia (Ibn 'Abd. al-Wahhab) mendakwa menjadi Nabi menerusi keadaan zahir yang ada pada dirinya bukan menerusi tutur katanya. Bahkan semakin meningkat dakwaannya apabila kamu mengangkatnya pada kedudukan seorang Rasul dengan mematuhi suruhan serta larangannya.³⁶²

Dengan nada menghina terhadap al-Syeikh al-Imām, Ibn 'Afaliq seterusnya berkata kepada Ibn Mu'ammār:

Adapun orang yang menyeru kepada syahadah Lailahailallah itu (merujuk kepada al-Syeikh al-Imām - penterjemah), dia juga mengaku menjadi Nabi dengan menghantar perutusan kepada seluruh lapangan dan tempat.³⁶³

Diikuti selepas Ibn 'Afaliq, pengarang kitab Fasl al-Khitab, iaitu Ahmad bin 'Ali al-Qabbani. Dengan berniat jahat, beliau melemparkan tuduhan terhadap al-Syeikh al-Imām dengan mendakwa beliau mengaku dirinya sebagai Nabi yang berasal dari Yamamah.³⁶⁴ Di bahagian lain kitabnya, al-Qabbani berkata:

Adakah masih tinggal lagi sisa-sisa penyelewengan Musaylamah al-Kazzab di kalangan kamu sekalian dengan munculnya Nabi baru di al-Yamamah?³⁶⁵

Al-Qabbani melanjutkan kata-katanya:

Adakah engkau sekalian melihat kata-kata para ulama' yang merupakan pewaris para Nabi? Mereka sekaliannya melontarkan hukuman sesat terhadap sesiapa yang mengikuti

³⁶⁰ Sila lihat helaian 44.

³⁶¹ Sila lihat helaian 49.

³⁶² Sila lihat helaian 64.

³⁶³ Sila lihat helaian 64.

³⁶⁴ Sila lihat helaian 36.

³⁶⁵ Sila lihat helaian 57.

Nabi palsu yang berasal dari 'Uyainah itu (merujuk kepada al-Syeikh al-Imam – penterjemah).³⁶⁶

Antara yang awal berpegang dengan sebesar-besar tuduhan palsu bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab mengaku menjadi Nabi ialah musuh dakwah al-Salafiyyah bernama 'Alawi al-Haddad. Dalam kitabnya Misbah al-Anam, beliau tanpa segan silu berkata:

Dia menyembunyikan dakwaan kenabian di dalam hati sanubarinya. Namun ia terserlah pada keadaan zahir dirinya bukan pada tutur katanya. Ini dilakukan supaya manusia tidak menjauhkan diri mereka terhadapnya. Ternyata akan hal demikian sebagaimana yang dinyatakan para ulamak bahawa Ibn 'Abd. al-Wahhab ketika usia mudanya amat menyukai pembacaan kisah Nabi-Nabi palsu seperti: Musaylamah al-Kazzab, Sajjaj, al-Aswad al-Ansi, Tulayhah al-Asadi dan lain-lain.³⁶⁷

Hassan bin 'Umar al-Syathi ketika mengulas risalah al-Hazimi bertajuk Risalah fi Ithbat al-Sifat berkata: "Dia – yakni al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab – zahir pada luarannya – pengakuan menjadi Nabi."³⁶⁸

Seterusnya datang pula musuh ketat dakwah al-Salafiyyah bernama Ahmad Zaini Dahlan. Beliau melakukan propaganda terhadap tuduhan ini serta menulis dalam kitab karangannya.³⁶⁹ Ia kemudian disambar dengan cepat oleh para penentang selepasnya seperti al-'Amili³⁷⁰, Jamil Sodaqi al-Zahawi³⁷¹, Mukhtar Ahmad Basha al-Muayyad³⁷², 'Abd. al-Qadir al-Askandarany³⁷³ serta selain mereka.

Mengikuti Dahlan ialah al-Samanwudy. Namun menerusi kitab Sa'adah al-Daraynnya beliau cuba merendahkan intonansi dakwaan tersebut dengan melemparkan tuduhan bukan terhadap al-Syeikh al-Imam tetapi para pendokong perjuangannya. Ia seperti berikut:

Secara realiti, Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab yang disebut-sebut kalangan pendokongnya – adalah laksana Nabi pada pandangan umatnya. Dalam hal ini, mereka tidak meninggalkan sesuatu yang diucapkannya serta tidak pula melakukan sebarang tindakan melainkan atas titah perintahnya.³⁷⁴

³⁶⁶ Sila lihat helaian 167. al-Qabbani menambah kata makiannya dengan katanya: "Maka Allah telah memburukkan al-'Uyainah serta penduduknya." Dia juga menambah di helaian 222 dengan katanya: "Dan mereka (penduduk al-'Uyainah) telah membuat dakwaan kenabian terhadap si Khawarij ini (merujuk kepada al-Syeikh al-Imam)."

³⁶⁷ Sila lihat hlm. 4.

³⁶⁸ Sila lihat helaian 71.

³⁶⁹ Sila lihat Khulasah al-Kalam, hlm. 239 dan al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah, hlm. 47.

³⁷⁰ Sila lihat kitabnya Kashf al-Irtiyab 'an Itba' Ibn 'Abd al-Wahhab, hlm. 3.

³⁷¹ Sila lihat kitabnya al-Fajr al-Sodiq, hlm. 17.

³⁷² Sila lihat kitabnya Jala' al-Awham, hlm. 5.

³⁷³ Sila lihat jawapan terhadapnya seperti al-Nufkah 'ala al-Nufkah karangan Nasir al-Din al-Hijazi, hlm. 6.

³⁷⁴ Jil. 1, hlm. 36.

Walaupun dengan kemunculan penentang seterusnya bernama Muhammad Tawfiq Sawqih, beliau menolak tindakan al-Samanwudy. Ternyata usahanya dengan menambah-nambah kedustaan seperti yang dilakukan golongan penentang sebelumnya. Ia seperti berikut:

Aku tetap mendedahkan dakwaan dirinya sebagai Nabi seumpama Musaylamah al-Kazzab. Namun keadaannya tidaklah sehebat Musaylamah kerana dia menyembunyikan dakwaan di dalam dirinya. Sebaliknya jika dia mendapat penerimaan sempurna dari para pendokongnya di kalangan penduduk Najd, dia akan menzahirkan dakwaan sebagai Nabi serta menyeru manusia kepadanya. Ataupun jika dia memperolehi mana-mana sumber kekuatan dari sebahagian umat ini nescaya dia akan menzahirkan apa yang hakikatnya tersemat di dalam hati. Kami berlindung kepada Allah dari bersikap melampau setelah datangnya hidayah petunjuk.³⁷⁵

Bagi meneruskan niat jahatnya, beliau berkata:

Syeikh Muhammad 'Abd. al-Wahhab menyukai pembacaan yang berkait dengan golongan mengaku menjadi Nabi pada masa lampau. Contohnya seperti Musaylamah al-Kazzab, al-Aswad al-Ansi, Sajjah dan Tulayhah al-Asadi. Dia seterusnya menyatakan dakwaan seperti mereka menerusi dakwah al-Islahnya.³⁷⁶

Selain melemparkan tuduhan mengaku menjadi Nabi berdasarkan kitab-kitab, para penentang juga mengubah syair-syair bagi menyatakan tuduhan. Dalam hal ini, Yusuf al-Nabhani dalam bait-bait syairnya berkata seperti berikut:

Wahabi adalah golongan yang amat suka berlari dalam kesesatan
Mereka menyangka kemusnahan itu suatu kebaikan
Betapa lemahnya umat Arab di kalangan penduduk Najd
Mewarisi para pemimpin laksana perompak atau pendusta
Musaylamah datuk terbesar serta mempelai mereka
Begitu juga Sajjah nenek teragung kalangan mereka
Selain itu mereka mewarisi si pendusta yang juga mendakwa
Dirinya Nabi sebagaimana al-Mustafa seorang Nabi³⁷⁷

³⁷⁵ Sila lihat Tabyin al-Haq wa al-Sawwab, hlm. 6.

³⁷⁶ Sila lihat Tabyin al-Haq wa al-Sawwab, hlm. 6.

³⁷⁷ Sila lihat al-Haddad dalam Misbah al-Anam, hlm. 27.

Apa yang dinyatakan di atas merupakan sebahagian contoh-contoh dakwaan serta pembohongan yang termaktub dalam hasil karya para penentang dakwah al-Salafiyyah. Sebelum itu kami juga telah menyatakan pegangan al-Syeikh al-Imam serta pendokong selepasnya terhadap persoalan Khatam al-Nubuwwah. Seterusnya kami menyatakan pula beberapa hujah yang kukuh lagi nyata bagi menjawab segala pendustaan tersebut. Ia berdasarkan hasil karya para pemimpin dakwah al-Salafiyyah:

Pertama: al-Syeikh Sulayman bin Sahman.

Dalam kitabnya al-Asinah fi al-Radd 'ala 'Alawi al-Haddad, hlm. 12, beliau menjawab tuduhan al-Haddad bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab mengaku menjadi Nabi. Ia seperti berikut:

Adapun jawapan terhadap si mulhid pendusta ini, ia merupakan hujah bagi membatalkan kepalsuan tuduhannya. Dia menuduh bahawa al-Syeikh al-Imam mengaku menjadi Nabi dengan menyembunyikan tuduhan di dalam hatinya. Namun urusan hati tidak ada yang mengetahuinya melainkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Bagaimana mungkin diterima kata-katanya dengan hanya berlandaskan ilmu hati yang hakikatnya hanya diketahui Allah?. Adakah si mulhid ini mendakwa mengetahui ilmu ghaib? Atau adakah wahyu dikurniakan kepadanya? Sesiapa yang mendakwa demikian maka kafirlah ia.

Seterusnya si dajjal pendusta ini menuduh bahawa al-Syeikh al-Imam menzahirkan pangkat kenabian yang ada pada isi hatinya pada zahir luarannya pula. Sila kemukakan buktinya.

Hakikatnya kami tidak mengetahui sesuatupun pada diri al-Syeikh al-Imam melainkan dia menyeru kepada dakwah yang hak. Dia menyeru pengabdian sepenuhnya kepada Allah yang Maha Esa dengan penuh keikhlasan serta penyerahan agama keseluruhannya sebagai milik mutlak Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Oleh itu apa yang dikatakan oleh si mulhid ini jelas suatu pendustaan yang amat nyata terhadap diri serta keperibadian al-Syeikh al-Imam.

Sehubungan hal ini kita melihat bahawa al-Syeikh al-Imam pernah memperkatakan terhadap golongan yang menyembah kubur seperti berikut:

"Mereka mengagung-agungkan kubur para Nabi 'alayhimussolatu wassalam serta para wali Allah lainnya. Ini dilakukan sehingga ke peringkat memohon kepada mereka perkara yang tidak dapat diperolehi melainkan kepada Allah jua. Ini adalah perkara yang masyhur mereka lakukan dan merupakan i'tikad yang mereka yakini sehingga tidak diingkari sesiapaupun."

Sekiranya ditanya bagaimana al-Syeikh al-Imam mengetahui hal ini sehingga beliau mengkufurkan perbuatan mereka? Maka dijawab: al-Syeikh al-Imam mengetahui menerusi zahir perbuatan yang mereka lakukan seperti menyeru serta meminta pertolongan kepada orang yang sudah mati yang hakikatnya berpunca dari i'tikad yang tersemat di dalam hati.

Keadaan ini bercanggah dengan tuduhan engkau dan rakan-rakan engkau yang pendusta, yang menuduh dengan hanya berdasarkan kononnya i'tikad hati tanpa dibuktikan menerusi perbuatan lahir. Sedangkan perkara hati tidak dapat diketahui melainkan apabila dizahirkan sahaja. Sebaliknya perbuatan zahir al-Syeikh al-Imam tidak langsung menunjukkan kepada pertuduhan yang kamu lontarkan. Kesan pertuduhan yang tidak dapat dibuktikan dengan nyata ini engkau seterusnya mengkafirkan al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya yang menyeru kepada agama Allah serta Rasul-Nya lantas menghalalkan darah serta harta benda mereka.

Bagi menolak pembohongan terhadap al-Syeikh al-Imam, Ibn Sahman seterusnya menyatakan:

Al-Syeikh al-Imam menyebutkan dalam kitab al-Tauhidnya apa yang diriwayatkan oleh al-Burqani dalam Sahihnya sabda Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam seperti berikut:

Sesungguhnya yang aku bimbangkan terhadap umatku tidak lain adalah para pemimpin yang menyesatkan.

Dan apabila pertumpahan darah telah menimpa umatku, maka tidak akan berakhir hingga Hari Kiamat.

Kiamat tidak akan terjadi sebelum ada suatu kaum dari umatku mengikuti orang-orang musyrik dan beberapa kelompok dari umatku menyembah berhala.

Dan sesungguhnya akan ada di antara umatku tiga puluh pendusta yang semuanya mengaku sebagai Nabi padahal aku adalah penutup para Nabi, tidak ada Nabi lagi sesudah aku.³⁷⁸

Si pendusta juga berkata: "Ternyata akan hal demikian sebagaimana yang dinyatakan para ulama' bahawa Ibn 'Abd. al-Wahhab ketika usia mudanya amat menyukai pembacaan kisah Nabi-Nabi palsu seperti: Musaylamah al-kazzab, Sajjaj, al-Aswad al-Ansi, Tulayyah al-Asadi dan lain-lain."

³⁷⁸ Hadith ini diriwayatkan di sisi Ahmad, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Hakim dan Abu Nu'aym dalam kitab al-Hilyah dan al-Dala'il dengan sanad yang sahih mengikut syarat Muslim. Sila lihat al-Nahj al-Sadid fi Takhrij Ahadith Taysir al-'Aziz karangan Duwasri, cetakan pertama, Dar al-Khlafa', Kuwait, 1404H, hlm. 129.

Ibn Sahman membantah dengan berkata:

Ini merupakan pembohongan serta kata-kata yang tidak bermoral. Hakikatnya al-Syeikh al-Imam rahimahullah amat menyukai serta menitikberatkan pembacaan terhadap kitab-kitab hadith serta tafsir al-Qur'an. Ini terbukti menerusi hasil-hasil karya yang dihasilkannya yang merupakan jawapan terhadap segala pembohongan yang sengaja direka-reka. (Antara lain) ia seperti berikut:

"Kami (al-Syeikh al-Imam) memohon pertolongan bagi memahami kitab Allah berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar serta tersebar luas. Dalam usaha memahami agama, kami merujuk kepada kitab-kitab seperti Tafsir Muhammad bin Jarir al-Thobari, Ibn Kathir al-Syafi'i, al-Baidhawi, al-Baghawi, al-Khazin, al-Jalalayn dan sebagainya. Bagi memahami hadith, kami merujuk kepada syarahan al-Qasthalani, al-'Asqalani yang mensyarahkan hadith al-Bukhari serta al-Nawawi yang mensyarahkan hadith Muslim. Begitu juga kami merujuk kepada al-Munawi yang mensyarahkan al-Jami' al-Soghir dan selainnya dari kitab-kitab hadith. Selain itu kami merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar berhubung perkara akidah serta cabang-cabang agama termasuk dalam ilmu-ilmu yang berkait dengan tatabahasa arab seperti ilmu nahu, saraf dan sebagainya lagi."³⁷⁹

Seterusnya Ibn Sahman dalam kitabnya al-Dhiya' al-Syariq fi al-Radd 'ala Syubhat al-Maziq al-Mariq menolak akan pendustaan ini yang ditelan bulat-bulat oleh al-Zahawy sehingga menjadi rosak binasa kitabnya yang bertajuk al-Fajr al-Sodiq.

Kedua: al-Syeikh Nasir al-Din al-Hijazi.

Dalam menjawab tuduhan mengaku menjadi Nabi yang dilemparkan oleh 'Abd. al-Qadir al-Askandarany, beliau berkata dalam risalahnya al-Nufkah 'ala al-Nufkah seperti berikut:

Aku berkata bahawa sesiapa mencipta apa yang dikatakannya maka tipudayaku dalam hal yang dikatakannya itu amat sedikit. Namun aku berkata kepada pengarang kitab ini (merujuk kepada al-Askandarany – penterjemah), seolah-olah dia sudah terlupa suatu kaedah. Jika engkau (merujuk kepada al-Askandarany) mengambil sesuatu pendapat dari seseorang maka hendaklah dipastikan kebenarannya terlebih dahulu, atau jika engkau yang mengeluarkan pendapat maka sila kemukakan buktinya.

Dalam hal ini, jika engkau pengikut kepada Dahlan sehingga mengambil sesuatu dari pendapatnya maka tidakkah engkau dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah? Engkau sendiri tahu bahawa tidak ada pengambilan pendapat dari para penentang

³⁷⁹ Sila rujuk al-Asinah al-Haddad, hlm. 12-13.

melainkan mengakibatkan ditertawakan orang serta menjadi bahan permainan kanak-kanak kecil sahaja. Maka bagaimana ia boleh diterima oleh seorang lelaki dewasa yang tinggi kefahaman akalnya yang ingin mengembalikan umat dari unsur kejahilan kepada beramal dengan al-Qur'an serta al-Sunnah?

Adapun tuduhan engkau bahawa al-Syeikh al-Imam menyembunyikan dakwaan kenabian dengan tidak mungkin menzahirkannya, ia pada hakikatnya membuka serta menzahirkan apa yang ada di dalam hati. Sedangkan keadaan lahir al-Syeikh al-Imam tidak demikian. Maka apabila ia sebagaimana yang engkau tuduh maka ia tidak boleh lari dari dua perkara iaitu sama ada ia merupakan suatu pembohongan ataupun ia boleh mengakibatkan engkau melakukan perbuatan syirik. Ini kerana perkara ghaib hanyalah di bawah pengetahuan Allah Subhanahu Wa Ta 'ala sahaja sebagaimana firman-Nya:

"Dia mengetahui (pandangan) mata yang khianat, dan apa yang disembunyikan oleh hati".
(al-Ghafir: 19)

Selain itu jika engkau sebagai pihak yang menuduh, maka dimanakah bukti-buktinya? Sila kemukakan berdasarkan kepada hasil karya al-Syeikh al-Imam yang telah banyak dicetak di negara India, Mesir serta negara-negara lainnya.³⁸⁰

Ketiga: al-Syeikh Fauzan al-Sabiq.

Dalam kitabnya al-Bayan wa al-Isyhar, beliau menyatakan bantahan terhadap tuduhan mengaku menjadi Nabi terhadap al-Syeikh al-Imam. Ia seperti berikut:

Al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah menjadi terkenal setelah menyebarkan pandangan serta seruan dakwahnya dengan menyeru manusia kepada pegangan al-Salaf al-Soleh. Ini sebagaimana termaktub dalam hasil karyanya sama ada yang lengkap mahupun yang dikarang secara ringkas. Di dalamnya dia tidak meninggalkan apa-apa kekeliruan melainkan diperjelaskan secara nyata. Selain itu, tidak ada jalan yang dapat menghampirkan diri kepada Allah serta mengikuti Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam secara benar melainkan dinyatakannya juga secara nyata. Maka perkara apakah yang disembunyikan di dalam dirinya wahai para pendusta?

Harus ditegaskan di sini bahawa sekiranya dakwaan ini benar dan mempunyai nilai harga yang paling rendah sekali nescaya aku tetap akan mendedharkannya dari kata-kata al-Syeikh al-Imam bersesuaian dengan harga dakwaan sekiranya jawapan itu dapat mengubat hati-hati para penentang. Namun secara realiti dakwaan ini langsung tidak

³⁸⁰ Hlm. 7-8 secara ringkas.

mempunyai nilai harga disebabkan ianya suatu kepalsuan yang kesannya membawa kerosakan sahaja.³⁸¹

Setelah menetapkan pembohongan serta kekarutan tuduhan ini, al-Syeikh Fauzan seterusnya berkata:

Kami berkata terhadap si mulhid ini: Amat nyata pembohongannya terhadap al-Syeikh al-Imam. Ini terbukti di mana apa yang ternyata serta masyhur pada diri al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah ialah seruan dakwah kepada kitab Allah serta berittiba' (mengikuti) Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta para Salaf al-Soleh. Ia merangkumi para sahabat radiyallahu 'anhum, tabi'in serta tabi' tabi'in di kalangan para pemimpin yang dikurniakan petunjuk serta amat memahami agama.

Oleh demikian ternyata sekali segala tindak-tanduk al-Syeikh al-Imam sehingga tidak diingkari kecuali kalangan para penentang seperti engkau wahai si pembohong. Engkau mengada-adakan pendustaan terhadapnya dengan mengaitkan dirinya. Namun segala puji bagi Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana tersingkapnya segala kebenaran sehingga mengecewakan kebatilan beserta kunci-kuncunya.³⁸²

Keempat: Dr. 'Abd. al-Rahman 'Umayrah.

Beliau menyebutkan bantahannya terhadap pembohongan ini dalam kitabnya al-Syubhat allati Asirat 'ala Dakwah al-Syeikh dengan katanya:

Dengan meneliti terhadap dakwaan serta pembohongan ini ternyata adanya persepakatan di kalangan mereka kononnya al-Syeikh al-Imam mengaku menjadi Nabi dengan menyembunyikan di dalam hatinya tanpa menyatakan kepada seorang juapun. Hal ini berdasarkan kata-kata mereka yang tidak mungkin difahami melainkan dengan makna ini. Kami menyatakan jika benar dakwaan demikian iaitu al-Syeikh al-Imam menyembunyikan kenabian di dalam dirinya, maka siapakah yang menzahirkan kepada mereka sesuatu yang hakikatnya tersembunyi di dalam hati?

Adakah Allah mewahyukan ke atas mereka apa yang disembunyikan manusia di dalam hatinya? Sekiranya mereka menyatakan "Ya" serta mendakwa ia suatu kebenaran maka kata-kata mereka ini mirip apa yang dikatakan para pendusta seperti Musaylamah, Sajjah serta para penjahat yang mengikuti syaitan. Dimana golongan ini turut mendakwa mengetahui urusan ghaib serta apa yang tersurat di Luh Mahfuz sebagaimana dakwaan sebahagian para penentang. Hal ini ternyata pada diri mereka. Dengan itu mereka terkeluar

³⁸¹ Hlm. 57.

³⁸² Hlm. 57.

dari landasan (millah) agama Islam sebagaimana rakan-rakan jahiliyyah mereka yang terdiri dari para dukun. Ini kerana mereka mendakwa mengetahui perkara ghaib yang hakikatnya tidak diketahui melainkan Allah jua. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala³⁸³:

(Dia adalah Tuhan) Yang Maha Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seorangpun tentang yang ghaib itu. (al-Jin: 26)

Sepanjang apa yang kami nyatakan menerusi pelbagai bukti serta jawapan kukuh bagi membantah pembohongan bahawa al-Syeikh al-Imam mengaku menerima pangkat kenabian walaupun hanya disudut hatinya sahaja, kami akan menyebutkan di akhir setiap perbahasan firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala seperti berikut:

Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami), ini adalah dusta yang besar. (al-Nur: 16)

Bahagian Kedua:

Tuduhan Palsu Terhadap Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Bahawa Beliau Merendah-Rendahkan Kedudukan Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wa Sallam.

Seterusnya kami menyatakan pula tuduhan kedua bahawa al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Sebagaimana yang kami lakukan sebelum ini, kami akan menyatakan terlebih dahulu ringkasan i'tikad (pegangan) al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya terhadap al-Mustafa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.

Al-Syeikh al-Imam menyebut tentang perutusan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam seperti berikut:

Tatkala Allah menghendaki untuk menzahirkan Tauhid-Nya, menyempurnakan agama-Nya serta menjadikan kalimah-Nya pada kedudukan tertinggi manakala menjadikan kalimah orang-orang kafir pada kedudukan terendah, maka diutuskannya Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam sebagai Khatam al-Nabiyyin serta sebagai kekasih Tuhan sekalian alam. Maka menjadi masyhur perkara ini pada sepanjang zaman. Ia termaktub di dalam Taurat Nabi Musa 'alayh al-salam serta di dalam Injil Nabi 'Isa 'alayh al-salam sehingga mengalir akhirnya antara sulbi Bani Kinanah dan Bani Zuhrah. Allah mengutuskannya setelah berlalu jarak masa tertentu kerasulan. Dikurniakan kepadanya petunjuk bagi membimbing sekalian

³⁸³ Sila lihat Buhuth Usbu' al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, Jil. 2, hlm. 55-56.

manusia dan jin kepada jalan yang lurus. Hakikatnya tanda-tanda kenabiannya termaklum kepada para umat pada zamannya sebelum dia diutuskan.³⁸⁴

Al-Syeikh al-Imam menyebutkan makna syahadah Muhammad sebagai Rasul Allah seperti berikut:

Adapun makna syahadah Muhammad sebagai Rasul Allah ialah dengan mentaati apa yang diperintahkannya, membenarkan apa yang diberitahunya, menjauhi apa yang ditegahnya serta tidak beribadat kepada Allah melainkan menerusi apa yang disyariatkannya.³⁸⁵

Oleh itu tidak dikatakan pengertian syahadah Muhammad sebagai Rasul Allah melainkan dengan berittiba' (mengikuti) serta mencontohi sepenuhnya petunjuk Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu al-Syeikh al-Imam menyatakan perkara yang khas diperuntukkan kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam seperti berikut:

Rasul Allah Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam merupakan penghulu kalangan orang yang diizinkan memberi syafaat serta pemilik kepada maqam al-mahmud. Adapun Adam'alayh al-salam serta selainnya berada di bawah bendera Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.³⁸⁶

Al-Syeikh al-Imam memperakui bahawa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam sebagai "sebaik-baik kalangan para hamba Allah dari segi kedudukan"³⁸⁷ dan juga "penghulu kepada sekalian para Nabi dan Rasul" 'alayhimussolatu wassalam³⁸⁸. Dalam menyatakan sanjungan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, al-Syeikh al-Imam ketika mengkisahkan peristiwa turunnya surah al-Lahab menyatakan seperti berikut:

Apa yang tercatat di dalamnya jelas menunjukkan keutamaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu, amat benar segala sabdanya dimana tidak ada sesiapaupun yang dapat menandingi atau berkata seumpama sabda baginda.³⁸⁹

Ketika mentafsirkan surah al-Nur, al-Syeikh al-Imam berkata:

Dalam hal mentaati Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dimana sesiapa mentaatinya akan dikurniakan petunjuk. Ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala (yang

³⁸⁴ Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'ilal-Najdiyyah, Jil. 4, hlm. 28.

³⁸⁵ Sila lihat Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 1, hlm. 190 serta sisipan kepada Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, hlm. 72.

³⁸⁶ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 113.

³⁸⁷ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 339.

³⁸⁸ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 335.

³⁸⁹ Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 381.

bermaksud): “Dan jika kamu taat kepadanya, nescaya kamu mendapat petunjuk.” (al-Nur: 54)³⁹⁰

Dalam mentafsirkan konsep “Ihdina al-sirat al-Mustaqim” yang terdapat dalam surah al-Fatihah, al-Syeikh al-Imam berkata:

Apa yang dikehendaki oleh agama Islam yang diturunkan Allah ke atas Rasul-Nya sallallahu ‘alayhi wa sallam ialah firman Allah Subhanahu Wa Ta’ala (yang bermaksud): “(Iaitu) jalan orang-rang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka.” (al-Fatihah: 7)

Ayat ini merujuk kepada Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam serta sekalian para sahabatnya radiyallahu ‘anhum. Dalam hal ini engkau hendaklah berkekalan memohon kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala di setiap rakaat solat agar mengurniakan petunjuk supaya sentiasa mengikuti jalan mereka.³⁹¹

Dalam mentafsirkan surah al-Hujurat, al-Syeikh al-Imam berkata: “Sudah pasti sebagai menunjukkan adab terhadap Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam, ialah dengan memperbesarkan penghormatan terhadap baginda.”³⁹²

Seterusnya kami menyatakan apa yang dicatat al-Syeikh ‘Abd. al-Latif bin ‘Abd. al-Rahman terhadap moyangnya al-Syeikh al-Imam. Ia seperti berikut:

Dalam menetapkan pendiriannya terhadap syahadah Muhammad sebagai Rasul Allah, al-Syeikh al-Imam rahimahullah menegaskan agar berpegang teguh dengannya, menyeru manusia kepadanya serta menghukum sesiapa yang enggan mengikuti Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam. Beliau amat menitikberatkan hak-hak kenabian baginda iaitu dengan mengasihi, menghormati, mempertahankan serta mengikuti dengan penuh ketaatan keseluruhan sunnah Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam secara berkekalan. Ia berkait dengan suruhan serta larangan baginda sama ada melibatkan perkara akidah mahupun perkara cabang sama ada secara zahir mahupun batin dan sama ada secara ringkas mahupun menyeluruh.³⁹³

Seterusnya kami menyatakan pula pandangan para pendokong al-Salafiyyah selepas al-Syeikh al-Imam:

³⁹⁰ Majmu’ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 279.

³⁹¹ Majmu’ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 17.

³⁹² Majmu’ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 4, hlm. 349. Lihat juga apa yang ditulis al-Syeikh dalam risalah bertajuk Fadl al-Islam yang termaktub dalam Majmu’ah Muallifat al-Syeikh, di bab yang menyangkut hak-hak kenabian serta bab berkenaan galakan melazimkan mematuhi al-Sunnah.

³⁹³ Sila lihat Minhaj al-Ta’sis, hlm. 41. Hujjah ini dijadikan bahan bukti oleh al-Syeikh Ishaq bin ‘Abd. al-Rahman. Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 264.

Pertama: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Dalam memperkatakan kepentingan mengikuti al-Mustafa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam sebagaimana yang diyakini al-Syeikh al-Imam, dia berkata:

Menjadi kewajiban ke atas umat Islam mengikuti Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dalam perkara yang menyangkut i'tikad serta keseluruhan syari'at agama sama ada yang berkait dengan tutur kata mahupun tingkah laku. Dalam hal ini Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

"Katakanlah: Jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" (Ali 'Imran: 31)

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda (yang bermaksud): "Barangsiapa yang mengada-adakan sesuatu yang baru dalam urusan kami ini (agama) apa yang tidak berasal daripadanya (daripada agama), maka ia tertolak."

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda lagi (bermaksud): "Barangsiapa yang beramal dengan suatu amalan yang bukan daripada kami maka ia ditolak."³⁹⁴

Oleh itu menjadi kewajiban kepada umat Islam sekaliannya mematuhi serta mengikuti segala sabda Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Dimana apa-apa yang selaras dengan sabdanya diterima, manakala yang bercanggah dengannya ditolak.³⁹⁵

Kedua: Husein³⁹⁶ (m. 1224H) dan 'Abd. Allah bin al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Di sekitar persoalan pemahaman terhadap syahadah Muhammad Rasul Allah, kedua-duanya berkata:

Setelah meneliti makna syahadah Muhammad Rasul Allah, ia merujuk kepada mentaati apa yang diperintahkan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia sama ada berkait dengan suruhan mahupun larangan. Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam adalah pemimpin yang wajib diikuti serta dipegangi segala sabdanya. Sesiapa yang cara hidupnya bersesuaian dengan sabdanya maka ia diterima, manakala sesiapa yang cara hidupnya bertentangan dengan sabdanya maka ia ditolak.³⁹⁷

³⁹⁴ Kedua-dua hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim.

³⁹⁵ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 235-236.

³⁹⁶ al-Syeikh Husein dilahirkan di al-Dar'iyah serta menuntut ilmu di sana. Selain dilantik sebagai imam masjid beliau juga pernah dilantik sebagai hakim. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 43; 'Ulama' Najd, Jil. 1, hlm. 220.

³⁹⁷ Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyah, Jil. 4, hlm. 542.

Ketiga: Pengarang al-Tawdhiih an Tauhid al-Khallaq.

Pengarang al-Tawdhiih an Tauhid al-Khallaq turut memperkatakan ketinggian kedudukan Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam diutuskan Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai rahmat untuk sekalian alam. Baginda adalah contoh terbaik untuk diikuti, jalan yang benar untuk para salikin, hujah yang amat kukuh terhadap para penentang serta kerugian besar ke atas orang-orang kafir. Allah mengutuskannya dengan petunjuk serta agama yang benar serta membawa khabar gembira serta peringatan. Selain itu, baginda laksana lampu yang menerangi alam yang menyeru sekalian manusia dan jin kepada jalan Allah dengan izin-Nya.

Secara realiti, Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dibantu oleh para malaikat yang dekat (al-muqarrabin). Allah memperkukuhkan baginda dengan kemenangan kepada kaum Muslimin dengan izin-Nya serta menurunkan ke atasnya Kitab yang amat menerangi. Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam berperanan sebagai pembeza antara yang hak dengan yang batil. Allah melapang serta mempersucikan hati baginda serta menjauhkan sama sekali beban dosa-dosa. Allah mempertinggikan sabda baginda serta memperhinakan sesiapa yang menyalahinya. Allah mewajibkan ke atas setiap hamba-hamba-Nya supaya mematuhi segala titah-perintah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, mengasihi serta tunduk kepada segala hak-haknya. Ditutup segala pintu dan jalan melainkan menerusi apa yang ditunjuk ajar baginda. Dimana tidak akan dapat diperolehi sebarang kejayaan melainkan menerusi jalan yang ditunjukinya. Ia merupakan jalan yang bertindak sebagai neraca yang amat kukuh kerana merangkumi segala tindak tanduk serta perilaku manusia.

Selain itu Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam telahpun menyediakan segala jawapan berhubung persoalan Allah Subhanahu Wa Ta'ala menerusi sabda baginda sehingga tidak perlu kepada sebarang jawapan lain. Baginda juga telah menyampaikan tugas kerasulan, menunaikan amanah, menasihati ummah serta berjihad pada jalan Allah dengan sebenar-benar jihad. Kesannya bumi menjadi bersinar serta terang benderang dengan risalnya setelah ia mengalami kegelapan. Baginda juga berjaya menyatukan hati-hati manusia setelah mereka berada dalam suasana bercerai-berai, memenuhi alam dengan cahaya serta kegembiraan dan menyatukan manusia ke dalam agama Allah yang suci.

Apabila Allah menghendaki menyempurnakan agama ini serta mencukupkan nikmat-Nya terhadap hamba-hamba-Nya yang beriman, Allah mengangkat Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam menuju ke hadrat 'al-Rafiq al-a'la (teman yang tertinggi – penterjemah). Maka

baginda meninggalkan umatnya dalam keadaan putih bersih serta berada di atas jalan yang amat jelas. Allah, para malaikat, Rasul dan Nabi serta para hamba Allah yang beriman sekaliannya mengucapkan selawat ke atas Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.³⁹⁸

Keempat: al-Syeikh Ishaq.

Beliau menyebutkan kewajipan mengagungkan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dengan katanya:

"Ketahuilah berkenaan kalam al-Sadiq al-Masduq, dimana tidak ada perkataan yang terlebih agung pada diri engkau, melainkan sabda Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam."³⁹⁹

Kelima: al-Syeikh Salih bin Muhammad al-Syustri.

Beliau menyatakan dalam risalahnya Ta'yid al-Mulk al-Manan, berkenaan hak-hak ke atas Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

Adapun menunaikan hak-hak Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam, adalah wajib ke atas setiap kaum Muslimin pada segenap zaman, lapangan dan tempat. Allah mewajibkan beriman dengannya, mengasihi serta mentaatinya, menjadikannya pemimpin serta mengikuti segala sunnahnya. Allah memerintahkan mengucapkan selawat dan salam ke atasnya di segenap tempat serta memohon kedudukan yang tinggi ke atasnya di setiap laungan azan berkumandang. Allah juga memerintahkan kita supaya menyebutkan keutamaan serta keistimewaan kedudukannya. Tidak ada nikmat yang paling besar dikurniakan Allah terhadap manusia melainkan dengan diutuskan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam ke seluruh alam. Baginda yang pertama wajib didahulukan oleh setiap kaum Muslimin dimana tidak sempurna keimanan seseorang itu melainkan mengasihinya melebihi kasih terhadap anak, ibu bapa serta sekalian manusia lainnya bahkan melebihi kasih kepada diri sendiri.⁴⁰⁰

Keenam: al-Syeikh al-Sahsawani.

Tentang menghormati Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, beliau berkata:

Kami kalangan ulamak hadith menyatakan penghormatan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dengan sebesar-besar penghormatan. Ia berlandaskan sepenuhnya kepada al-Qur'an serta al-Sunnah yang sahih sama ada dari sudut amalan, perkataan mahupun i'tikad.

³⁹⁸ Hlm. 21-22 serta 40.

³⁹⁹ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 269.

⁴⁰⁰ Helaian ke 7.

Adapun para ahli bid'ah menyatakan penghormatan mereka dengan cara yang direka-reka umpama bermusafir dengan mengkhususkan niat hanya untuk menziarahi kubur Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam ataupun dengan mengadakan upacara mawlud sehingga keperingkat berdiri kerana kononnya beliau hadir bersama ketika itu. Secara realiti, apa yang mereka lakukan bercanggah dengan cara penghormatan yang thabit pada hukum syarak.⁴⁰¹

Ketujuh: al-Syeikh Muhammad Rasyid Ridha.

Beliau berkata:

Sesiapa yang mengkaji sejarah dengan teliti, dia akan mendapati golongan mukmin adalah golongan yang sangat mencintai serta mengikuti segala titah-perintah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Di kalangan mereka sangat sedikit golongan yang melampau dalam mencintai serta menghormati Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam terutama yang paling utama antara golongan mukmin iaitu para sahabat radiyallahu 'anhum serta golongan yang mengikuti mereka dari masa ke semasa. Adapun mereka yang lemah iman serta sedikit mengikuti Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam mereka adalah golongan yang sangat melampau dalam berkata-kata serta melakukan bid'ah dalam amal perbuatan.⁴⁰²

Kelapan: al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hasan.

Dalam salah sebuah risalah perutusannya kepada penduduk semenanjung Tanah Arab, beliau menyatakan kewajipan memuliakan sunnah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia berdasarkan pegangan para pemimpin dakwah al-Salafiyah negeri Najd seperti berikut:

Apabila ternyata kepada kami suatu sunnah yang sahih daripada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, kami akan mengamalkannya. Kami tidak akan mendahulukan kata-kata seseorang yang lain di hadapan sabda baginda. Kami tidak akan menerima serta mengikuti kata-kata tersebut kerana di sisi kami, sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam amat mulia kedudukannya untuk didahulukan ke atas kata-kata selainnya.⁴⁰³

Kesembilan: Pengarang kitab al-Bayan al-Mufid.

Termaktub di dalamnya:

⁴⁰¹ Sila lihat Siyanah al-Insan 'an Waswasah Dahlan, cetakan kelima, percetakan Najd, Riyadh, 1395H, hlm. 244. (secara ringkas). Sila lihat: Penulisan al-Sahsawani tentang keutamaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, hlm. 237-243.

⁴⁰² Sila lihat Siyanah al-Insan 'an Waswasah Dahlan, cetakan kelima, percetakan Najd, Riyadh, 1395H, hlm. 244. (secara ringkas). Sila lihat: Penulisan al-Sahsawani tentang keutamaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, hlm. 237-243.

⁴⁰³ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 289-290.

Kami meyakini bahawa sebaik-baik makhluk ialah Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam di mana Allah Subhanahu Wa Ta'ala mensifatkannya dengan semulia-mulia kedudukan. Namun dalam hal ini Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda yang bermaksud: "Aku tidak menyukai kamu mengagung-agungkan aku melebihi kedudukan yang Allah tetapkan ke atasku."⁴⁰⁴ Dalam riwayat lain baginda bersabda, maksudnya: "Jangan kamu menghormati aku sebagaimana kaum Nasrani menghormati Ibn Maryam. Sesungguhnya aku seorang hamba, maka kamu katakanlah hamba Allah serta Rasul-Nya."⁴⁰⁵

Kesepuluh: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Sulayman al-Bulayhid⁴⁰⁶ (m. 1359H).

Beliau berkata:

Adapun hak terhadap Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam ialah dengan mengasihi baginda melebihi kasih kepada diri, anak-anak, ibu-bapa, kaum kerabat dan harta benda serta membenarkan dan mentaatinya.⁴⁰⁷

Apa yang dinyatakan di atas merupakan ringkasan pegangan al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya berkenaan hak-hak terhadap Nabi kita sallallahu 'alayhi wa sallam. Dimana matlamat mereka menyatakannya menerusi dakwah Islah yang dilakukan ialah untuk mengikuti sepenuhnya sabda Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta memerangi segala unsur-unsur penyelewengan dan kesesatan.

Disepanjang hasil karya para penentang yang ada di sisi kami, kami mendapati pembohongan mereka terhadap al-Syeikh al-Imam serta pendokongnya bahawa kononnya mereka merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Di kalangan para penentang yang terawal menyatakannya ialah Sulayman bin Sahim. Beliau merupakan tokoh terkemuka yang terlibat dalam menyebarkan pembohongan ini di pelbagai lapangan dan tempat. Selain itu Ibn Sahim amat giat memberikan motivasi kepada para ulama' supaya turut sama melancarkan serangan terhadap al-Syeikh al-Imam.

Ibn Sahim dalam pembohongannya telah menulis sebuah risalah yang dihantar kepada para ulamak pelbagai negara. Ia dihasilkan pada saat bermulanya pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam⁴⁰⁸. Antara pembohongan isi kandungannya seperti berikut:

⁴⁰⁴ Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam Musnadnya

⁴⁰⁵ Riwayat Imam al-Bukhari. Sila lihat al-Bayan al-Mufid fima Ittifaq 'alayhi 'Ulama' Makkah wa Najd min 'Aqa'id al-Tauhid, cetakan kedua, percetakan Dar al-Tsaqafah, 1398H, hlm. 9.

⁴⁰⁶ Beliau dilahirkan di al-Far'a' di wilayah al-Qasim pada tahun 1284H. Kemudian berpindah ke 'Iddah Buldan di dalam perjalanan menuntut ilmu. Pernah dilantik sebagai hakim di beberapa buah negeri serta ketua hakim di bandar Mekah. Beliau juga seorang pengarang yang mempunyai ramai murid. Meninggal dunia di negeri Taif. Sila lihat Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 344; 'Ulama' Najd, Jil. 2, hlm. 542.

⁴⁰⁷ Ucapan al-Syeikh Ibn Bulayhid dalam suatu perjumpaan antara beliau dengan para ulamak Najd serta Mekah, hlm. 21.

Dia (al-Syeikh al-Imam) membakar kitab 'Dala'il al-Khairat'⁴⁰⁹ kerana mengandungi perkataan saidina serta mawlana dan membakar kitab Raudh al-Rayyahin⁴¹⁰ dengan melabelkan ia sebagai Raudh al-Shayatin. Dia juga berkata bahawa jika aku berupaya aku akan runtuhkan bilik Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu dia berkata bahawa berselawat ke atas Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam pada hari Jumaat adalah bid'ah dolalah yang balasannya api neraka.⁴¹¹

Apabila risalah ini diutus ke negara Iraq, di dapati bahawa al-Qabbani turut mengarang sebuah kitab tebal bagi menyatakan pendustaan mirip apa yang ditulis Ibn Sahim. Ia seperti berikut:

Aku menyebutkan kelakuannya – iaitu al-Syeikh al-Imam – berani dia berhadapan dengan kemuliaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dengan tidak menghormati serta mengagungkan kedudukannya. Dia juga tidak ambil peduli urusan agama kerana sanggup membakar kitab yang isi kandungannya menyatakan keutamaan serta kaifiat berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴¹²

Di bahagian lain risalahnya, Ibn Sahim berkata:

Maka ternyata kepada engkau kata-kata orang yang gagal ini – iaitu al-Syeikh al-Imam - bahawa jika aku berupaya aku akan runtuhkan bilik Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini merupakan kata-kata orang yang tidak mengikuti jalan golongan mukminin dalam menyatakan penghormatan terhadap penghulu para Rasul. Bahkan ia merupakan kata-kata orang yang mengikuti serta berpegang kepada iblis terkutuk serta orang yang merendahkan kedudukan kekasih Tuhan sekalian alam.⁴¹³

Mengikuti selepasnya ialah penentang bernama 'Alawi al-Haddad. Semakin bertambah unsur fitnah serta pembohongan yang dilakukannya. Dalam Misbah al-Anamnya beliau berkata terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya seperti berikut:

Banyak sungguh cara yang dilakukannya bagi merendah-rendahkan kedudukan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Antaranya dia berkata: Adalah Nabi itu seorang yang pekak

⁴⁰⁸ Iaitu ketika bermulanya dakwah al-Syeikh al-Imam di negeri 'Uyainah. Di saat itu Ibn Sahim menulis risalahnya pada tahun 1157H sebagai jawapan balas kepada sekutunya iaitu al-Qabbani. Disertakan menerusi isi kandungannya cercaan terhadap penduduk 'Uyainah kerana membantu pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Akibat menerima tekanan, al-Syeikh al-Imam akhirnya membawa dirinya berpindah dari 'Uyainah menuju al-Dar'iyah pada tahun yang sama atau menurut riwayat lain di kalangan para ilmuwan pada tahun 1158H. Sila lihat Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab karangan al-'Uthaymin, hlm. 54; Mashahir 'Ulama' Najd, hlm. 26.

⁴⁰⁹ Kitab Dala'il al-Khairat dikarang oleh Muhammad bin Sulayman bin 'Abd. al-Rahman al-Maghribi, salah seorang penganut tarikat Syaziliyyah (m. 854H).

⁴¹⁰ Kitab Raudh al-Rayyahin dikarang oleh 'Abd. Allah bin As'ad bin 'Ali bin Sulayman al-Yafi'i (m. 768H).

⁴¹¹ Sila lihat Husein bin Ghannam Rhaudh al-Afkar, Jil. 1, hlm. 112-113.

⁴¹² Sila lihat Fasl al-Khitab, helaian 32.

⁴¹³ Sila lihat Fasl al-Khitab, helaian 163.

apabila dirujuk kepada pencapaian urusannya. Dia laksana si pekak yang diutus kepada manusia dengan menyampaikan risalah kemudian pergi meninggalkan mereka (wafat). Sebahagian pendokongnya berkata bahawa tongkat aku lebih baik dari Muhammad. Ia bermanfaat bagi memukul ular dan sebagainya sedangkan Muhammad sudah wafat maka tidak ada pada dirinya sebarang manfaat kerana dia laksana si pekak yang sudah mati. Kerana sebab kata-kata ini dia menjadi kafir di sisi empat mazhab.

Selain itu dia membenci berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Dia mengutuk sesiapa yang mendengar pembacaan selawat serta menegah orang dari menyebutnya di atas mimbar-mimbar masjid. Oleh itu dia telah menegah upacara tersebut dilakukan di atas mimbar pada malam Jumaat serta membakar kitab-kitab selawat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam seperti Dala'il al-Khairat serta selainnya dengan menganggap kitab-kitab tersebut sebagai bid'ah.⁴¹⁴

Al-Haddad meneruskan kata-katanya: "Dia berkata bahawa bunyi rebana di dalam rumah-rumah keji lebih kecil dosanya dari berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam di atas mimbar-mimbar."⁴¹⁵

Dalam hal ini, Ahmad bin Zaini Dahlan dalam kitabnya Khulasah al-Kalam fi Bayan Amra' al-Balad al-Haram⁴¹⁶ serta kitabnya al-Durar al-Saniyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah⁴¹⁷ menulis dengan nada penulisan yang hampir sama dengan pengarang Misbah al-Anam. Selain itu pengarang Jala' al-Awham turut mengungkapkan kembali pembohongan Dahlan dengan beberapa penambahan seperti berikut:

Mereka berkata bahawa Muhammad menyampaikan al-Qur'an kemudian dia wafat. Maka menjadi sunyi atau terhenti hak-hak kenabian ke atasnya. Inilah apa yang dimaksudkan dengan istilah pekak. Dengan kata lain ia bermaksud: seorang Rasul yang menyampaikan risalah kemudian pergi meninggalkan umatnya. Dengan itu tidak ada lagi keperluan manusia terhadapnya.⁴¹⁸

Dia berterusan dengan pendustaannya dengan kata-katanya:

Al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para pendokongnya berkata bahawa Allah mengutuskan Muhammad serta menurunkan al-Qur'an kepadanya untuk disampaikan kepada manusia. Namun Allah tidak memberi keizinan kepadanya untuk menyampaikan sesuatu dari dirinya. Oleh kerana itu agama keseluruhannya hanya berdasarkan al-Qur'an. Adapun apa yang di bawa oleh Muhammad yang dinamakan sebagai al-hadith yang

⁴¹⁴ Sila lihat Fasl al-Khitab, helaian 163.

⁴¹⁵ Sila lihat Fasl al-Khitab, helaian 67.

⁴¹⁶ Hlm. 230.

⁴¹⁷ Hlm. 44.

⁴¹⁸ Sila lihat Mukhtar Ahmad al-Muayyad menerusi kitabnya Jala' al-Awham, hlm. 6-8.

dikenali di kalangan kaum Muslimin sebagai al-Sunnah ia sesuatu yang batil, yang tidak harus berta'abbud serta beramal dengannya.⁴¹⁹

Pembohongan seterusnya dilakukan oleh penentang dakwah bernama Muhsin al-'Amili. Beliau menyatakan bahawa golongan Wahabi berpegang dengan pandangan bahawa kubur Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam laksana patung di antara patung-patung atau laksana berhala di antara berhala-berhala. Bahkan ia dianggap patung atau berhala yang paling agung.⁴²⁰ Pengarang Sa'adah al-Darayn menelan tanpa usul periksa pembohongan 'Alawi al-Haddad⁴²¹ sebagaimana Yusuf al-Nabhani menelan kata-kata Dahlan sehingga memasukkan pembohongannya dalam kitabnya Syawahid al-Haq fi al-Istighosah bi Sayyid al-Khalq.⁴²² Hassan Huzbek mengulas berkenaan al-Syeikh al-Imam dalam kitabnya al-Maqalat al-Wafiyah dengan pembohongannya seperti berikut:

Demikianlah, dia merendah-rendahkan kedudukan para Rasul dengan menyuruh agar meruntuhkan kubah-kubah mereka. Dia juga menegah pembacaan mawlud Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam serta memukul sesiapa yang membaca selawat ke atasnya di menara-menara masjid.⁴²³

Muhammad Najib Sawqih dalam pembohongannya berkata:

Di kalangan mereka (golongan al-Salafiyah – penterjemah), ada yang mematah-matahkan kayu sambil berkata bahawa Muhammad laksana kayu yang tidak mendatangkan bahaya atau memberi sebarang manfaat. Namun kayu ini lebih memberi manfaat dari Muhammad setelah wafatnya.⁴²⁴

Beliau menambah lagi:

Pembohongan ini (kononnya dilakukan golongan al-Salafiyah – penterjemah) hakikatnya menentang Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana menghina kedudukan kekasih Allah sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴²⁵

Dalam hal ini, Muhammad Tahir Yusuf memperuntukkan satu bab dalam kitabnya Quwwah al-Difa' wa al-Hujum yang dipenuhi dalamnya segala jenis pembohongan terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya. Bab ini bertajuk Bayan Istikhfaf al-Firqah al-Mu'tazilah min al-Sunnah al-Nabawiyah Li Qadr Nabiyyina wa Sayyidina wa Syafi'ina

⁴¹⁹ Sila lihat Mukhtar Ahmad al-Muayyad menerusi kitabnya Jala' al-Awham, hlm. 6-8.

⁴²⁰ Sila lihat Kashf al-Irtiyab, hlm. 139.

⁴²¹ Sila lihat Ibrahim al-Samanwudy, Sa'adah al-Darayn, Jil. 1, hlm. 44, 53.

⁴²² Sila lihat Syawahid al-Haq, hlm. 41.

⁴²³ Hlm. 188.

⁴²⁴ Sila lihat Tabyin al-Haq wa al-Sawwab, hlm. 29.

⁴²⁵ Sila lihat Tabyin al-Haq wa al-Sawwab, hlm. 30.

Muhammad Lillah.⁴²⁶ Di bahagian lain kitabnya beliau berkata berkenaan para pendokong al-Syeikh al-Imam seperti berikut:

Di antara tanda menunjukkan mereka merendah-rendahkan serta mengurangkan kedudukan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam ialah ungkapan mereka bahawa: "Muhammad tidak mengetahui perkara ghaib."⁴²⁷

Pengarang kitab Islamy Firqy turut mengadakan dakwaan palsu terhadap al-Syeikh al-Imam dengan mengatakan kononnya beliau menghukumkan syirik kepada sesiapa yang menyatakan penghormatan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴²⁸

Kami mengakhiri pembohongan besar ini dengan mengemukakan keterangan menarik tokoh ulamak India semasa iaitu Mawlana al-Syeikh Muhammad Manzur al-Nu'mani. Ia berdasarkan kitab terkenalnya yang membela perjuangan al-Syeikh al-Imam bertajuk Di'ayat Mukhathafah Didd al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Ia seperti berikut:

Aku mendengar suatu pembohongan besar yang amat pelik sekali. Ia seperti berikut: Di mana seorang lelaki diberi nama Muhammad 'Abd. al-Wahhab al-Najdi. Dia menjadi ketua kepada satu puak yang dikenali sebagai Wahabi. Suatu ketika dia menyatakan permusuhannya terhadap Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam sehingga apabila dia menetap di Madinah al-Munawwarah dia berpura-pura menjadi seorang baik serta bertaqwa.

Di sana dia menetap di sebuah rumah berdekatan dengan masjid Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia bertujuan untuk mengorek sebuah lubang sehingga sampai kepada Rhaudah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam supaya dia berupaya untuk melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap jasad baginda yang suci. (Na'uzubillah Min Zalik). Namun dia tidak mampu untuk mencapai cita-citanya kerana Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam menzahirkan dirinya dalam mimpi (kepada) seorang raja yang ketika itu memerintah negeri Hijaz. Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda dalam mimpi tersebut:

"Sesungguhnya seorang lelaki najis dari Najd ingin melakukan kejahatan terhadap diriku." Apabila sedar dari mimpinya, raja itupun mencari lelaki yang dimaksudkan maka akhirnya dia menemui 'Abd al-Wahhab al-Najdi lalu dipukul tengkoknya dengan kuat serta dipenjarakan.

Agak malang sekali, di mana sebahagian dari umat Islam masih lagi terpengaruh serta turut sama menyebarkan pendustaan besar ini seolah-olah ia termaktub dalam sejarah serta tidak diragukan lagi.⁴²⁹

⁴²⁶ Hlm. 18.

⁴²⁷ Hlm. 19.

⁴²⁸ Sila lihat kitab Islamy Firqy.

Seterusnya kami mengungkapkan pula kata-kata Hafiz Wahbeh dalam kitabnya Jazirah al-'Arab:

Aku mendengar di negeri Najd bahawa keluarga Sa'ud mengukir di bendera-bendera mereka perkataan Lailahailallah Mahad Rasulullah dengan membuang huruf mim pada perkataan Muhammad. Ia bermaksud tiada lagi Rasulullah. Hal ini menjadi buah bibir musuh-musuh mereka sedangkan mereka sendiri tahu ia hanyalah suatu pendustaan semata-mata.⁴³⁰

Berikut dikemukakan jawapan al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya terhadap tuduhan bahawa mereka merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.

Pertama: al-Syeikh al-Imam.

Al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab dalam jawapannya terhadap para penentang berkata:

Apa yang dikatakan mereka bahawa aku menegah ucapan selawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam ataupun kata-kataku bahawa jika berupaya akan kuruntuhkan kubah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini adalah pendustaan yang dikenakan ke atasku oleh para syaitan. Hakikatnya mereka amat menginginkan untuk memakan harta manusia dengan cara yang batil sebagaimana yang terjadi ke atas anak-anak Samson ataupun Idris dahulu kala.⁴³¹

Dalam risalah perutusannya kepada 'Abd. al-Rahman al-Suwaydi, iaitu tokoh ulamak negara Iraq, al-Syeikh al-Imam menjawab pembohongan Ibn Sahim yang tersebar di seluruh pelusuk dunia Islam seperti berikut:

Amat ajaib bagaimana hal ini boleh terkeluar dari mulut orang yang berakal. Adakah yang mengucapkannya itu seorang Muslim atau kafir atau alim ataupun ucapan seorang gila?. Begitu juga kata-kata mereka bahawa aku mendakwa jika aku berupaya akan kuruntuhkan kubah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini juga suatu dusta. Adapun berkenaan kitab Dala'il al-Khairat⁴³² aku hanya menegur serta menasihati mereka supaya tidak mengagung-agungkan kitab tersebut melebihi al-Qur'an. Ini kerana ada di kalangan

⁴²⁹ Hlm. 16.

⁴³⁰ Sila lihat al-Nahdhat al-Hadithah fi Jazirah al-'Arab, hlm. 60.

⁴³¹ Sila lihat Fatawa al-Syeikh Muhammad bin Ibrahim, Jil. 1, hlm. 134. Lihat juga perbahasan al-Rasa'il al-Syakhsiyyah li Syaikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab karangan Uthaimin yang disisipkan tujuh perbahasan al-Syeikh al-Imam, Jil. 1, hlm. 101.

⁴³² Sila lihat jawapan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan terhadap kitab Dala'il al-Khairat dalam Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 2, hlm. 38.

mereka yang memuliakan pembacaan Dalai'il al-Khairat melebihi pembacaan terhadap al-Qur'an. Adapun membakarnya, ataupun menegah daripada berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam merupakan pembohongan terhadap diriku.⁴³³

Kedua: al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

Ketika memasuki kota Mekah pada bulan Muharram tahun 1218H, beliau membantah serta menjawab pembohongan ini dengan katanya:

Adapun apa yang didustakan ke atas kami merupakan perkara yang menyalahi kebenaran serta tipudaya terhadap sekalian manusia. Mereka menuduh kami mengatakan bahawa Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam laksana tali usang di dalam kuburnya atau tongkat kami lebih bermanfaat dari Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu mereka juga menuduh kami mengingkari syafaat Nabi serta tidak diperbolehkan menziarahi kuburnya. Lebih dahsyat lagi, mereka menuduh kami mengatakan bahawa Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam tidak mengetahui makna kalimah Lailahailallah sehinggakan turun kepadanya ayat berikut:

Maka ketahuilah, bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan (Yang Haq) melainkan Allah. (Muhammad: 19)

Seterusnya mereka menuduh kami melarang berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Maka sebagai jawapan terhadap segala khurafat, pembohongan serta kekeliruan ini ialah firman Allah Subhanahu Wa Ta 'ala:

Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami), ini adalah dusta yang besar. (al-Nur: 16)

Sesiapa yang menyaksikan sendiri hal kami serta menghadiri majlis ilmu kami mereka akan sedar bahawa segala dakwaan tersebut hanyalah datang dari musuh-musuh agama serta rakan-rakan syaitan mereka. Hakikatnya kami hanya menyeru manusia kepada mentauhidkan Allah dengan mengikhlaskan seluruh peribadatan kepada-Nya serta menjauhi perbuatan syirik dengan segala cabangnyanya.

Secara realiti, kami menetapkan kemuliaan Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam melebihi kemuliaan makhluk lainnya secara mutlak. Baginda hidup di dalam kuburnya menerusi kehidupan alam Barzakh melebihi kehidupan para syuhada' sebagaimana termaktub di dalam al-Qur'an. Baginda mendengar ucapan salam yang diucapkan ke atasnya serta mengenali para penziarah yang menziarahi kuburnya.

⁴³³ Sila lihat Majmu'ah Muallifat al-Syeikh, Jil. 5, hlm. 37.

Namun Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam tidak pula mengarahkan bermusafir melainkan untuk menziarahi masjidnya serta bersolat di dalamnya. Walaubagaimanapun sekiranya seseorang itu berniat untuk menziarahi Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam beserta dengan niat menziarahi masjid serta bersolat di dalamnya, maka ia tidak mengapa.

Seterusnya sesiapa yang mengisi waktunya dengan berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam dengan cara selawat yang warid atau sahih darinya maka ia mendapat kejayaan di dunia serta di akhirat. Cukuplah usaha, kemahuan serta kerisauan hati sekiranya berdasarkan kepada hadith-hadith yang sahih berkenaannya.⁴³⁴

Ketiga: al-Imam 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Sa'ud.

Beliau menyebutkan kewajipan menyatakan penghormatan terhadap al-Mustafa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam yang ditujukan kepada salah seorang penentang. Ia seperti berikut:

Adapun kata-kata engkau bahawa sebahagian sahabat kami membenci kamu sekalian disebabkan kamu menyatakan penghormatan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, maka sebagai jawabannya ingin sekali kami menyatakan bahawa Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang mengarahkan manusia agar mengasihi serta menghormati Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Tidakkah kamu mendengar perintah Allah supaya mengasihi baginda melebihi kasih kepada diri, anak pinak serta manusia sekaliannya? Namun kami tidak diperintahkan untuk bersikap melampau (ghullu) dalam hal ini di mana sikap ini ditegah oleh Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴³⁵

Keempat: al-Syeikh 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman Abu Buthayn.

Dalam kitabnya Ta'sis al-Taqdis, beliau berjaya membongkar segala tipudaya Ibn Jurjis. Dalam Jawabannya terhadap dakwaan Ibn Jurjis bahawa al-Syeikh al-Imam merendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, Abu Buthayn berkata:

Golongan yang sebelum daripadanya - yakni Ibn Jurjis – dalam hal ini seperti para penyembah Nabi 'Isa 'alayh al-salam ketika mana adanya tegahan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam supaya tidak menyembahnya. Adapun kami ditegah bersikap melampau terhadap Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam menerusi amarannya (yang bermaksud): "Jangan kamu menghormati aku sebagaimana golongan Nasrani menghormati Ibn Maryam."⁴³⁶ Sabdanya lagi (yang bermaksud): "Aku tidak menyukai kamu mengagung-

⁴³⁴ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 1, hlm. 127-128.

⁴³⁵ Sila lihat al-Durar al-Saniyyah, Jil. 4, hlm. 150.

⁴³⁶ Diriwayatkan oleh al-Bukhari sebagaimana yang dijelaskan terdahulu.

agungkan aku melebihi kedudukan yang Allah tetapkan ke atasku."⁴³⁷ Seterusnya baginda bersabda (yang bermaksud): "Janganlah kamu mengatakan Masya Allah wa Sya'a Muhammad (Apa yang dikehendaki Allah dan apa yang dikehendaki Muhammad)⁴³⁸ tetapi katakanlah Aja'altani Allah nida'a (Semoga Allah menerima permohonanku)."⁴³⁹

Kelima: al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi al-Iraqi.

Beliau merasa hairan terhadap pembbohongan Ibn Jurjis dengan katanya:

Adalah suatu yang ajaib pembbohongan yang diutarakan Ibn Jurjis ini. Ia tidak lain hanyalah ungkapan bid'ah serta melampau yang ditujukan kepada para ahli kebenaran yang kesannya dapat mengurangkan keulohiyahan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Hakikatnya mereka yang sebenarnya merendah-rendahkan kedudukan serta kemuliaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bukannya golongan yang berittiba' (mengikuti) sepenuhnya sabdanya...⁴⁴⁰

Keenam:

Seorang ulamak Najd⁴⁴¹ menulis sebuah risalah bagi menjawab suratkhbar al-Qiblah⁴⁴². Ia ditulis ketika mana suratkhbar ini menuduh bahawa al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya mengatakan: "Sesungguhnya tongkat itu lebih bermanfaat dari Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam." Dalam jawapan balas, ulamak Najd ini dengan penuh bersemangat berkata:

"Allahu Akbar ditujukan kepada para mulhid yang membawa orang-orang beriman menjauhi agama dan jalan Allah serta suka melakukan kerosakan di atas muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan. Ketahuilah, sesiapa yang menyandarkan tuduhan ini kepada kami atau membohongi kami maka laknat Allah, para malaikat serta manusia sekaliannya ditujukan khas untuknya.

Maha Suci Allah, tidak boleh dibayangkan bagaimana hal ini boleh terkeluar dari mulut orang yang berakal atau jahil mahupun orang yang gila? Orang yang beriman kepada Allah serta Hari Akhirat tidak akan berkata demikian. Tidakkah yang

⁴³⁷ Diriwayatkan oleh Ahmad sebagaimana yang dijelaskan terdahulu.

⁴³⁸ Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang sah.

⁴³⁹ Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Abi Syaibah. al-Bukhari meriwayatkannya di dalam al-Adab al-Mufrad. Selain itu ia diriwayatkan juga oleh al-Nasa'i dan Ibn Majah.

⁴⁴⁰ Sila lihat Mahmud Syukri al-Alusi dalam kitabnya Fath al-Manan Tatimmah Minhaj al-Ta'sis, cetakan Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyah, Mesir, 1366H, hlm. 455.

⁴⁴¹ Pengarang Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyyah tidak pula menyebutkan nama ulamak Najd ini.

⁴⁴² Suratkhbar ini boleh dianggap sebagai lidah bagi raja Hussein bin 'Ali yang merupakan penentang kepada dakwah Wahabi.

menyatakannya menyadari bahwa ia akan disoal di hadapan Allah tentangnya? Oleh itu ia lebih layak dikatakan oleh keldai-keldai yang tersesat dari kumpulannya.

Kami berlindung kepada Allah dari dikuasai dosa-dosa serta kegelapan hati.

Seterusnya terhadap tuduhan ini kami menyatakan seperti berikut:

Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami), ini adalah dusta yang besar. (al-Nur: 16)

Kami bersaksikan Allah, malaikat serta sekalian makhluk-Nya bahwa Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam itu hamba Allah, pesuruh serta kepercayaan (al-Amin)

Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam menyampaikan wahyu-Nya. Baginda adalah sebaik-baik di sisi-Nya dari kalangan makhluk-Nya. Diutuskannya sebagai rahmat untuk sekalian alam. Baginda merupakan contoh terbaik bagi orang yang beramal

serta jalan terbaik bagi para salikin dan hujah ke atas hamba-hamba Allah sekaliannya.

Allah mengutusnyanya sebagai penyeru kepada keimanan, penyeru kepada negara yang sejahtera (syurga) serta sebagai penyeru kepada petunjuk-Nya. Allah mengutusnyanya ketika berlalu beberapa jarak masa kerasulan, memberi hidayah kepadanya dengan sebaik-baik jalan serta mewajibkan ke atas setiap hamba-hamba-Nya untuk mentaati, mengasihi serta mempermuliakannya. Mereka hendaklah berdiri teguh mempertahankan hak-hak baginda di mana tidak akan dibuka serta diberi kemenangan terhadap mana-mana jalan sekalipun melainkan menerusi jalan yang ditunjukinya. Jika inilah kepercayaan kami terhadap baginda maka bagaimana boleh diterima kononnya kami mengatakan bahawa tongkat itu lebih memberi manfaat dari Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam."⁴⁴³

Ketujuh: Ibn Sahman.

Dalam kitabnya Kashf Ghiyab al-Zullam, beliau menjawab pembohongan ini dengan nada yang garang. Ia seperti berikut:

Adapun kata-katanya: "Dan mereka tidak menghalang diri mereka dari menikam Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam pada setiap kemungkaran yang mereka dilakukan." Sebagai jawabannya kami menyatakan seperti berikut (iaitu firman Allah yang bermaksud): "Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami), ini adalah dusta yang besar." (al-Nur: 16)

⁴⁴³ Sila lihat Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il al-Najdiyah, Jil. 4, hlm. 823.

Sesiapa yang berbohong dengan menyandarkan perkara dusta ini kepada kami maka laknat Allah, para malaikat serta sekalian manusia ke atasnya. Allah tidak menerima pendustaan yang mereka lakukan ini. Ia akan disingkapkan di atas kepala-kepala mereka yang menyaksikan hal ini pada hari yang tidak ada manfaat kepada orang-orang yang zalim. Ke atas mereka laknat serta seburuk-buruk tempat kembali.⁴⁴⁴

Ibn Sahman meneruskan:

Adapun kenyataannya bahawa kononnya kami berkata: "Muhammad menyampaikan al-Qur'an kemudian dia wafat ... dia juga laksana si pekak maka terhentilah risalahnya hingga akhir", sebagai jawapannya:

Keseluruhan apa yang engkau dakwakan ini adalah pendustaan serta pembohongan besar terhadap al-Syeikh al-Imam yang tidak mengatakan demikian walau sepeatahpun perkataan. Betapa jelas lagi nyata pembohongan serta kezindikan engkau. Di sini terdapat hasil karya al-Syeikh al-Imam, namun tidak terdapat di dalamnya walau sepeatahpun kekarutan serta kata-kata kebatilan dan pendustaan sebagaimana yang kamu nyatakan.⁴⁴⁵

Seterusnya Ibn Sahman dalam kitabnya al-Asinah al-

Haddad membantah pembohongan ini dengan katanya:

Adapun jawapan terhadap apa yang dikatakannya ialah Allahu Akbar ke atas golongan mulhid kerana cuba menghalangi orang-orang beriman dari jalan Allah. Tidak ada sebarang keraguan pada orang yang berakal bahawa pembohongan ini adalah rekaan semata-mata.⁴⁴⁶

Kelapan: al-Syeikh Muhammad Uthman al-Syawi.

Beliau mengarang kitab al-Qawl al-Asad fi al-Radd 'ala al-Khasm al-Alad bagi menjawab segala pembohongan para penentang dakwah al-Salafiyyah. Antara isi kandungannya seperti berikut:

Puak penentang melemparkan sebesar-besar tuduhan yang diketahui Allah Subhanahu Wa Ta'ala tidak dilakukan golongan ahli kebenaran. Mereka mendakwa golongan al-Salafiyyah merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta tidak berselawat ke atasnya. Hakikatnya golongan ahli kebenaran bukan sahaja tidak melakukan

⁴⁴⁴ Hlm. 113.

⁴⁴⁵ Hlm. 114.

⁴⁴⁶ Hlm. 16.

demikian bahkan tidak melampau dalam menyatakan sikap mereka terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini dilakukan kerana berpandukan sabda Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam (yang bermaksud):

"Jangan kamu menghormati aku sebagaimana golongan Nasrani menghormati Ibn Maryam kerana sesungguhnya aku seorang hamba maka katakanlah hamba Allah serta Rasul-Nya."⁴⁴⁷

Segala pujian bagi Allah, golongan al-Salafiyah amat menitikberatkan pendidikan terhadap umat Islam supaya mengasihi, mengikuti serta menjaga hak-hak Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu, mereka amat menjaga diri dari melakukan sesuatu yang menyalahi sunnahnya atau sabdanya dengan menjauhi perbuatan batil serta merosakkan. Oleh itu mereka tidak mengangkat kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam daripada martabat hamba Allah Subhanahu Wa Ta'ala kepada martabat ketuhanan.

Maka ternyata pada diri mereka ketegasan dalam berittiba (mengikuti) Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta sunnahnya, menjaga hak-haknya, berkekalan dalam mengasihinya mengatasi kasih mereka terhadap diri, keluarga serta harta benda. Adapun dari sudut peribadatan, golongan ini amat menitikberatkan pentauhidan terhadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang tidak ada sekutu padanya sama ada di kalangan malaikat yang dekat mahupun di sisi Nabi yang diutuskan.⁴⁴⁸

Kesembilan: al-Syeikh Fauzan al-Sabiq.

Dalam jawapannya terhadap tuduhan yang dilemparkan oleh al-Mukhtar, beliau dengan tegas berkata:

Si Mulhid ini berkata: "Ketahuilah wahai saudaraku, golongan Wahabi serta rakan-rakan mereka adalah musuh Allah serta Rasulnya. Banyak sungguh tikaman mereka terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam." Jawapan al-Syeikh Fauzan al-Sabiq: Adapun tuduhannya bahawa kami merupakan musuh Allah serta Rasulnya sallallahu 'alayhi wa sallam, kami menyatakan seperti berikut (iaitu firman Allah yang bermaksud): "Maha Suci Engkau (wahai Tuhan kami), ini adalah dusta yang besar." (al-Nur: 16)

Mereka menuduh kami sebagai musuh Allah serta Rasul-Nya sallallahu 'alayhi wa sallam tanpa bukti berdasarkan firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Terhadap pembongkaran mereka di atas, kami menegaskan di sini bahawa kami berittiba' (mengikuti) serta berpegang teguh sepenuhnya kepada al-Qur'an serta sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi

⁴⁴⁷ Diriwayatkan oleh al-Bukhari sebagaimana dinyatakan terdahulu.

⁴⁴⁸ Helaian ke 7.

wa sallam sama ada dari sudut perkataan mahupun perbuatan kami sebagaimana menjadi amalan al-Salaf al-Soleh terdahulu.⁴⁴⁹

Al-Syeikh Fauzan menambah:

Perkara ini merupakan pembohongan yang bertujuan menjauhkan manusia dari jalan Allah serta menghalangi orang-orang yang beriman dari berpegang teguh kepada kitab Allah serta sunnah Nabi-Nya sallallahu 'alayhi wa sallam. Secara realiti si mulhid ini tidak memperakui hatta satu kebenaranpun yang dilakukan golongan Wahabi. Ini ternyata dimana dia melemparkan tuduhan dengan berdasarkan kenyataan sebahagian para ulama' yang sememangnya memusuhi golongan Wahabi sehingga mereka membuat tuduhan palsu tanpa bukti-bukti.⁴⁵⁰

Al-Syeikh Fauzan seterusnya menjawab tuduhan palsu al-Mukhtar bahawa golongan Wahabi mengharamkan berselawat ke atas Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta mengkufurkan sesiapa yang melakukan demikian. Ia seperti berikut:

Perkataannya tidak dapat dibenarkan menerusi akal yang sihat serta tidak diterima hati yang ada di dalamnya sebesar zarah daripada keimanan. Bahkan ia merupakan hasil ciptaan syaitan yang direjam. Kami berlindung kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada dosa perbuatan tersebut. Kami beriman kepada Allah serta Kitab-Nya, Rasul-Nya serta bersyahadah bahawa penghulu serta Nabi kami Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam adalah sebaik-baik makhluk Allah yang diciptakan serta ketua kepada sekalian anak Adam. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengucap selawat ke atas baginda begitu juga para malaikat-Nya. Allah memerintahkan para hamba-Nya supaya berselawat serta memohon rahmat terhadapnya. Sesiapa yang berselawat kepadanya dengan sekali selawat, nescaya Allah akan menselawatkannya dengan sepuluh kali selawat.

Ya Allah, selawat serta curahkan rahmat-Mu ke atasnya dengan bilangan sesiapa yang berselawat serta memohon rahmat ke atasnya, dengan bilangan sesiapa yang lalai dari berselawat serta memohon rahmat ke atasnya hingga ke Hari Pembalasan. Ya Allah, selawat serta curahkan rahmat ke atas penghulu para Rasul serta imam kepada para hunafa' yang mentauhidkan-Mu dengan selawat yang berkekalan hingga ke hari pembalasan. Adapun terhadap si pendusta besar lagi pendosa agung al-Mukhtar ini, kami mengatakan cukuplah Allah sebaik-baik yang menjadi Wakil.⁴⁵¹

⁴⁴⁹ Sila lihat al-Bayan wa al-Isyhar li Kashf Zaigh al-Mulhid al-Hajj Mukhtar, cetakan pertama, Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, 1372H, hlm. 292-293, (secara ringkas).

⁴⁵⁰ Sila lihat al-Bayan wa al-Isyhar li Kashf Zaigh al-Mulhid al-Hajj Mukhtar, hlm. 80.

⁴⁵¹ Sila lihat al-Bayan wa al-Isyhar li Kashf Zaigh al-Mulhid al-Hajj Mukhtar, hlm. 271.

Kesepuluh: al-Syeikh Muhammad Syawil.

Dalam menjawab tuduhan Muhammad al-Bakri Abi Harraz bahawa golongan Wahabi melarang berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam, beliau berkata:

Kami tidak tahu di mana al-Harrazi pendusta ini mengambil kata-kata dustanya bahawa al-Syeikh al-Imam atau kaum keluarganya melarang berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Di sini terdapat hasil karya mereka yang dipenuhi dengan nasihat supaya sentiasa menyebut nama serta berselawat ke atas junjungan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.

Harus dinyatakan di sisi bahawa al-Syeikh al-Imam adalah pengikut kepada mazhab al-Imam Ahmad rahimahullah. Berdasarkan pandangan mazhabnya, mengucapkan selawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam di dalam solat merupakan rukun dari rukun-rukun solat. Dalam hal ini, akan terbatal solat jika meninggalkan amalan berselawat ke atas Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴⁵²

Kesebelas: Pengarang kitab al-Nufkah 'ala al-Nufkah.

Beliau menjawab tuduhan ini dengan katanya:

Adapun terhadap al-Mustafa sallallahu 'alayhi wa sallam, tidak ada seorangpun di kalangan kaum Muslimin walau di mana jua berada sanggup untuk merendah-rendahkan apatah lagi untuk menyatakan kebencian terhadap baginda. Betapa seriusnya hal ini sehinggakan bagi mazhab Hanbali sesiapa yang mencela Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dia dihukum bunuh.⁴⁵³

Keduabelas: al-Syeikh Salih bin Ahmad

Al-Syeikh Salih bin Ahmad menjawab tuduhan Ahmad Nur yang juga menuduh golongan Wahabi merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Dalam kitabnya Tadmir Abathil Muhammad bin Ahmad Nur beliau menyatakan kenyataan yang amat menarik. Ia seperti berikut:

Sesiapa yang menyamakan martabat manusia biasa dengan Rasul Tuhan sekalian alam serta pemilik kepada al-Maqam al-Mahmud yang berkata: Aku adalah penghulu anak Adam⁴⁵⁴, dengan tidak ada keraguan dari sabda Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam bahawa keutamaan baginda termasuk penghulu kepada para Nabi serta Rasul 'alayhimussolatu

⁴⁵² Sila lihat al-Qawl al-Sadid fi Qamh al-Harrazi al-'Anid, Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, Kaherah, 1372H, hlm. 15.

⁴⁵³ Sila lihat Nasir al-Din al-Hijazi, al-Nufkah 'ala al-Nufkah, Matba'ah al-Taraqi, Damsyik, 1340H, hlm. 27-28.

⁴⁵⁴ Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud dan Ibn Majah.

wassalam, maka tidak syak lagi dakwaan sebegini adalah suatu pembohongan besar. Semoga Allah memerangi puak-puak pendusta ini. Dan aku tidak terfikir orang yang mengatakan perkataan ini mempunyai bahagian dalam Islam kerana dia mengecil-kecilkan kedudukan penghulu anak Adam sallallahu 'alayhi wa sallam. Dalam hal ini golongan pendusta termasuk kalangan mereka yang menyamakan kedudukan Nabi kita dengan mereka yang terbaik dari kalangan umat ini, dimana inipun masih dianggap merendah-rendahkan kedudukan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Maka bagaimana kalau kita menyamakan taraf Nabi dengan manusia biasa?⁴⁵⁵

Ketigabelas: 'Abd. Allah bin 'Ali al-Qasimi.

Dalam membantah tuduhan palsu al-'Amili al-Rafidhah yang mengatakan bahawa al-Syeikh al-Imam merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dalam kitabnya Kashf al-Irtiyab, beliau berkata seperti berikut:

Adapun jawapan terhadap tuduhannya: Betapa dustanya si Rafidhi ini. Tidak ada keadilan kepadanya apabila dia mendakwa bahawa hal ini merupakan i'tikad golongan Wahabi terhadap para Nabi serta Rasul 'alayhimussolatu wassalam. Semoga Allah memerangi para pendusta ini serta kumpulannya. Tidak terdapat di atas muka bumi ini pembohongan serta kezaliman yang dapat dibandingkan dengannya.

Adapun pegangan golongan Wahabi terhadap para anbiya' 'alayhimussolatu wassalam ialah mereka mewajibkan ke atas setiap kaum Muslimin supaya menghormati mereka dengan sebesar-besar penghormatan. Dimana penghormatan ini mengatasi kasih mereka terhadap diri, kaum keluarga serta manusia lain keseluruhannya. Ketahuilah, tidak ada kejayaan dari awal hingga akhir kecuali dengan mentaati serta mengikuti para anbiya' 'alayhimussolatu wassalam dalam kehidupan dunia serta akhirat. Ini disebabkan mereka merupakan perantara antara Allah dengan para hamba-Nya dalam menyampaikan risalah-Nya. Selain itu hanya para anbiya' 'alayhimussolatu wassalam yang maksum atau terpelihara dari melakukan dosa-dosa. Oleh itu sekalian hamba Allah diperintahkan agar mengikuti, mentaati serta membenarkan segala suruhan serta meninggalkan segala larangan mereka.⁴⁵⁶

Al-Qasimi seterusnya berkata:

Adapun tuduhan engkau bahawa golongan Wahabi melarang melakukan penghormatan terhadap para Nabi 'alayhimussolatu wassalam dengan menganggapnya sebagai perbuatan kufur laksana beribadat kepada patung-patung, maka ia hanya suatu

⁴⁵⁵ Hlm. 9-10.

⁴⁵⁶ Jil. 2, hlm. 56.

pendustaan yang sengaja direka-reka. Sebaliknya tidak ada sebarang keraguan dimana golongan Wahabi tetap menyatakan penghormatan terhadap mereka (para anbiya') terutama kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam kerana ia merupakan pangkal kepada keimanan serta keislaman. Tidak ada keraguan kepada golongan Wahabi bahawa sesiapa yang tidak menghormati Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam dengan penghormatan yang layak untuknya maka dia bukan seorang Muslim atau orang beriman.⁴⁵⁷

Beliau menambah lagi:

Adapun apa yang dikatakan syeikh pendusta (Ahmad Zaini) Dahlan menerusi kitab Khulasah al-Kalamnya bahawa dia pernah mendengar al-Syeikh al-Imam berkata bahawa tongkat lebih membawa manfaat dari Rasul, ini sememangnya suatu pendustaan besar jenis murahan lagi amat menghinakan. Kami dalam hal ini sanggup berhadapan dengan si Rafidhi ini beserta rakan-rakannya yang lain. Sila bawakan bukti berdasarkan kata-kata sesiapa sahaja dari golongan Wahabi sama ada di kalangan para ulama' mahupun golongan awam mereka bahawa al-Syeikh al-Imam pernah mengatakan demikian.⁴⁵⁸

Keempatbelas: al-Syeikh Ahmad bin Hajar Ali Bauthami.

Dalam bantahannya terhadap pembohongan ini, beliau menyebutkan bukti kukuh bahawa al-Syeikh al-Imam amat berkeinginan untuk menyatakan penghormatan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

al-Syeikh al-Imam merupakan pengarang kepada kitab Mukhtasar al-Sirah. Ia dicetak beberapa kali serta disebar di segenap lapangan dan tempat. Sekiranya beliau tidak mengasihi Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam mengapa pula dikarangnya kitab berkenaan sirahnya? Sesiapa yang tidak mengasihi Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dia bukan seorang Muslim tetapi sama ada seorang Yahudi ataupun Nasrani.

Selain itu al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya menyeru manusia supaya berpegang teguh kepada Sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dan amat tidak menyukai sesiapa yang melakukan perkara yang bercanggah dengannya. Tidakkah ini suatu bukti menunjukkan betapa sempurnanya kasih serta penghormatan mereka kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam? Namun golongan yang menyeleweng menunjukkan kasih mereka kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dengan membaca nasyid, syair serta melakukan al-Istighosah. Maka amalan yang mana satu menunjukkan

⁴⁵⁷ Jil. 2, hlm. 61.

⁴⁵⁸ Jil. 2, hlm. 66-67.

pernyataan kasih kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam? Adakah dengan melakukan perkara yang ternoda dengan unsur-unsur bid'ah atau sebaliknya?⁴⁵⁹

Kelimabelas: 'Abd. al-Rahman Umayrah.

'Abd. al-Rahman Umayrah menolak pembohongan ini dengan bantahan seperti berikut:

Para pembenci serta penyesat dari jalan kebenaran mengetahui tahap kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Maka mereka menghendaki menerusi pembohongan ini untuk menyemarakkan lagi api kemarahan hati-hati kaum Muslimin serta memalingkan mereka dari mengikuti dakwah al-Tauhid. Oleh itu merekapun mencipta kesesatan yang amat nyata ini yang tidak cenderung kepadanya melainkan orang-orang yang hitam legam hati serta rosak akhlaknya. Keadaan ini menyebabkan mereka sanggup memerangi Allah dan Rasul-Nya dengan berpaling dari mengikutinya.

Beliau menambah:

Adapun terhadap lelaki (merujuk kepada al-Syeikh al-Imam – penterjemah) yang menyeru kaum Muslimin supaya kembali kepada al-Qur'an yang dibawa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam mereka menuduh dia melarang berselawat kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini hanyalah pembohongan yang tidak pernah dilakukan golongan terdahulu. Bagaimana mungkin dia yang menyeru supaya berpegang teguh dengan perintah-perintah al-Qur'an boleh dilemparkan tuduhan bahawa dia menegah berselawat ke atas Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam sedangkan hal berselawat termaktub di dalam al-Qur'an?. Ia seperti berikut:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya. (al-Ahzab: 56)⁴⁶⁰

Setelah mempersembahkan pelbagai jawapan kukuh serta bantahan yang amat bernilai terhadap kedua-dua tuduhan yang hakikatnya hanyalah pembohongan besar terhadap al-Syeikh al-Imam serta para pendokongnya, maka kami dengan penuh keyakinan menegaskan bahawa al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para pendokongnya tetap menyatakan penghormatan yang sempurna terhadap al-Mustafa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ini dilakukan menerusi kepatuhan terhadap sunnah,

⁴⁵⁹ Sila lihat Naqd Kalam al-Muftarin 'ala al-Hanabilah al-Salafiyyin, Maktabah Ibn Taymiyyah, al-Kuwait, hlm. 67-68.

⁴⁶⁰ Sila lihat al-Syubhat allati Athirat 'ala 'ala Dakwah al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (dengan disertakan tujuh buah risalah al-Syeikh), Jil. 2, hlm. 68.

membenarkan segala perkhabaran, mentaati segala perintah serta menjauhi apa yang dilarang Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam.⁴⁶¹

Seterusnya kami mempersembahkan kata-kata para penentang dalam mensifatkan hak-hak al-Mustafa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam beserta dengan beberapa jawapan para pemimpin dakwah al-Salafiyah terhadapnya supaya lengkap perbincangan ini dari sudut perbandingan antara keduanya.

Pertama: Pengarang kitab Izhaq al-Bathil.

Beliau berkata: "Adalah Muhammad serta ahli keluarganya laksana cahaya yang suci. Dimana Allah menjadikan sekalian makhluk kerana mereka."⁴⁶²

Kedua: al-Qabbani.

Al-Qabbani dalam salah satu hikayat pembohongannya terhadap al-Syeikh al-Imam berkata: "Dia mengurangkan kemuliaan kejadian (merujuk kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam) yang tidak terjadinya sekalian makhluk melainkan kerananya."⁴⁶³

Ketiga: 'Abd. Allah al-Qasimi.

Beliau menyebutkan sikap melampau golongan al-Rafidhah terhadap Nabi kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam. Antaranya apa yang dinyatakan Muhammad al-'Amili adalah seperti berikut: "Dia adalah pemilik kepada segala rahsia menerusi keutamaan yang ada pada dirinya. Di mana sekecil-kecil rahsia itu ialah penciptaan alam ini."⁴⁶⁴

Dalam hal ini, Abu Buthayn berkata dalam kitabnya Ta'sis al-Ta'qdis: "Di antara sikap melampau mereka ialah apa yang dikatakan Dawud al-Iraqi bahawa Allah menjadikan dunia serta akhirat kerana Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam." Sebagai jawapan balas, Abu Buthayn berkata seperti berikut:

⁴⁶¹ Bagi memperjelaskan kenyataan ini, elok disertakan apa yang dicatatkan oleh Muhammad Bahjat al-Baytar berdasarkan suratkhawat Umm al-Qura yang diterbitkan pada 22 hari bulan Safar tahun 1349H. Ia seperti berikut:

"Suatu ketika aku menziarahi yang mulia Ustaz al-Sayyid Hamad al-Sanusi al-Kabir. Sewaktu menziarahinya hadir bersama ustaz suatu golongan para ilmuwan. Maka terdengarlah apa yang mereka katakan terhadap rakan-rakan kami dari kalangan penduduk Najd. Sebahagian mereka mengutarakan kata-kata bohong yang masyhur dikatakan para penentang. Namun aku menyatakan pegangan sebenar golongan Najd yang berdasarkan akidah sahih ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti berikut:

"Sesungguhnya kami meyakini bahawa kedudukan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam paling mulia berbanding kedudukan makhluk lainnya, beliau hidup di dalam kuburnya sebagai kehidupan di alam barzakh mengatasi kehidupan para syuhadah...." hinggalah ke akhirnya lantas salah seorang dari para ilmuwan mereka dengan rasa terkejut berkata: "Wahai fulan, ini merupakan akidah ahl al-Sunnah wa al-Jamaah." Maka akupun ketawa mendengarnya. Akupun berkata bahawa inilah sebenarnya pegangan golongan Najd.

⁴⁶² Sila lihat Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Dawud al-Hamdany: Izhaq al-Bathil berdasarkan naskah yang terdapat di Darah al-Malik 'Abd al-Aziz, helaian 37.

⁴⁶³ Sila lihat Ahmad bin 'Ali al-Basri yang masyhur dengan gelaran al-Qabbani dalam kitabnya Fasl al-Khitab fi Radd Dolalat Ibn 'Abd. al-Wahhab. Ia berdasarkan naskah salinan yang terdapat di Jabatan Manuskrip Universiti al-Imam, helaian 223.

⁴⁶⁴ Sila lihat al-Sarra' Bayna al-Islam wa al-Wathaniyyah, Jil. 2, hlm. 15.

Adapun kata-kata ini tidaklah benar. Hakikatnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala menjadikan kita dengan penuh kebijaksanaan sebagaimana Firman-Nya dalam al-Qur'an (yang bermaksud): "Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku." (al-Dzaariyat: 56) Firman-Nya lagi: "Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa yang lebih baik amalnya." (al-Mulk: 2) Berdasarkan ayat-ayat ini tidak betul mengatakan Allah menjadikan alam ini kerana salah seorang dari hamba-hamba-Nya. Dengan itu kenyataan mereka tidak boleh dijadikan hujah untuk menetapkan dakwaan.⁴⁶⁵

Keempat: al-'Alawi al-Haddad.

Dalam menetapkan kedudukan jasad Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, dia berkata:

Sesungguhnya jasad yang mulia ini tidak kosong daripadanya zaman, tempat, lokasi mahupun kedudukan, begitu juga Arash, Kursi, serta selain daripadanya dari kalangan makhluk. Oleh itu kejadian makhluk dipenuhi Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam hatta bumi yang paling bawah. Ia seperti penuhnya kubur Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam dengan jasadnya. Dengan itu kamu akan dapati bahawa Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam menetap di mana-mana sahaja bagi menunaikan khidmat. Namun bagi mereka yang melihat Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam sama ada dalam keadaan sedar mahupun tidur maka dia akan melihatnya dalam suatu waktu tertentu serta di tempat yang jauh.⁴⁶⁶

Bagi menjawab kenyataan ini, Ibn Sahman berkata:

Wahai sesiapa yang berpegang dengan pandangan si mulhid serta golongan musyrikin ini. Mereka sebenarnya menghina Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dengan sebesar-besar penghinaan serta mencerca beliau dengan sebesar-besar cercaan. Mereka melakukan demikian dengan menyangka bahawa mereka mengagung-agungkannya. Sikap melampau ini ternyata dengan dakwaan mereka bahawa jasad Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam tidak kosong dari zaman, tempat, lokasi dan sebagainya. Hakikatnya musuh Allah ini tidak menjaga Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam dari kekotoran. Jika benar kenyataan ini, maka bagaimana dengan perut haiwan seperti anjing dan khinzir? Selain itu kata-kata mereka bahawa jasadnya berada di Arash, Kursi adalah hal yang mustahil dari sudut kejadian serta perkhayaban yang sahih iaitu al-Qur'an serta hadith.⁴⁶⁷

⁴⁶⁵ Sila lihat Ta'sis al-Taqqid, hlm. 7-8.

⁴⁶⁶ Sila lihat Misbah al-Zullam, hlm. 29.

⁴⁶⁷ Sila lihat al-Asinah al-Haddad fi Radd Syubhat 'Alawi al-Haddad, cetakan kedua, percetakan Riyadh, 1376H, hlm. 80.

Kelima: Muhammad 'Atha al-Kasam.

Muhammad 'Atha al-Kasam mensifatkan Muhammad Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam seperti berikut:

Beliau adalah Quthub al-Aqhtan yang dapat menarik manusia sekaliannya. Ia merangkumi para Nabi, Wali serta selainnya dari yang pertama hingga yang terakhir. Ketahuilah, hakikatnya beliau hadir sebelumnya walaupun dalam keadaan ghaib...⁴⁶⁸

Bagi menjawab hal ini, al-Qasimi berkata:

Secara realiti i'tikad yang batil lagi merosakkan ini merupakan pegangan golongan Syi'ah terhadap Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam serta para Nabi 'alayhimussolatu wassalam lainnya. Mereka berpandangan tidak seorangpun di kalangan para Nabi yang dikhususkan terpelihara dari melakukan kesalahan. Selain itu tidak seorangpun di kalangan para Nabi dikhususkan menerima wahyu serta turunnya malaikat kepada mereka. Sebaliknya, mereka mendakwa para imam-imam Syi'ah terpelihara dari melakukan dosa. Dan sebagaimana kebanyakan para Nabi menerima wahyu, para imam-imam Syi'ah juga menerima wahyu.

Mereka juga mendakwa jika tidak kerana jihad Saidina 'Ali radiyallahu 'anhu, agama Islam tidak akan hidup di atas mukabumi. Ini adalah seburuk-buruk celaan terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta para sahabat radiyallahu 'anhum yang termasuk di dalamnya Saidina 'Ali radiyallahu 'anhu serta terhadap kaum Muslimin sekalian.⁴⁶⁹

Berdasarkan kenyataan di atas, nyata kepada kita sebahagian dari penyelewengan serta kekarutan pegangan golongan al-Rafidhah. Betapa melampau sikap mereka apabila mendakwa alam semesta sekaliannya dicipta kerana Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam serta bersumberkan juga kepada Nabi Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam (sila rujuk kenyataan di atas bahawa Nabi memenuhi alam - penterjemah). Hal ini dilakukan tidak lain kerana ingin menyamakan taraf kedudukan mereka dengan baginda. Bahkan sebahagiannya berpandangan bahawa diri mereka bersekutu dengan Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam dari sudut terpelihara dari melakukan dosa.

Secara ringkas, dapat dibuat kesimpulan bahawa segala dakwaan sama ada dari golongan Sufi, al-Rafidhah mahupun selain keduanya merupakan dakwaan melampau (ghulu) terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam sehingga sanggup mengangkat kedudukan diri mereka bersamaan dengan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa

⁴⁶⁸ Sila lihat al-Aqwal al-Mardhiyyahfi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah, cetakan pertama, percetakan al-'Umumiyyah, Mesir, 1901M, hlm. 18.

⁴⁶⁹ Sila lihat al-Sarra' Bayna al-Wathiyyah wa al-Islam, Jil. 2, hlm. 58-59. (secara ringkas).

sallam. Hakikatnya perkara ini bercanggah dengan petunjuk Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta jalan orang-orang yang beriman.⁴⁷⁰

Wallahu'alam⁴⁷¹

⁴⁷⁰ Sila lihat sebahagian hasil karya para pemimpin dakwah al-Salafiyah dalam jawapan mereka terhadap sikap melampau yang membabitkan kedudukan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam terutama apabila mengulas kasidah masyhur yang dikenali sebagai "Burdah al-Busayri" serta selainnya. Ia seperti berikut:

1. al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan menerusi al-Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 2, hlm. 33.
2. al-Syeikh Abu Buthayn menerusi al-Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il, Jil. 2, hlm. 237.
3. al-Syeikh Salih al-Syuthri menerusi Ta'yid al-Mulk al-Manan, helaian 18.
4. al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi menerusi Ghayah al-Amani, Jil. 2, hlm. 350.

⁴⁷¹ Penterjemah: Alhamdulillah, Buku 1 ini merupakan terjemahan hingga mukasurat 112 dari kitab Arab yang asal. Semoga Allah mengurniakan saya kekuatan dan kemudahan untuk meneruskan projek terjemahan ini untuk diterbitkan sebagai Buku 2, 3 dan seterusnya. Amin.